



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

---

**Jilid I**

**Bil. 13**

**Hari Rabu**

**17hb Disember, 1986**

---

**KANDUNGANNYA**

|  |                      |
|--|----------------------|
| <b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>                                | <b>(Ruangan 1)</b>   |
| <b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>   |                      |
| <b>Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)</b>   | <b>(Ruangan 34)</b>  |
| <b>Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan)</b>                                    | <b>(Ruangan 48)</b>  |
| <b>Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan)</b>                              | <b>(Ruangan 109)</b> |
| <b>USUL:</b>   |                      |
| <b>Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan<br/>    daripada Peraturan Mesyuarat</b> | <b>(Ruangan 99)</b>  |



## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Rabu, 17hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN

## IMPORT BAHAN MAKANAN

1. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk membawa masuk bahan-bahan makanan seperti gula, beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan dari luar negeri sehingga 30.10.1986 dan apakah pula tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan aliran wang keluar untuk membawa masuk bahan-bahan tersebut secara lebih berkesan lagi.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Leel:** Tuan Yang di-Pertua, data import bagi September dan Oktober 1986 belum dianalisa. Walau bagaimanapun, bagi bulan Januari hingga Ogos, 1986, Malaysia telah mengimport barangan makanan yang terdiri dari gula, beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai \$743.47 juta mengikut pecahan berikut:-

|                          |          |      |
|--------------------------|----------|------|
| Gula dan persediaan gula | \$216.55 | juta |
| Beras                    | 70.74    | "    |
| Daging berbagai bentuk   | 114.12   | "    |
| Sayur-sayuran            | 186.17   | "    |
| Buah-buahan              | 155.89   | "    |

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tegas bagi mengurangkan aliran wang yang banyak ini. Langkah-langkah ini ialah menambah dan meningkatkan pengeluaran hasil dalam negeri bagi barangan yang boleh dikeluarkan dalam negeri. Menggalakkan petani-petani mengusahakan tanah-tanah pertanian yang terbiar. Menggesa pihak-pihak

swasta melabur dalam sektor pengeluaran makanan, menyekat atau mengurangkan kuota import bagi barang-barang yang dahulunya banyak diimport dan menggalakkan barangan makanan di mana mungkin.

Selain dari itu, jabatan dan agensi-agensi Kerajaan juga diarah supaya mempergiatkan bantuan dan khidmat sokongan mereka bagi membantu petani-petani menambah pengeluaran mereka.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara negara kita membawa masuk barang-barang makanan ini telah lama kita dengar beratus-ratus juta ringgit wang kita mengalir keluar. Saya ingin tahu mengapa begitu lambat Jabatan Pertanian dan agensi-agensi yang lain untuk menyubur, memakmurkan tanah negara kita ini, sedangkan katalah gula itu perkara yang memerlukan kepada kilang yang besar, modal dan kepandaian yang banyak, tetapi beras sekarang hanya dalam tempoh 4 bulan padi sudah boleh dituai; daging, paling lama lembu yang gemuk dua tahun; buah-buahan barangkali kalau durian makan 7, 8 tahun tetapi buah-buahan yang lain tidak sebegitu lama. Sayur-sayuran ini paling lama 2 bulan, 40 hari sudah ada sayur yang boleh kita makan. Adakah Kerajaan memikirkan bahawa daging, buah-buahan, sayur-sayuran yang dibawa daripada luar negeri ini mutunya lebih tinggi daripada sayur yang boleh ditanam dalam negara kita. Kita tidak mahu pengaliran ini terus keluar begitu banyak sedangkan kita masih boleh menanam dalam negeri kita. Masalah hendak membetulkan tanah terbiar, ini nanti kita tunggu pula 5, 6 bulan akan datang macam mana kemajuannya.

Soalan saya, apakah Kerajaan menganggap barang-barang yang dibawa masuk ini mutunya lebih tinggi daripada beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran yang boleh didapati di dalam negeri kita sendiri.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu berapa soalan yang Yang Berhormat sudah bangkitkan, tetapi dahulunya dasar Kerajaan ada kepentingan kepada sektor pertanian komoditi seperti kelapa sawit dan getah dan tidak ada kepentingan kepada sektor makanan. Juga kos untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan tempatan lebih tinggi kalau dibandingkan kepada kos-kos bahan makanan yang diimport. Contohnya, beras yang kita import hanya 64 sen sekilo dan beras tempatan kosnya \$1.73 sen sekilo iaitu dua kali ganda. Susu yang kita import dari negara asing hanya 40 sen seliter, tetapi susu yang dikeluarkan di negara ini ialah 75 sen seliter. Itulah saya rasa Kerajaan tidak ada kepentingan barang-barang yang dikeluarkan di negara tempatan ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penerangan Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa gula adalah satu barangan yang dibawa masuk begitu banyak. Saya ingin mendapat penjelasan, setahu saya dua kilang gula - satu di Air Hitam, Negeri Sembilan dan satu lagi di Perak terpaksa ditutup. Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kenapa perkara ini berlaku?

Keduanya, sayuran, apakah jenis sayur yang begini banyak masuk dalam negara ini?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memang kedua-dua projek gula iaitu satu di Negeri Sembilan dan satu lagi di Perak gagal disebabkan iklim dan tanah yang tidak sesuai mengakibatkan hasil gula yang dikeluarkan dari ladang-ladang itu tidak begitu baik dan hasilnya juga tidak cukup tinggi. Itulah sebab yang menyebabkan dia gagal.

Berkenaan dengan sayur-sayuran, itu pun kos kita sangat tinggi. Kalau kita bandingkan harga jenis kobis yang dikeluarkan dari Cameron Highlands, 1 kilogram kosnya 75 sen tetapi kobis yang diimport dari Indonesia hanya 25 sen sahaja.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** Soalan tambahan. Berapa buah negeri dalam Semenanjung sekarang ini telah mengambil sikap untuk menjadikan negeri-negeri itu sebagai negeri yang berdasarkan kepada pertanian. Tetapi daripada jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah nyata bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ialah masalah tingginya kos di dalam mengeluarkan barang-barang pertanian kerana itulah misalnya sekarang ini banyak tanah-tanah terbiar oleh kerana untuk mengeluarkan padi kosnya terlampau tinggi, begitu juga sayur-sayuran dan sebagainya,

Jadi, dalam hal ini oleh kerana ada beberapa negeri seperti yang saya katakan tadi ingin menjadikan negerinya itu sebagai negeri pertanian, apakah peranan Kerajaan Persekutuan sekarang untuk membantu negeri-negeri itu supaya negeri-negeri yang tersebut dapat menjayakan cita-citanya untuk menjadikan negerinya itu sebagai negeri pertanian.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-pertua, dasar Kerajaan sekarang memanglah memberi arahan kepada semua negeri untuk kepentingan sektor pertanian bagi mengeluarkan bahan-bahan makanan tempatan. Tetapi kalau kita hendak mengurangkan kos, Kementerian saya ada beberapa rancangan untuk memberi bantuan atau pertolongan kepada petani-petani untuk mengurangkan kos seperti pihak pengurusan ladang, meningkatkan hasil-hasil yang dikeluarkan dengan teknologi yang baru, memakai jentera-jentera moden, mengusahakan tanah-tanah secara mini estet atau tanah berkelompok dan sebagainya. Dan itulah yang kita ambil langkah-langkah untuk memberi bantuan kepada sektor pertanian.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedar Kerajaan kita banyak membawa masuk barang-barang makanan kerana kita import lebih murah daripada kita keluarkan sendiri kerana kos pengeluaran kita agak lebih tinggi. Cuma saya hendak ingatkan Kerajaan apa maknanya sekiranya satu hari harga import murah tetapi barangnya tidak ada. Mana lebih baik, dengan harga pengeluaran kita mahal tetapi barang kita ada. Itu sekadar hendak ingatkan sahaja.

Soalan saya, berapa lama lagi Kerajaan hendak beralasan bahawa kita terpaksa mengimport banyak barang-barang makanan kerana kos pengeluaran di tempat kita tinggi, berapa lama lagi kita hendak gunakan dasar atau konsep ini.

Kedua, sebagai sebuah Kerajaan menyedari kos pengeluaran kita tinggt, apa tindakan jalan keluar sekarang bagi menjamin barang ini sentiasa ada, andainya pengeluaran daripada negara lain tidak dapat membekalkan kepada kita walaupun dengan harga yang lebih murah. Itu dua soalan saya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, kita harap tidak lama lagi kita boleh dapat meningkatkan pengeluaran hasil tempatan untuk menggantikan bahan-bahan import.

Untuk soalan kedua yang saya sebutkan tadi, kita sudah ambil beberapa langkah untuk mengurangkan kos untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan tempatan. Dan kita haraplah jikalau langkah-langkah ini boleh berjaya, kita boleh mengurangkan kos dan juga boleh tambah lagi hasil-hasil tempatan.

**Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai jumlah daging yang disebutkan tadi iaitu adakah jumlah ini termasuk daging ayam, Yang saya maksudkan daging ayam bukannya ayam hidup. Jika ada, saya ingin hendak tahu berapa jumlahnya dan apakah sebabnya kita tidak melarangkan import kepada daging ayam.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, daging ayam tidak boleh diimport.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahan-bahan sayuran itu diimport oleh sebab harganya kurangkah atau kerana bahan-bahan di tempatan ini tidak mencukupi?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua sebab, iaitu bahan-bahan tidak boleh didapati di dalam negara kita dan juga bahan-bahan keluaran tempatan tidak mencukupi.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada ura-ura yang mengatakan sayap ayam, dengan izin, "chicken wing" ada diimport masuk dari Singapura ke negara kita. Saya ingin mendapat tahu sama ada ini benar atau tidak.



**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "chicken wing" ini tidak boleh diimport, itu pun dilarang. Tetapi kita tahu ada pihak yang mengimport "chicken wing" ini untuk kegunaan "dog food", dengan izin,

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Haji Lazim.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 2.

#### PEMAJU PERUMAHAN - BAYARAN FAEDAH

**2. Tuan Haji Hussein bin Ahmad [dibawah S.0.23 (2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar, ramai kakitangan Kerajaan terpaksa membayar faedah yang bukan kesalahan mereka, kepada pemaju-pemaju perumahan ke atas rumah-rumah yang mereka beli, akibat kelewatan Bahagian Pinjaman Perumahan membuat bayaran-bayaran progresif, kepada pemaju-pemaju perumahan, jika sedar, apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang untuk diambil tindakan bagi membaiki keadaan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, Kementerian Kewangan ingin memberitahu Yang Berhormat itu bahawa Kementerian sedar ada kakitangan Kerajaan terpaksa membayar kepada pemaju perumahan kerana kelewatan dalam menjelaskan bayaran.

Walau bagaimanapun, kelewatan yang berlaku itu bukanlah berpunca daripada ketidakcekapan Bahagian Pinjaman Perumahan. Sebelum sesuatu permohonan pinjaman perumahan diluluskan dan bayaran dilakukan beberapa peraturan dan syarat-syarat perlu dipatuhi. Peraturan dan syarat-syarat ini adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan terhadap pinjaman yang diberi. Itu bermakna peraturan dan syarat-syarat itu adalah untuk menjaga kepentingan rakyat kerana wang itu adalah wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna satu masa atau tempoh yang minima adalah dikehendaki sebelum tuntutan bayaran boleh dikemukakan oleh pemaju atau penjual untuk tindakan bayaran.

Jika permohonan dikemukakan lewat, maka bayaran progresif juga akan terjejas dan dibuat lewat. Untuk memperbaiki keadaan tersebut, Kementerian Kewangan menasihatkan semua pemohon supaya mengemukakan permohonan mereka sebaik sahaja perjanjian jual beli harta ditandatangani dan kemudian mengemukakan semua dokumen penting yang berkait dengan segera ke Bahagian Pinjaman Perumahan untuk diambil tindakan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nyatakan sama ada ianya menjadi dasar Kerajaan untuk meneruskan potongan pinjaman selepas 24 bulan walaupun rumah belum siap akibat dari terbengkalai projek itu. Nyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang memberhentikan potongan bayaran balik sehingga rumah itu siap diduduki.

**Tuan Loke Tuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar masalah potongan itu kalau dibuat sebelum rumah itu siap diduduki oleh pembeli atau pemohon pinjaman perumahan itu. Tetapi dasar Kerajaan kita ini adalah berasaskan kepada kelulusan pinjaman pada masa ini dan tidak berasaskan kepada jumlah yang dikeluarkan atau sama ada skim perumahan itu disiapkan atau tidak.

Alasan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan adalah bahawa jikalau Kerajaan bermula memotong balik pinjaman yang diluluskan kepada pemohon itu selepas rumah itu siap atau diduduki oleh pemohon, ini akan menimbulkan beberapa masalah. Misalnya, Kerajaan kita akan menghadapi masalah untuk melulus permohonan yang lebih kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan lain. Jadi, ini pun akan timbul masalah pentadbiran di dalam Kementerian Kewangan.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian sedar bahawa kebanyakan pemaju-pemaju tidak mendaftarkan tanah di atas nama syarikat mereka sendiri? Oleh kerana itu bila kelulusan diperolehi, mereka tidak akan mendapat bayaran harga tanah itu sehinggalah semua dokumen telah diselesaikan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada kejadian atau kes seperti ini berlaku, tetapi ini adalah soalan yang luar daripada soalan asal. Saya minta notis dan Kementerian Kewangan akan memberikan keterangan.

#### WISMA PUTRA - MENGUKUHKAN BAHAGIAN EKONOMI

3. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengukuhkan tugas Wisma Putra dalam urusan-urusan ekonomi. Memandangkan penekanan untuk memberikan keutamaan kepada hal-hal ekonomi, berapa ramaikah pegawai-pegawai Wisma Putra di peringkat "Counsellor" ke atas yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang diperlukan dalam bidang ekonomi, perdagangan dan lain-lain kelulusan dan pengalaman yang berkaitan. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki kedudukan ini jika sekiranya Wisma Putra tidak berkeupayaan dalam bahagian ini.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan tugasnya dalam urusan-urusan ekonomi. Di antaranya ialah:

- (i) memperkemaskan lagi Bahagian Ekonomi yang ada sekarang supaya tugas-tugas ekonomi Kementerian Luar dapat dilaksanakan dengan licin. Ini termasuk membentuk suatu Penal Ekonomi yang disertai oleh pakar-pakar ekonomi swasta dan awam;

- (ii) menubuhkan jawatankuasa penyelarasan hal ehwal ekonomi luar di semua perwakilan Malaysia di luar negeri yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Perwakilan dan dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi;
- (iii) mengeluarkan arahan-arahan serta garis-garis panduan kepada perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri untuk memberi perhatian yang lebih terhadap tugas-tugas ekonomi;
- (iv) menghantar pegawai-pegawai untuk berkursus dan latihan dalam dan di luar negeri dalam bidang ekonomi;
- (v) mengadakan lawatan serta taklimat;
- (vi) mengadakan perhubungan yang rapat dengan agensi-agensi ekonomi yang lain dalam memper-tingkatkan lagi fahaman serta prestasi pegawai dalam hal ehwal ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pegawai-pegawai Kementerian yang berpangkat Penasihat Kedutaan atau "Counsellor" mempunyai pengalaman menjalankan tugas-tugas yang berbentuk ekonomi, Pengalaman ini mereka perolehi sama ada di Kementerian ataupun di perwakilan Malaysia di luar negeri di mana tugas-tugas mereka termasuk antara lain, penyediaan laporan ekonomi dan menyelenggara aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan negara-negara yang berdagang dengannya.

Di Kementerian Luar Negeri sendiri terdapat seramai 20 orang yang mempunyai kelulusan peringkat ijazah dalam pelbagai bidang ekonomi termasuk 10 orang pegawai pangkat "Counsellor" yang mempunyai kelulusan tersebut.

#### PUSAT LATIHAN PETROLEUM/PETRONAS

4. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kejayaan yang telah dicapai di beberapa pusat institusi teknikal dan vokasional mengenai minyak di Batu Rakit, Kerteh dan di Bangi; dan
- (b) berapa bilangan anak Malaysia yang telah menjalani latihan di International School of Technology of Norway (ISOT) dan berapa ramai yang telah berjaya dari kursus di ISOT itu anak Melayu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, dua buah Pusat Latihan iaitu Institut Latihan Perindustrian Petroleum atau ILPP di Batu Rakit dan Pusat Latihan PETRONAS Carigali di Kerteh telah memainkan peranan yang aktif melatih kakitangan anak Malaysia dalam segala aspek teknikal berkaitan dengan operasi pengeluaran petroleum. ILPP di Batu Rakit semenjak tahun 1982 hingga masa kini telah berjaya melatih kira-kira 370 orang kakitangan dalam berbagai bidang seperti penyelia operasi pengeluaran, operasi pelantar, juruteknik dan turut juga memberi latihan kepada mekanik dan pembantu mekanik. Tempoh kursus itu adalah dari dua bulan hingga 12 bulan,

Selain daripada kursus tersebut di atas, Pusat di Batu Rakit ini juga telah mengendalikan skim latihan setakat ini untuk kakitangan PETRONAS dan wakil penjual PETRONAS. Jumlah kursus yang dijalankan tidak kurang dari 15 kursus jangka pendek setahun. Kursus-kursus ini termasuk kursus auto service, kursus bacaan blue print, keselamatan makmal dan lain-lain lagi. Pusat latihan PETRONAS Carigali di Kerteh pula telah berjaya melatih seramai 171

orang anak tempatan Malaysia dalam pelbagai bidang penyelenggaraan dan operasi pengeluaran minyak dan gas sejak penubuhannya dalam tahun 1982 sehingga kini. Di samping itu juga Pusat ini berjaya mengeluarkan 6 orang tenaga pengajar mahir dalam bidang penyelenggaraan serta operasi pengeluaran minyak dan gas. Pusat Latihan di Kertih ini juga mengadakan berbagai-bagai kursus jangka pendek yang menitikberatkan kemahiran dalam penggunaan serta penyelenggaraan peralatan. Pusat Latihan di Bangi adalah masih dalam peringkat persediaan dan fungsi utama Pusat ini adalah untuk latihan dalam bidang pengurusan. Sebenarnya tiada seorang pun anak Malaysia yang telah menjalani latihan di International School of Technology of Norway (ISOT) di Norway. Bagaimanapun, seramai 143 orang anak Malaysia telah diberi latihan teknikal oleh ISOT dalam pelbagai bidang penyelenggaraan dan operasi pengeluaran minyak di Pusat Latihan di Kerteh. Latihan ini dikendalikan oleh tenaga pengajar daripada ISOT Norway. Daripada jumlah tersebut, 111 orang merupakan keturunan Melayu. Kumpulan itu ialah khusus untuk mengendalikan Projek Gas Duyung di luar pantai Terengganu.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Kerajaan kita tidak dapat menghantar seorang pun pergi ke Norway? Apakah ianya tidak layak atau Pusat itu tidak dapat menerima calon-calon daripada Malaysia?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, daripada kehendak Kompleks Duyung tidak ada keperluan bagi PETRONAS untuk menghantar orang ke Norway bagi menjalankan latihan. Oleh kerana sekolah latihan ini telahpun dibina lebih awal bagi melatih orang yang diperlukan untuk mengendalikan Kompleks Duyung di Terengganu itu.

### DASAR BELIA NEGARA

5. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah Dasar Belia Negara telah tercapai dan sejauh manakah sambutan dan penglibatan Badan Belia dalam negara ini seperti di Majlis Belia Malaysia. Apakah peranan Kementerian yang berkenaan dalam mewujudkan perpaduan di kalangan belia dalam negara ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat sekarang, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia sedang dalam rangka memberi penerangan dan kefahaman mengenai Dasar Belia Negara kepada agensi-agensi Kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan belia di semua peringkat.

Adalah terlalu awal bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengukur sejauh manakah kejayaan pelaksanaannya kerana Dasar Belia Negara telah diterima oleh Jemaah Menteri pada bulan Disember, 1985. Walau bagaimanapun, banyak agensi-agensi Kerajaan dan swasta telah mengadakan berbagai rancangan untuk pembangunan belia mengikut kehendak Dasar Belia Negara.

Pertubuhan-pertubuhan belia di semua peringkat telah menyokong sepenuhnya dasar ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mempunyai peranan penting dalam mewujudkan persefahaman dan perpaduan di kalangan masyarakat belia dalam negara ini.

Satu cawangan perpaduan telah diwujudkan di bahagian belia untuk merangka, merancang dan melaksanakan berbagai program ke arah perpaduan masyarakat belia. Di antara programnya adalah seperti berikut:



- (a) latihan khidmat belia.
- (b) khemahkerja perpaduan.
- (c) pertukaran belia dalam negeri Malaysia.
- (d) rancangan pengembaraan.
- (e) rancangan kelab service.
- (f) rancangan orientasi desa.
- (g) khidmatbakti masyarakat.
- (h) khidmatkerja keselamatan.
- (i) khidmatkerja belia bandar.

Terima kasih.

#### IMPORT KENDERAAN BERMOTOR - PERMIT

6. **Tuan Yusof bin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dasar Kerajaan di dalam Pengeluaran Permit untuk Pengimportan Motokar oleh orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat yang menjual motokar.

#### **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee**

**Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengimportan semua jenis kenderaan bermotor adalah dikenakan sekatan di bawah Jadual Kedua kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1981. Tujuan sekatan ini ialah memberikan perlindungan kepada industri bermotor tempatan. Pengimportan dibenarkan di bawah keadaan tertentu sahaja dan dengan menggunakan suatu Lesen Import yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi pihak Ketua Pengarah Kastam.

Pengeluaran Lesen-lesen Import kepada orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat adalah berdasarkan garis-garis panduan dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan, iaitu:

**(1) Bagi Syarikat-syarikat**

- (i) hanya syarikat-syarikat yang benar-benar bergiat aktif dalam perniagaan penjualan kereta bermotor sahaja diberi kuota import;
- (ii) syarikat-syarikat ini hendaklah yang merupakan wakil pengedar sah bagi kenderaan-kenderaan tertentu atau syarikat-syarikat yang diiktiraf sebagai peniaga kenderaan yang tulen;
- (iii) syarikat-syarikat ini hendaklah mempunyai kemudahan 'Bilik Pamerhati' yang sesuai, modal yang mencukupi, serta kemudahan-kemudahan lain bagi menjalankan perniagaan penjualan kereta dengan jayanya;
- (iv) disebabkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan kereta bermotor ini masih berkurangan, keutamaan adalah diberi kepada syarikat-syarikat yang bertaraf "Bumiputera" untuk mendapat kuota import.

**(2) Bagi Orang-orang Perseorangan**

- (i) hanya mereka yang telah bermastautin di luar negeri dan ingin membawa pulang kereta mereka sendiri dibenarkan membuat pengimportan;

- (ii) kereta tersebut hendaklah yang telah di-daftar atas nama pemohon sendiri;
- (iii) kereta yang diimport tidak dibenarkan dijual atau ditukar hak milik dalam tempoh 2 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan iaitu semua jenis kenderaan terpakai yang diimport hendaklah usianya tidak melebihi had 5 tahun.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dua pertanyaan.

Yang pertama, berapa banyakkah syarikat bumiputera yang telah mendapat permit berkenaan dalam tahun 1985 dan kalau dapat tahun 1986.

Yang kedua, terdapat juga orang-orang perseorangan yang mendapat permit untuk mengimport kereta-kereta yang tidak termasuk dalam syarat yang disebutkan oleh Timbalan Menteri. Adakah ini disedari atau benarkah perkara ini ada atau tiada?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan nombor satu, kerana soalan ini minta angka-angka, saya minta maaf, saya tidak ada angka-angka di sini, saya minta notis.

Berkaitan soalan yang kedua, setakat ini Kementerian saya tidak dapat laporan orang melanggar undang-undang atau syarat-syarat import.

**KERUGIAN DALAM PERUSAHAAN AWAM**

6. **Dato Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah perusahaan-perusahaan awam menghadapi kerugian yang berat serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kerugian ini dan seterusnya sama ada perusahaan-perusahaan awam harus dijual kepada para penjual dan pengurusan yang sedia ada untuk mengatasi masalah kewangan dan meningkatkan kecekapan.

**Menteri Perusahaan Awam [Datin Paduka Rafidah Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat lebih daripada 1,000 Perusahaan Awam yang terdiri daripada Badan-badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Syarikat-syarikat Kerajaan dan Syarikat Anak yang ditubuhkan oleh Perusahaan-perusahaan Awam **ini**. Kurang daripada separuh Perusahaan-perusahaan awam yang disenaraikan tadi, diawasi oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Perusahaan-perusahaan Awam yang telah ditubuhkan semenjak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi sehinggalah ke tahun 1980an mempunyai objektif dan program yang berbeza-beza, termasuk objektif komersial dan objektif sosial. Oleh yang demikian, penilaian pelaksanaan atau kekesanannya Perusahaan Awam tidaklah wajar dengan menggunakan kriteria kewangan yang ditekankan kepada perkara-perkara untung-rugi semata-mata.

Sungguhpun demikian, bagi Perusahaan-perusahaan Awam yang jelas mempunyai objektif-objektif komersial, seperti aktiviti-aktiviti pelaburan, maka penilaian melalui untung-rugi memang diberi keutamaan.

Bagi tahun kewangan 1985, masih terdapat beberapa syarikat yang belum menyempurnakan akaun mereka atau belum menyampaikannya kepada Kementerian Perusahaan Awam. Sungguhpun demikian, daripada 263

syarikat yang telah menyampaikan maklumat, sebanyak 127 telah mencapai keuntungan. Daripada yang lain-lain ada yang lemah perjalanannya dan ada juga yang rugi. Sebab-sebab kerugian adalah berbagai. Antaranya

- (i) kelemahan pengurusan;
- (ii) masalah pemasaran dan perancangan; dan
- (iii) projek-projek pelaburan yang diceburi memerlukan tempoh masa pulangan yang panjang atau dengan izin, long gestation period.

Langkah-langkah awal sentiasa diambil oleh Perusahaan-perusahaan Awam supaya tidak terus mengalami kerugian. Melalui sistem kekesanan yang sedia ada di Kementerian Perusahaan Awam di mana Perusahaan Awam yang mengalami kerugian yang berterusan serta tidak mempunyai masa hadapan, dinasihatkan supaya ditutup atau dijual. Setakat ini sebanyak 48 buah syarikat telahpun ditutup.

Di samping itu, bagi mengurangkan beban kewangan untuk melaksanakan projek yang telahpun dirancang dan bersesuaian pula dengan Dasar Penswastaan, Perusahaan Awam juga sentiasa mengkaji kemungkinan menswastakan aktiviti dan projek-projek mereka. Sekarang ini terdapat 39 buah projek yang kebanyakannya aktiviti berasaskan kepada hartanah telahpun diswastakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Syarikat-syarikat atau Perusahaan-perusahaan Awam yang merupakan pemegang amanah untuk bumiputera akan dipindahkan kepada Pelaburan Nasional Berhad (PNB) apabila mereka telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Begitu juga ada syarikat-syarikat, iaitu sebanyak 29 buah syarikat telah dijual kepada rakan usahasama atau pihak pengurusan, selaras dengan syarat-syarat yang sedia ada.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan ada mengatakan untung rugi itu hanyalah satu daripada kriteria untuk mengukur kejayaan perusahaan awam. Apakah dia kriteria-kriteria yang lain?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria atau objektif program, contohnya jikalau sesuatu syarikat atau program itu diwujudkan semata-mata untuk mengatasi soal pengangguran di sesuatu tempat maka jikalau projek itu dapat menampung pekerjaan bagi belia-belia atau sebahagian besar belia di tempat itu maka itu merupakan objektif sosial. Begitu juga kalau perusahaan awam itu menjalankan perumahan kos rendah dalam ertikata sebenarnya, kalau ia benar-benar dapat mengadakan rumah kos rendah yang boleh dibeli oleh masyarakat golongan berpendapatan rendah, maka itu juga diukur sebagai projek sosial dan kriteria sosial.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kementerian bercadang untuk menjual perusahaan awam kepada pengurusan yang ada pada masa ini bersama kakitangannya bagi membolehkan mereka itu mengusahakan dengan lebih gigih lagi?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sudah saya sebutkan dalam jawapan saya yang asal, mungkin saya bercakap terlalu cepat agaknya, sebanyak 29 buah syarikat telah dijual sama ada kepada rakan usahasama ataupun kepada pihak pengurusan, telahpun dibuat dan insya Allah, akan terus dibuat di mana yang sesuai.

#### PENDATANG HARAM - TARAF KERAKYATAN BAYI

8. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah taraf kerakyatan yang diberi kepada bayi-bayi yang dilahirkan oleh pendatang-pendatang haram di negara kita; berapa ramaiakah bayi-bayi pendatang haram yang telah dilahirkan di negara kita hingga akhir bulan November, 1986 ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, bayi-bayi yang dilahirkan di negara ini oleh pendatang haram tidak memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia, sebaliknya taraf kerakyatan mereka adalah ditentukan oleh taraf kerakyatan bapa bayi berkenaan.

Soalan yang kedua, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberikan bilangan bayi pendatang haram yang dilahirkan di negara ini oleh kerana ibubapa mereka memasuki negara ini secara haram dan sentiasa mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan seperti Jabatan Imigresen, Polis dan Jabatan Pendaftaran Negara.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Selain daripada yang tidak dapat dikesan bagaimana kedudukannya yang ditempatkan, tidakkah Kementerian Dalam Negeri bercadang memberikan mereka pil-pil perancang supaya mereka tidak bertambah biak dalam tempat-tempat ditempatkan, maksud saya kawasan-kawasan yang ditempatkan seperti di pulau dan di beberapa kem-kem yang ada di negeri kita? Kalau mereka ini biak nanti lagi teruk keadaanya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada pusat-pusat atau tempat-tempat khas untuk pendatang haram. Kita tidak tahu di mana mereka berada, yang ada di Pulau Bidong itu bukan pendatang haram tetapi pelarian. Pelarian dengan pendatang haram ini berbeza. Pelarian datang ke sini bertujuan untuk dihantar ke negara yang ketiga tetapi pendatang haram datang ke sini ialah untuk mencari makan dan yang berunsur ekonomi dan kadangkala tidak bercadang untuk balik ke negeri asal.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Maksud saya ialah pelarian,

**Tuan Yang di-Pertua:** Pelarian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pelarian kita tidak ada menjalankan satu skim untuk mengadakan birth control, tidak ada, ini terpulanglah kepada kebijaksanaan mereka yang ada di pusat-pusat pemulihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No.9 dan di sini saya suka membuat pembetulan, ".....memandangkan pada perairan Malaysia yang luas - bukan luar - yang luas itu dari Perlis hingga ke Sabah."

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

#### KAPAL SELAM UNTUK TENTERA LAUT

**9. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang membeli beberapa kapal selam untuk tentera laut negara kita di masa akan datang, memandangkan kepada perairan Malaysia yang luas itu dari Perlis hingga ke Sabah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia memang ada membuat rancangan memperolehi kapal selam demi untuk meningkatkan keupayaannya. Walau bagaimanapun, rancangan ini adalah



tertakluk kepada kemampuan kewangan negara dan hanya akan dapat dilaksanakan apabila keadaan mengizinkan.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah ada cita-cita Kerajaan untuk menimbulkan semula cadangan untuk membuat kapal selam di Labuan?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, jikalau sekiranya kewangan mengizinkan baharu hendak beli. Saya takut esok sudah serang baharu hendak beli. Kita hendaklah bersedia sebelum negara kita diserang. Sebelum diserang kita mesti kuatkan pertahanan kita, umpamanya juga kita menjaga darah dalam badan, mesti kuatkan darah kita baharu penyakit tidak datang. Mahu kuatkan pertahanan kita baharu orang tidak berani menyerang. Kalau pertahanan kita lemah orang akan datang serang, Tuan Yang di-Pertua. Besok kalau sudah serang baharu hendak beli kapal selam tidak guna kapal itu, dilayar di atas darat nanti besok **[Ketawa]**.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kita pada masa ini untuk menjaga keselamatan di perairan kawasan Malaysia ini adalah mencukupi. Untuk membeli kapal selam ini memang ada dalam kajian kita tetapi selepas keadaan ekonomi kita ini sudah pulih baharu kita akan timbangkan tentang cadangan untuk membeli kapal selam.

**KEMPEN GALAKAN KELAPA MUDA**

10. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah tercapai dalam usaha Kempen untuk rakyat meminum air kelapa muda.

- (a) sambutan dari tuan punya kebun kelapa;
- (b) sambutan dari pengusaha-pengusaha hotel, restoran, warung-warung dan lain-lain tempat jualan minuman; dan
- (c) paras kenaikan harga kelapa masak.

**18.12.1986**

22. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana sambutan orang ramai dengan kempen minum air kelapa muda dan apakah kejayaan yang tercapai dengan kempen ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan pada 18.12.1986 iaitu esok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin, kerana soalannya lebih kurang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa semenjak Kempen Galakan Kelapa Muda dilancarkan pada 27hb September, 1986, sambutan dari tuan punya kebun kelapa serta orang ramai adalah sangat menggalakkan. Sungguhpun kempen ini hanya berjalan hampir 3 bulan, mengikut maklum balas yang diterima, permintaan mengenai kelapa muda telah meningkat di seluruh Malaysia.

Sambutan dari pengusaha-pengusaha hotel, restoran dan lain-lain tempat jualan minuman juga menggalakkan. Semenjak pelancaran kempen, pihak-pihak hotel telah turut serta membere sumbangan untuk menjayakan kempen ini melalui beberapa program mereka sendiri. Beberapa buah hotel di Kuala Lumpur telahpun mengadakan kempen-kempen promosi, iaitu Hotel Merlin, Hotel Shangri-La, Hotel Holiday Inn City Centre, Hotel Pan Pacific dan Hotel South East

Asia. Pihak-pihak lain yang bercadang mengadakan program promosi kelapa muda meliputi Restoran Yasmin, Shah Caterers, Chusinya Supermarket, Chujitsu Superstore dan National Showroom. Di tempat-tempat lain, jualan air minuman kelapa muda seperti di pasar tani dan pasar alam telah juga dilaporkan bertambah. Sekiranya kita ke Klang melalui Federal Highway, kita akan dapat memerhatikan bahawa sekarang sudah terdapat lebih kurang 30 buah gerai penjual kelapa muda dibandingkan dengan beberapa buah gerai sahaja pada 2 - 3 tahun yang lalu. Begitu juga di tempat-tempat lain seperti di gerai menjual air batu di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan di negeri-negeri lain gerai-gerai air batu yang dahulunya tidak pernah dibekalkan dengan buah-buah kelapa, tetapi sekarang sudah terdapat kelapa muda di gerai-gerai mereka.

Kesemua ini membuktikan sambutan dari pihak-pihak swasta adalah sangat menggalakkan.

Untuk soalan (c), Kementerian saya masih belum membuat kajian untuk menilai sejauh mana kesan Kempen Kelapa Muda ke atas kenaikan harga minyak kelapa oleh kerana kempen ini baru sahaja dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, harga minyak kelapa di peringkat F.O.B. Pelabuhan Klang telah meningkat daripada \$640/- semetrik ton pada 25hb September, 1986 iaitu sebelum Kempen Kelapa Muda dijalankan, kepada \$920/- semetrik ton pada 12hb Disember, 1986. Juga, harga untuk kelapa biji tua yang tidak digred di Bagan Datoh, Perak dan Kuala Selangor, Selangor, telah meningkat daripada 9 sen sebiji pada 25hb September, 1986 kepada 13 - 15 sen sebiji pada 12hb Disember, 1986.

Saya berharap jika kempen ini dijalankan berterusan permintaan terhadap kelapa muda akan bertambah dan akan terus membantu meningkatkan pendapatan petani-petani sekalian.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dalam kita berusaha gigih untuk memperkenalkan minuman kelapa muda dan di samping itu kita masih lagi terus menggunakan kelapa tua, adakah atau tidak langkah-langkah yang dicadangkan ataupun yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk memproses isi kelapa yang separuh muda, tidak terlalu muda sangat untuk diproses menjadi bahan makanan seperti manis-manisan, candy dan sebagainya yang boleh dijual diusahakan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada, pihak MARDI sentiasa menyediakan langkah-langkah untuk memproses kelapa ini.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom. Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah awal tadi sudah berdiri tetapi tidak dapat peluang.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya bagaimana pula kempen Kementerian Pertanian berkenaan kurangkan makan nasi dan minum susu segar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan tambahan yang luar biasa, bukan soalan asal. Jadi tidak usah dijawab soalan itu. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari kawasan pokok kelapa. Adakah Yang Berhormat: Timbalan Menteri Pertanian sedar orang kebun kelapa dia tahu mana pokok yang kelapa yang airnya manis dengan pokok kelapa yang airnya masam

dan pokok kelapa yang airnya manis apabila dia masak santannya pekat. Ini pengalaman petani kebun kelapa **[Ketawa]**. Jadi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa dalam Soal Jawab beberapa hari yang lalu, saya telah nyatakan air kelapa yang dibiarkan ditepi jalan, sekalipun jawapan Menteri kalau tampaknya di atas, dia akan tahan satu minggu. Adakah kajian sudah dibuat dalam tempoh seminggu, dua ini kerana soalan ini ada hubungannya dengan soalan beberapa hari yang lalu.

Kemudian apabila kempen minum kelapa muda tadi dikatakan sangat menggalakkan, adakah sudah dibuat kajian berapa juta kelapa muda yang sudah laku. Sebab saya datang dari kawasan kebun kelapa, Kelapa muda di Kuala Langat tidak ada sebiji pun yang dihantar di tepi jalan di Highway Kelang/Kuala Lumpur, tidak sampai pun ke Merlin dan Pan Pacific. Dan kalau benar kelapa muda ini berjuta-juta biji sudah laku, adakah Kerajaan sedar ini akan menggalakkan kemasukan copra daripada negara lain ke negara kita dan akan menghancurkan lagi sekali keadaan pekebun-pekebun kecil kelapa di Pontian, Rengit, Batu Pahat, Muar sampailah ke Morib, Sepang, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Bagan Datoh.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Kementerian saya mesti minta Yang Berhormat sebagai penasihat kepada Menteri saya untuk menggalakkan minuman air kelapa. Kita tidak ada kira berapa juta biji yang sudah ada digunakan di dalam kempen ini dan saya pun tidak tahulah ada atau tidak ada kelapa muda yang dihantarkan daripada kawasan Yang Berhormat itu dan kalau tidak barangkali air kelapa muda pokok-pokok kawasan itu tidak begitu manis.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Manis.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tetapi kita haraplah kalau kempen ini boleh digalakkan, kita boleh meninggikan pendapatan pentani-petani dan juga kita boleh memproses seperti copra dan sebagainya.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Soalan tambahan; Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa harga kelapa ini telah naik daripada 9 sen kepada 13 sen. Tetapi saya minum air buah kelapa di hotel itu \$1 lebih. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada mengambil langkah bagi menentukan bahawa hasil daripada kempen ini adalah dapat kepada pekebun-pekebun kelapa, bukan kepada orang tengah.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, harga yang saya sebutkan tadi iaitu 9 sen dan 13 sen itu kelapa yang masak, bukan kelapa muda. Tetapi kita tidak ada menentukan satu dasar atau rancangan untuk menentukan harga yang dijual di hotel-hotel dan di restoran-restoran. Itu bebas kepada mereka. Kita pun tidak ada satu sistem yang boleh melarang orang tengah yang menggunakan peranannya menjual kelapa-kelapa ini. Tetapi pihak FAMA sentiasa menjaga harga-harga yang dikeluarkan daripada petani-petani.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Kementerian berkenaan, adakah kajian dibuat untuk menentukan bahawa kelapa-kelapa ini akan terus boleh diambil buah-buah mudanya kerana kita bimbang satu masa nanti kelapa ini akan merajuk dan terencat dan tidak akan mengeluarkan lagi buah-buah. Adakah usaha Kementerian ini untuk membuat siasatan, kajian dan baja-baja tertentu supaya petani itu tidak akan ketandusan dengan buah-buah kelapa muda.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tadi soalan saya mengenai kelapa kering belum dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti Yang Berhormat, kalau soal tambahan jangan buat terlalu panjang, dan Timbalan Menteri menjawab bercampur dengan lain-lain. Soal satu persatu supaya orang menjawab atau dapat menjawab lebih senang. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan saya mengenai kelapa kering. Adakah Kerajaan hendak menyekat kemasukan kelapa kering daripada negara lain kerana kejatuhan harga kelapa kita, kelapa tua adalah kerana masuknya kelapa kering (copra) ke dalam negeri kita daripada negera lain.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita ada mengawal kemasukan kelapa kering ini ke negara kita sebab kita ada mengeluarkan copra tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

#### LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK - PERUNTUKAN

11. **Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah peruntukan kewangan yang akan dibelanjakan di atas projek untuk ubahsuai jalan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang sedang berjalan sekarang, kemungkinan projek ini dilaksanakan kerana untuk tujuan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Lebuhraya tersebut, dan nyatakan jumlah bilangan kenderaan dan penumpang yang terlibat kemalangan serta cedera di Lebuhraya berkenaan sejak tahun 1983, 1984 dan 1985.

**Menteri Kerjaraya [Dato' S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak sekarang adalah untuk mengubahsuai keadaan-keadaan lereng-lereng bukit bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya tanah runtuh,terutamaanya di musim hujan dan bukannya untuk mengubahsuai lebuhraya tersebut. Walau bagaimanapun, kerja-kerja yang sedang dilakukan itu akan dapat mengurangkan bahaya tanah runtuh yang boleh membahayakan para pengguna lebuhraya tersebut.

Peruntukan yang telah disediakan bagi kerja-kerja pengubahsuaian tersebut adalah sebanyak \$46 juta. Bagi mengurangkan kadar kemalangan di lebuhraya tersebut, satu unit penguatkuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia telah ditubuhkan pada awal tahun ini bagi menentukan para pengguna termasuk pengguna-pengguna di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak untuk mematuhi arahan-arahan keselamatan jalanraya demi keselamatan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kes-kes kemalangan yang terlibat di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak bagi tahun 1983, 1984 dan juga 1985 adalah seperti berikut:-

| <b>Tahun</b> | <b>Maut</b> | <b>Cedera</b> |
|--------------|-------------|---------------|
| 1983         | 15 orang    | 69 orang      |
| 1984         | 11 "        | 48 "          |
| 1985         | 21 "        | 96 "          |



**PROGRAM KAWALAN KUALITI ALAM SEKITAR - KESAN**

12. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah program yang telah disusun bagi menjamin penduduk bandar besar mendapat udara bersih, dan apakah jaminan bagi penduduk luar bandar yang tinggal berhampiran dengan kilang-kilang yang sentiasa mengeluarkan udara kotor dan bau busuk yang boleh memberi keadaan kurang selesa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, program-program kawalan alam sekitar yang telah disusun oleh Kerajaan adalah untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan semua rakyat dan penduduk, baik yang di bandar mahupun yang di luar bandar. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan program-program khusus untuk mengawal dan mengawasi kualiti udara seperti berikut:-

- (i) Program menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kualiti Alam sekeliling (Udara Bersih) 1978 untuk mengawal pencemaran udara yang disebabkan oleh:
  - (a) pelepasan gas toksik, abuk, bendasing dan asap dari kilang-kilang;
  - (b) pembakaran terbuka;
  - (c) bau busuk;
- (ii) Program menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985 dengan menentukan paras isi kandungan plumbum dalam minyak petrol diturunkan dari 0.84 gram tiap-tiap satu liter ke 0.4 gram tiap-tiap satu liter dan dikuatkuasakan semenjak 1hb Julai, 1985. Paras Plumbum dalam minyak petrol akan dikurangkan lagi ke 0.15 gram tiap-tiap satu liter pada 1hb Januari 1990;

- (iii) Menjalankan kempen-kempen penguatkuasaan bagi mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan-kenderaan disel mengikut Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 bersama dengan pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (iv) Mengadakan program pengawasan kualiti udara di seluruh negara;
- (v) Mengadakan kempen-kempen kesedaran orang ramai supaya mencintai dan memelihara alam sekitar yang kita warisi bersama;
- (vi) Menyediakan garis panduan penempatan dan pengendalian perusahaan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Di mana tapak perindustrian yang pada masa ini tidak lagi didapati sesuai, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan lain dalam mengenalpasti tapak-tapak kilang yang baru dan lebih sesuai dan terkawal;
- (vii) Selain dari itu, Kerajaan bekerjasama dengan Penguasa-penguasa Tempatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menjalankan tindakan bersama dan bersepadu serta menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar.

Dengan adanya program-program ini, keadaan udara akan bertambah baik dan kesihatan serta kesejahteraan penduduk adalah lebih terjamin.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu soalan sahaja. Saya kira kita boleh mengucapkan tahniah kepada Kementerian berkenaan yang telah mengambil langkah-langkah dan usaha-usaha untuk mengawal pencemaran alam sekitar, walaupun kesan-kesannya belum begitu ketara kita rasakan pada ketika ini. Dalam pada itu pun saya ingin bertanya adakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian berkenaan dari segi mencegah kecemaran bunyi?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya **ada**. Peraturannya masih dalam kajian dan akan diumumkan tidak lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 24 adalah diberi di Lampiran "A"].**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang". [16hb Disember, 1986].

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin,

**3.35 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberikan peluang yang pertama untuk bangun menyokong di samping memberikan sedikit hujahan kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk Meminda Akta Syarikat 1965 yang ada di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan huraianannya dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan dan kita juga telah mendengar hujah-hujahnya yang begitu konkrit dan banyak mengandungi unsur-unsur kemaskini, unsur-unsur mengawas keselamatan, kepentingan awam dan juga pelabur-pelabur serta unsur-unsur pelaburan yang sihat. Saya mengharapkan supaya perkara-perkara yang menyedih dan memilukan dan ada kalanya menyebabkan manusia yang menjadi pelabur atau yang berkaitan menjadi mangsa, maka kita rasakan pindaan ini sangat baik dan sangatlah dialu-alukan.

Umpamanya, seperti yang disebutkan atau yang dicatitkan di dalam pindaan Jadual Kelima - A baru, (Section 39A) dan huraian-huraiannya ceraiian (a) hingga (j), mengenai pindaan kepada berbagai hukuman. Kalau dahulu, dalam undang-undang yang lama barangkali hukumannya tidak begitu berat, tidak begitu serius, itulah puncanya yang agaknya menyebabkan terlalu banyak berlakunya penyelewengan dan juga penipuan di dalam semua pelaburan ataupun syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini yang diwujudkan oleh Kerajaan dan dengan aspirasi daripada Dasar Ekonomi Baru untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat di dalam lapangan perdagangan dan perusahaan dan perniagaan, tetapi penipuan, penyelewengan berlaku dari masa ke semasa.

Kita mendengar berbagai cerita yang telah didedahkan, yang telah dapat dikenalpasti, yang tak dikenalpasti masih banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, dan yang masih disiasat pun banyak lagi, kemudian hukumannya tidak setimpal dengan jenayah yang dilakukan.

Maka dengan menaik atau meninggikan denda juga penjara sebagaimana yang dicatitkan dalam pindaan Akta ini, kita mengharapkan sangat-sangat mereka yang ingin berniaga seperti "Abu Nawas", ingin kaya cepat, ingin mendapat kekayaan melalui penipuan dan penyelewengan, akan berhati-hati ataupun akan gerun sedikit hendak melakukan jenayah itu.

Saya ingin menyentuh mengenai Huraian iaitu Fasal 7 yang berbunyi:

7. Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 69L untuk menghendaki supaya daftar berhubungan dengan pemegang-pemegang saham substansial disimpan hanya di pejabat berdaftar syarikat dan untuk membenarkan daftar itu diperiksa oleh anggota syarikat atau mana-mana orang lain.

Inilah juga yang menjadi gejala berleluasanya penipuan dan penyelewengan setiap pelabur-pelabur atau mereka yang melabur jarang mendapat kesempatan mengikuti perkembangan seluruh mengenai syarikat yang dilabur atau dianggotainya.

Kebanyakannya hanya Pengerusi atau Lembaga Pengarah atau kakitangan sahaja yang berhak meneliti, menengok segala-galanya dan kemudian dengan mudah boleh mengubah, meminda ataupun membuat keputusan-keputusan di luar daripada pengetahuan anggota-anggota pelabur ataupun pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat yang berkaitan dan berkenaan.

Mengenai Fasal 11, Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi pula, bertujuan memasukkan seksyen baru 133A untuk melarang sesuatu syarikat daripada memberi pinjaman atau mengadakan gerenti atau sekuriti untuk pinjaman-pinjaman yang dibuat kepada seseorang yang ada kaitannya dengan Pengarah. Kita dengar skandal-skandal yang begitu hebat. BMF 'the giant'nya, kemudian Bank Rakyat dahulunya diikuti dengan lain-lain syarikat dan saya faham, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi syarikat-syarikat akan datang ini akan didedahkan dengan penyelewengan-penyelewengan begini. Maka kita harap dengan terlaksananya undang-undang ini nanti, pihak-pihak yang masih lagi ingin mencari keuntungan dengan cara belakang ini akan berhati-hati dan takut untuk melakukannya dan mereka yang telah melakukannya akan dapat dihukum setimpal dengan perbuatannya, walaupun barangkali yang jadi pemegang saham akan rugi dari segi kewangan, dari segi sahamnya atau pelaburannya. Tetapi sekurang-kurangnya merasa lega sedikit kerana yang bersalah itu dihukum setimpal dengan hukuman dan dengan ini kita juga rasa selamat kerana undang-undang Fasal 11 ini akan mengawal dan akan menghadkan kekuasaan, kuasa dan juga hak kepada seseorang Pengarah ataupun Lembaga Pengarah.

Menyentuh Fasal 13, bertujuan meminda seksyen 157 yang menghendaki supaya sesuatu syarikat itu menyimpan buku-bukunya yang

mengandungi minit-minit, prosiding minit-minit Mesyuarat Agung hanya di pejabat-pejabat syarikat itu sahaja. Ini juga satu langkah keselamatan yang sangat baik kerana terdapat minit diubah, dalam mesyuarat lain. Lepas itu ubah pula untuk meluluskan penyelewengan untuk meluluskan perbuatan-perbuatan yang berbentuk penipuan secara hormat, secara bijaksana hingga tidak disedari, tahu-tahu ibarat 'api di dalam sekam', apinya telah membakar ke seluruh sekam, baru-lah disedari. Jadi, sekarang dengan adanya Akta ini sukarlah bagi mereka hendak melakukan perbuatan-perbuatan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 17, bertujuan meminda seksyen 371, terutamanya untuk memberi kuasa kepada pendaftar untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 51 dan seksyen 169(1). Ini juga satu langkah keselamatan yang sangat kita alu-alukan. Mudah-mudahan, setelah Akta ini dilaksanakan, setelah ianya berjalan dan kemudian ditentukan pelaksanaannya itu berjalan dengan baik, dengan betul, mencapai matlamatnya dan berkesan, kita tidak lagi mendengar cerita-cerita penyelewengan, penipuan secara hormat, secara halus, secara bijaksana ini berlaku di masa-masa yang akan datang, dan kita harap juga kes-kes yang menjadi bahan kes sekarang, peringkat-peringkat yang berwajib yang sedang dalam siasatan, termasuk beberapa buah bank, koperasi-koperasi, syarikat-syarikat Sdn. Bhd dan juga syarikat-syarikat ganda wang anda, syarikat-syarikat yang bunyinya halal, tetapi sebenarnya haram, akan dapat dikesan dan akan dapat segera di dedahkan supaya mereka yang begitu berani menipu dan menghampakan harapan-harapan mereka yang ingin mencari rezeki dalam dunia perniagaan, perdagangan ini dapat menerima hukuman yang setimpal dan segera hukuman itu dijalankan. Tidaklah kesalahan pada tahun 1981 dihukum



pada tahun 1986 ataupun kesalahan tahun 1983 dihukum pada tahun 1984 umpamanya.

Jadi terlalu lama, ini menyebabkan pihak-pihak yang berkenaan boleh mencari dalih, helah, hujjah dan juga boleh membuat berbagai-bagai ikhtiar untuk menyelamatkan dirinya daripada dihukum dan rintihan-rintihan pelabur-pelabur atau rasa takut kepada mereka yang ingin berniaga melalui syarikat-syarikat akan reda dan tiap-tiap mereka mungkin akan rasa lebih selamat untuk melabur, untuk berniaga, untuk menjadi ahli koperasi dan lain-lain syarikat yang berkaitan dengan hal ehwal perdagangan, perniagaan, perusahaan, dengan adanya Akta ini nanti, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan hujah-hujah yang demikian, saya menyokong penuh kepada pindaan-pindaan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

### **3.46 ptg.**

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan untuk saya menyampaikan ucapan bagi menyokong pindaan Akta Syarikat 1965. Kita sedar pindaan ini dilakukan bagi memantapkan lagi Akta yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mengalami peristiwa-peristiwa pahit yang dilakukan oleh mereka yang diberi kepercayaan untuk mengendali wang yang diamanahkan oleh orang ramai dalam sesebuah syarikat, biarpun syarikat besar ataupun syarikat kecil. Amanah dari rakyat-rakyat biasa, orang-orang kecil yang mempunyai harapan tinggi agar wang yang dilabur atau saham yang dibeli dapat membawa satu rahmat dan nikmat kepadanya dan keluarga. Tetapi kepercayaan yang diletak kepada orang-orang yang penting dalam sesuatu syarikat

itu telah diselewengkan dengan berbagai cara dan taktik bagi kepentingan mereka sendiri.

Harapan rakyat biasa akan hancur semata-mata kerana mereka yang diamanahkan adalah manusia yang tamak, yang sudah senang mahu lagi senang, sudah kaya mahu jadi lebih kaya, sudah terkenal, mahu jadi lebih terkenal. Sayang sekali akhirnya jadi terkenal dengan cara yang terhina, menyalahgunakan kuasa dan wang syarikat. Nanti terpampang di suratkhbar, di media massa yang lain, Pengarah itu dan Pengarah ini telah menjadi pagar makan padi atau haruan makan anak.

Sudah wajarnya pindaan-pindaan bagi memperkemaskinikan lagi Akta Syarikat bagi memastikan atau menyelamatkan sebuah syarikat itu ditelan oleh jerung-jerung yang tidak kenal batas kenyangannya. Saya ingin mengesyorkan agar nilai-nilai murni dalam Islam seperti jujur, ikhlas, amanah, bertanggungjawab menjadi kriteria utama bagi sesuatu perlantikan Ahli Lembaga Pengarah, selain dari pengaruh mereka dalam masyarakat. Apa guna ada pengaruh dan ada kelulusan yang berjela-jela, jika tidak mempunyai nilai-nilai murni kerana jangka panjang sesebuah syarikat itu akan mengalami kehancuran seperti yang kita dengar dan saksi di masa ini, syarikat itu mengalami kerugian, syarikat ini mengenalpasti pegawai-pegawai yang menyalahgunakan kuasa bagi kepentingan diri mereka, Pengarah itu menggelapkan wang syarikat dan Pengarah ini membocorkan rahsia syarikat.

Saya harap Ahli-ahli sesebuah syarikat dapat membuat keputusan dari berbagai sudut sebelum perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah dilakukan agar tidak terpedaya dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai matlamat untuk mengaut keuntungan bagi diri mereka tanpa memikirkan ahli-ahli syarikat yang telah memberi amanah dan kepercayaan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli syarikat juga hendaklah hadir di mesyuarat-mesyuarat agung syarikat bagi memberi pandangan dan buah fikiran dan memberi garis-garis panduan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah agar mereka sentiasa berhati-hati dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Malangnya ahli-ahli syarikat kadangkala memandang enteng, atau memandang senang sahaja, tidak mengambil berat bila dijemput untuk menghadiri mesyuarat agung syarikat. Mereka seolah-olah mempunyai kepercayaan yang 100% kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mereka pilih.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh sentiasa harap, nanti kita tertiarap dan kalau kita selalu tak apa, akhirnya kita tinggal celupa.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 bertujuan meminda Seksyen 371 untuk memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 51 dan Seksyen 169(1). Saya berharap pihak Pendaftar dapat mengikuti perkembangan syarikat-syarikat untuk memberitahu pegawai-pegawai syarikat bahawa segala tindakan mereka adalah di bawah perhatian dan pengawasan pihak Pendaftar dan tindakan akan diambil jika mereka melintasi garis-garis panduan, dengan izin, 'prevention is better than cure'.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dengar cerita-cerita bagaimana minit-minit proceeding mesyuarat, minit-minit mesyuarat agung hilang dari dalam simpanan ataupun sengaja dihilangkan bagi tujuan menghilangkan maklumat-maklumat penting supaya penyelewengan tidak dapat dikesan. Ini dapat dilakukan kerana minit-minit tersebut telah tidak disimpan di pejabat, tetapi disimpan di tempat-tempat layu. Saya rasa mereka yang telah sengaja menghilangkan dokumen-dokumen penting hendaklah diambil tindakan kerana telah lalai dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka supaya mereka lebih berhati-hati lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar rungutan di mana Ahli-ahli Lembaga dalam menjalankan tugasnya bagi pihak syarikat telah bermuafakat dan berunding dengan pihak yang dirunding melakukan perkara-perkara yang boleh merugikan syarikat, sementara mereka sendiri mendapat sedikit ganjaran hasil dari rundingan tersebut. Penyelewengan sedemikian payah hendak dikesan dan adalah satu penipuan kepada pemegang-pemegang saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pindaan Akta ini dapat menghindar penyelewengan dari dilakukan oleh mereka yang mempunyai kuasa atau diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak syarikat.

Dengan ini, saya menyokong Akta ini diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Rajoo.

**3.52 ptg.**

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian atas langkah yang diambil memperketatkan undang-undang bagi mengawal syarikat-syarikat dan juga mereka yang terlibat dengan perjalanan urusan syarikat. Saya berharap dengan adanya undang-undang yang ketat dan penalti yang lebih tinggi, mereka yang berhasrat menjadi kaya tidak akan sewenang-wenangnya menipu orang ramai.

Akhir-akhir ini kita kerap membaca kisah orang ramai yang telah kehilangan pelaburannya kerana ditipu oleh penaja-penaja "bogus company", dengan izin. Mereka ini menyogokkan tawaran pelaburan dengan berbagai peluang dan impressive. Ada setengahnya telah mengeluarkan kesemua wang simpanan untuk melabur, maklumlah siapa yang tak mahu cepat kaya, tetapi sedih wang yang dilabur untuk mendapat keuntungan rupa-rupanya membawa kecelakaan. Bertambahlah sedih lagi apabila beliau pergi ke Pejabat Pendaftar Syarikat untuk mengadukan hal itu, beliau diarah pula ke pejabat lain, Pejabat Pendaftaran Perniagaan. Penerangan yang diberi kepadanya ialah syarikat berkenaan bukan sebuah syarikat dalam ertinya Akta Syarikat, tetapi satu perniagaan yang mungkin berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan. Kejadian seperti ini menyusah dan mengecewakan orang-orang seperti beliau.

Walaupun kedua-dua pejabat adalah di bawah satu Kementerian dan terletak dalam satu bangunan, bagi seseorang yang dalam kesusahan, ini merupakan satu tamparan dan membayangkan susunan organisasi yang tidak teratur. Saya musykil mengapa dua Pejabat Pendaftar ini mesti diasingkan? Pada faham saya, keduanya adalah mengawasi mereka yang berkecimpung dalam bidang yang sama yang kini menjalankan perniagaan. Perbezaan antara jenis-jenis organisasi perniagaan adalah perkara yang terlalu teknikal bagi orang awam mengetahuinya. Kepada kebanyakan orang, syarikat dan perniagaan adalah makhluk yang serupa dan memang pada hakikatnya kedua-dua melibatkan orang-orang yang sama. Oleh itu, untuk kemudahan pelabur-pelabur, terutamanya melabur kecil atau minority yang Kerajaan hendak perlindungan, saya tekankan kenapa pelabur minority, kerana pelabur yang melabur besar-besaran masing-masing ada peguam) broker dan berbagai penasihatnya, pelabur minority yang baru belajar menyahut seruan Dasar Ekonomi Baru. Maka saya cadangkan kedua-dua Pejabat Pendaftar disatukan. Pejabat Pendaftar itu kemudian boleh menubuhkan satu unit penguatkuasa yang ideal yang boleh mahir dalam pengawasan kedua-dua jenis organisasi dan dengan cepat dan mudah boleh membantu orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan yang boleh diberi kepada orang ramai bukan sahaja ketika hendak mencari baru untuk menangis, tetapi juga pada permulaan para usahawan mahu mendaftarkan perniagaannya. Ada masanya satu perniagaan yang telah berkembang memilih untuk menukar corak organisasinya menjadi syarikat berhad bagi menikmati faedah-faedah tertentu. Biasanya mereka yang berbuat begitu lebih suka mengguna terus nama perniagaannya di mana ini untuk tujuan seperti itu, mereka terpaksa memberi penerangan panjang lebar,

kadang-kadang terpaksa menyertakan salinan borang pendaftarannya sebelum mendapat kebenaran dari Pendaftar Syarikat penggunaan nama berkenaan. Kalau nasib malang, ada pula syarikat mengguna nama serupa.

Ada pula masanya sebuah syarikat yang besar mendaftarkan satu perniagaan, biasanya kerana kemudahan simpanan akaunnya. Untuk berbuat begitu, berbagai surat bukti termasuk salinan sah Sijil Pendaftaran, memorandum syarikat dan senarai nama pengarah-pengarah mesti diserahkan bersama borang pendaftaran kepada Pendaftar Perniagaan. Pengesahan itu pula mesti dibuat oleh Pejabat Pendaftaran Syarikat. Langkah-langkah seperti ini menjadi perlu bagi kelicinan pentadbiran. Ini kerana kedua-duanya diasingkan dan masing-masing menyimpan rekod berasingan. Bila dicantumkan menjadi satu pendaftaran tertentu, perkara ini boleh diselesaikan dan syarikat-syarikat seperti itu tidak perlu,

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat di satu masa dahulu lesen-lesen perniagaan telah dikeluarkan dengan nama Pendaftar Syarikat. Ramai dari kalangan sektor perniagaan juga masih memikirkan kedua-dua adalah satu pejabat. Dengan itu, saya sekali lagi mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya mencantumkan Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan.

Saya dengan ini menyokong supaya Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada lagi? Kalau tiada lagi Yang Berhormat yang hendak membahas, saya jemput Menteri berkenaan memberi jawapan.

**3.59 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di ataa cadangan, pandangan serta teguran yang dibangkitkan mengenai Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memberi jawapan kepada sebanyak teguran dan soalan yang dibangkitkan di dalam masa yang di-  
untukkan.



Menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, saya berasa bangga di atas sokongan beliau dan percaya sokongan beliau itu akan memberi semangat kepada pegawai-pegawai Kerajaan melaksana dan mentadbirkan undang-undang yang berkenaan. Bersabit dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat koperasi, adalah dimaklumkan bahawa pentadbiran syarikat-syarikat koperasi adalah di bawah Akta Koperasi dan bukanlah di bawah Akta Syarikat. Menyentuh tentang Hukuman penalti yang tidak mencukupi, Kementerian saya percaya bahawa hukuman yang dicadangkan adalah mencukupi buat masa ini. Walau bagaimanapun, kita akan pertimbangkan semula pada masa akan datang.

Bersabit dengan soalan Syarikat Ganda Wang Anda, adalah dijelaskan bahawa perkara yang dibangkitkan itu adalah satu perkara yang subjudice dan ada dua kes yang sedang dijalankan di mahkamah. Oleh yang demikian, saya tidak perlu mengulasnya. Bersabit dengan pandangan Puan Rokiah yang menyeru ahli-ahli syarikat supaya berwaspada, saya suka mengulangi seruan itu kerana sebaik-baik undang-undang bagi melindungi pelaburan tidak akan berkesan sekiranya orang-orang yang dilindungi tidak menggunakan hak-hak yang disediakan oleh undang-undang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Rajoo yang membangkitkan pandangan dan cadangan supaya disatukan Pejabat Pendaftar Syarikat dan Pejabat Pendaftar Perniagaan. Kerajaan akan menimbangkan kebaikan dan keburukan cadangan tersebut sebelum membuat keputusan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan-soalan dan isu-isu yang dikemukakan yang tidak sempat saya ulas, saya jamin semuanya akan diberi perhatian yang teliti oleh Kementerian saya seperti yang telah saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi menjaga kepentingan awam khususnya pelabur-pelabur kecil serta para pekerja syarikat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman dadah merupakan salah satu masalah utama yang dihadapi negara dan Kerajaan dengan sokongan rakyat telah bertekad untuk memerangi dan membasmi ancaman ini dengan se-daya upaya. Sejajar dengan tujuan ini. Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk memperbaiki dan memperkukuhkan usaha-usahnya dalam bidang pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan.

Langkah-langkah ini telah membolehkan Kerajaan bertindak dengan lebih berkesan terhadap masalah dadah dan ini dapat dilihat, misalnya dari kekurangan dalam bilangan penagih baru yang dikesan dalam tahun-tahun kebelakangan **ini**. Namun demikian, pengedaran dadah di negara ini didapati masih dalam tahap yang membimbangkan. Disebabkan pengedaran ini penagih baru yang dilaporkan atau dikesan dalam tahun ini sahaja iaitu hingga bulan Oktober, berjumlah 5,897 dan bagi jangka masa 1970 hingga Oktober, 1986, jumlah cumulative penagih dadah yang dikesan buat pertama kalinya ialah 119,713.

Tuan Yang di-Pertua, kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan ganja atau canabies telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sementara penagihan berasaskan cocaine sedang meningkat di dunia Barat dan didapati mungkin akan merebak ke rantau ini jika langkah-langkah pencegahan awal tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan apa yang telah saya huraikan tadi, adalah didapati perlu bagi peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Dadah Berbahaya 1982 dipinta untuk mengenakan penalti yang lebih berat lagi bagi kesalahan-kesalahan tertentu sebagai satu usaha pencegahan atau deterrent dan di samping itu juga menyelaraskan penalti-penalti yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan yang sama serius.

Tuan Yang di-Pertua, penalti yang lebih berat yang dicadangkan sebagai deterrent yang lebih berkesan dalam Rang Undang-undang ini melibatkan pengwujudan atau penambahan hukuman sebat mandatory, hukuman penjara atau hukuman denda.

Walau bagaimanapun penekanan adalah diberi kepada hukuman sebat sebagai satu alat "deterrent" yang ternyata lebih berkesan. Penalti penjara dan denda dicadangkan untuk ditingkatkan cuma bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan jenis dadah-dadah yang tertentu mana penalti sekarang didapati terlalu ringan dan tidak seragam dengan penalti-penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan lain yang sama serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa hukuman sebat adalah dituju kepada pengedar-pengedar yang kesalahan mereka tidak mendedahkan mereka kepada hukuman mati. Hukuman sebat ini bukanlah untuk kesalahan menjadi penagih. Kerajaan berharap dengan adanya tindakan tegas terhadap pengedar-pengedar ini, masalah penagihan juga dapat dibendung. Bagi penagih-penagih pula sudah ada undang-undang untuk menghukum mereka dengan cara menahan mereka di tempat-tempat pemulihan. Di samping itu semasa mereka berada di pusat-pusat tersebut mereka dikehendaki menjalani rawatan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini diterima dan diluluskan maka akan wujudlah satu sistem penalti yang terselaraskan bagi kesalahan pemilikan dan pengedaran berbagai jenis dadah berasaskan "toxicity". Sistem penalti ini adalah seperti berikut:-

- (1) Penjara maksimum 5 tahun atau denda maksimum \$20,000, atau kedua-duanya, bagi pemilik-pemilik dadah dalam amaun yang kecil. Amaun ini berbeza bagi berbagai jenis dadah mengikut "toxicity" seperti berikut:-
  - (a) kurang daripada 2 gram heroin, morfin atau monoacetylmorphines;

- (b) kurang daripada 5 gram kokain;
- (c) kurang daripada 20 gram kanabis atau resin kanabis;
- (d) kurang daripada 100 gram candu mentah atau candu masak; dan
- (e) kurang daripada 250 gram daun koka,

Penalti penjara bagi kesalahan ini sedia wujud dalam Akta sekarang dan tidak berubah. Penalti denda juga sedia wujud sama ada denda maksimum \$10,000 ataupun \$20,000, tetapi sekarang dicadangkan untuk diseragamkannya supaya menjadi maksimum \$20,000 berasaskan "toxity".

Pesalah-pesalah yang termasuk dalam kategori ini pada keseluruhannya ialah penagih, kerana penagih biasanya memiliki tidak lebih dari satu gram yang boleh digunakan untuk dua hari.

- (2) Penjara di antara 2 hingga 5 tahun dan hukuman sebat tiga hingga 9 kali bagi pemilik-pemilik dadah yang dianggap pengedar kecil-kecilan yang memiliki di antara:-
  - (a) 2 hingga 5 gram heroin, morfin atau monoacetylmorphines;
  - (b) 5 hingga 15 gram kokain;
  - (c) 20 hingga 50 gram kanabiss atau resin kanabis;

(d) 100 hingga 250 gram candu mentah atau candu masak; dan

(e) 250 hingga 750 gram daun koka.

Mengikut undang-undang yang ada sekarang, penalti bagi pengedar kecil-kecilan ini adalah sama seperti bagi pemilik-pemilik dadah yang disebutkan di kategori (1) tadi.

Memandangkan pengedar-pengedar kecil-kecilan inilah yang memeralatkan penagih-penagih dan lain-lain orang untuk memperkenalkan dadah kepada mangsa yang baru, maka penalti yang lebih berat adalah difikirkan perlu bagi mereka. Pekiranya pesalah-pesalah dalam kategori ini juga menjadi penagih, maka hukuman sebat akan ditangguhkan hingga doktor mengesahkan bahawa kesihatan mereka telah pulih ke tahap yang boleh mereka dikenakan sebat,

(3) Penjara 5 tahun hingga seumur hidup dan sebat tidak kurang daripada 10 kali bagi pengedaran dadah dalam amaun yang masih tidak terlalu banyak iaitu:-

(a) 5 hingga 15 gram heroin, morfin atau monoacetylmorphines;

(b) 15 hingga 40 gram kokain;

(c) 50 hingga 200 gram kanabis atau resin kanabis;

(d) 250 hingga 1,000 gram candu mentah atau candu masak; dan

(e) 750 hingga 2,000 gram daun koka.

Undang-undang sekarang memperuntukkan penalti penjara yang sama dan hukuman sebat tidak kurang daripada 6 kali.

(4) Hukuman mati bagi mereka yang memiliki dadah dalam amaun yang membawa anggapan pengedaran (trafficking) iaitu:-

(a) 15 gram atau lebih heroin, morfin atau monoacetylmorphines;

(b) 40 gram atau lebih kokain;

(c) 200 gram atau lebih kanabis atau resin kanabis;

(d) 1,000 gram atau lebih candu mentah atau candu masak; dan

(e) 2,000 gram atau lebih daun koka.

Perlulah saya sebutkan di sini bahawa hukuman mati ini sedia wujud bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan dadah jenis heroin, morfin, monoacetylmorphines, kanabis, resin kanabis, candu mentah dan candu masak dalam undang-undang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan kepada sistem penalti yang saya sebutkan tadi, terdapat satu sahaja pindaan kecil iaitu terhadap takrif "crude cocaine", dengan izin. Takrif "crude cocaine", dengan izin, yang terdapat di Seksyen 2 Akta sekarang akan digugurkan kerana istilah tersebut tidak digunakan dalam mana-mana peruntukan lain dalam Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya 1952 merupakan salah satu alat yang penting dalam strategi Kerajaan untuk membasmi ancaman dadah dan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepadanya dalam Rang Undang-undang ini akan menjadikannya lebih berkesan lagi.



Dengan ini, saya mohon Rang Undang-undang tersebut disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman.

**4.18 ptg**

**Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman:** Bismillahir-rahmanir-rahim, Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang untuk saya bangun dan menyokong Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dipinda pada tahun 1984 dan pada tahun 1985 untuk mencegah pengedar, penagih dan juga penyalahgunaan dadah.

Namun demikian, pengedaran dan penyalahgunaan dadah masih berleluasan. Pengedar dan penagih juga masih berusaha dengan beberapa cara baru untuk mengelakkan diri mereka daripada dikesan dan diambil tindakan.

Kita tahu bahawa ancaman dadah telah sampai ke tahap yang membahayakan keselamatan negara kita. Sesuai dengan keadaan dan perubahan yang sedang berlaku sekarang, maka pindaan-pindaan yang dikemukakan sekarang ini akan memberi hukuman yang lebih berat, yang akan memberi kesan yang lebih khasnya kepada pengedar-pengedar dadah. Saya yakin dan percaya bahawa dengan pindaan Akta Dadah Berbahaya 1986 ini, barangkali dapat mengurangkan walaupun tidak dapat menghapuskan dengan sekaligus.

Pindaan-pindaan seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi khasnya kepada Fasal 6 (b) dan (f)ia-itu sebat mandatori sebanyak 3 hingga 9 kali dan juga penjara mandatori daripada 2 hingga 5 tahun. Ini adalah lebih berat daripada hukuman-hukuman yang sedia ada dan kemungkinan dengan hukuman-hukuman pindaan ini akan dapat memberi kesan yang lebih. Begitu juga Fasal 4 seksyen 9 yang mana akan membawa hukuman maksima daripada \$10,000 hingga \$20,000. Dan lain-lain pindaan ialah penjara daripada 5 tahun kepada seumur hidup serta sebat daripada 3 hingga ke 9 kali ataupun kurang daripada 10 kali. Dengan pindaan yang lebih tegas ini adalah diharapkan bahawa sedikit sebanyak akan melibatkan kekurangan pengedar-pengedar dadah yang mana pengedar-pengedar dadah ini terdiri daripada kalangan-kalangan yang bijak merancang dengan berbagai-bagai cara untuk mengelakkan diri mereka daripada ditangkap di bawah ke mahkamah dan menerima hukuman.

Pengedar-pengedar yang bijak biasanya akan mendapat keuntungan yang lebih barangkali hasil daripada edaran mereka dan penglibatan daripada pengedar-pengedar itu akan mengakibatkan penagih-penagih dadah dari beberapa golongan yang mana pula akan menanggung beban kepada Kerajaan untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini.

Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapat tahu bahawa terdapat seramai 2,056 orang penagih-penagih dadah daripada 7 buah pusat yang sedia ada dalam negara kita ini. Katakanlah tiap-tiap seorang para penagih itu Kerajaan membelanjakan sebanyak lebih kurang \$10 yang minimanya. Dengan demikian, sebulan kemungkinan \$300. Dengan jumlah 2,056 orang itu maka Kerajaan akan membelanjakan sekurang-kurangnya \$7,401,600 setahun kepada penagih-

penagih dadah yang Kerajaan sedang pulihkan. Dan mungkin belanja ini akan lebih daripada itu jika dicampurkan dengan belanja pentadbiran, belanja kemudahan-kemudahan asas lainnya dan belanja kaki-tangan-kakitangan di tempat-tempat pemulihan yang sedia ada sekarang. Dan wang sebanyak itu adalah terlalu banyak kalau kita bandingkan dengan keperluan-keperluan Kerajaan terutama sekali pada masa ini, pada masa Kerajaan sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dan kejatuhan ekonomi negara kita.

Kalaulah sekiranya kita tidak terlibat ataupun dapat dikurangkan pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah ini mungkin wang sebanyak lebih daripada \$7 juta setahun itu dapat digunakan untuk faedah-faedah lain. Faedah-faedah menyusun semula masyarakat untuk membangun semula masyarakat di luar bandar dan faedah-faedah untuk membangun kalangan-kalangan rakyat yang memerlukan bantuan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sampailah masanya setelah Akta ini diluluskan nanti, boleh jadi setelah Kerajaan mengadakan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dan mendapat pula sambutan daripada masyarakat maka usaha-usaha untuk mengesan, menangkap dan menghukum pengedar-pengedar ini akan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Pada saya penjara mandatori patut diasingkan seperti mana yang dicadangkan, patut diasingkan pada satu penjara khas yang mana penjara itu dikhususkan terdiri daripada pengedar-pengedar yang terlibat dengan kes-kes pengedar dadah sahaja dan kepada penjenayah-penjenayah ini hendaklah diberi kerja yang lebih berat, yang lebih mencabar supaya mereka ini apabila keluar nanti tidak melakukan kesalahan-kesalahan yang telah pernah mereka lakukan dan boleh juga di penjara-penjara khas ini ditempatkan pula satu tempat yang sesuai yang mana tenaga mereka ini, tenaga pengedar-pengedar dadah ini kita

boleh gunakan untuk pembangunan.

Misalnya seperti sekarang di pusat-pusat pemulihan dadah yang kita dapat tahu yang sedia ada penagih-penagih dadah ini dilatih untuk membuat kerja-kerja yang akan memberi faedah kepada mereka seperti tukang jahit, berkebun sayur, bercucuk tanam, membuat batu bata dan terdapat Pusat Insaf Diri di Bukit Mertajam telahpun sekarang ini berusaha untuk menyiapkan satu bangunan tambahan di Kedah, kalau tidak salah saya dengan tenaga dan kemampuan pengetahuan mereka ini telah dapat menyiapkan bangunan yang akan dicadangkan untuk sebuah pusat pemulihan di sana. Jadi, kepada pengedar-pengedar ini juga patut kita boleh memberi kerja-kerja yang begitu atau yang lebih berat daripada itu ataupun pada satu kawasan yang memerlukan mereka ini dengan kerja-kerja yang lebih berat seperti memulih tanah-tanah terbiar, membuat jalan-jalan, membaiki saluran-saluran **air**, menternak dan sebagainya ke arah menambahkan hasil kepada negara kita ini. Dan dengan demikian, Kerajaan akan dapat menggunakan sebahagian daripada pengedar ini untuk dipulihkan dan kita pula dapat pulangan hasil pengeluaran negara akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya mewujudkan sebuah penjara khas ini kerana memandangkan sekarang penjara-penjara yang sedia ada nampaknya terlalu sesak. Penghuni-penghuni penjara yang sedia ada diagakkan - saya tidak tahu, kerana saya tidak masuk penjara, tetapi boleh jadi betul, keadaan penjara-penjara sekarang agak selesa. Sebab itu kita terdapat penjenayah-penjenayah kecil, apabila masuk dalam penjara maka dia ingin masuk lagi sekali setelah dia keluar susah mendapat pekerjaan, susah diterima oleh masyarakat. Dan boleh jadi begitu juga dalam penjara-penjara yang sedia ada ini Kerajaan menyediakan semua kemudahan-kemudahan dan kemungkinan

penjenayah-penjenayah tidak begitu rasa serik apabila masuk penjara, sebab itu mereka sanggup membuat kesalahan supaya masuk semula.

Di penjara yang kita sedia ada sekarang ini penjenayah-penjenayah ataupun penerima-penerima hukuman mendapat habuan ataupun disediakan makanan yang secukupnya, tempat tidur yang memadai, sesuai dengan kesalahan dan boleh mereka melelapkan mata mengikut jadual-jadual yang ditetapkan. Kalau sekiranya mereka ini sakit ataupun uzur maka rawatan yang sempurna pun diberi, bahkan pakar-pakar perubatan dihantar untuk mengubat penjenayah-penjenayah ini. Dan kerja-kerja yang mereka lakukan di dalam penjara tidak seberapa. Mengikut jadual-jadual yang ada, kemungkinan boleh jadi mereka ini lebih senang bekerja dalam penjara daripada mereka ini keluar bekerja di luar. Sebab **itu**, saya sarankan supaya penjara khas dengan apa cara pun dibentuk supaya kepada penjenayah-penjenayah atau pesalah-pesalah penagih ini dapat menerima hukuman yang se-timpal dengan kesalahan yang mereka lakukan untuk merosakkan bukan sahaja belia-belia kita, bahkan merosakkan ketahanan dan keselamatan negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini terdapat seperti yang ditegaskan sebentar tadi sebanyak 7 buah pusat-pusat pemulihan telah sedia ada di negara kita ini. Kemungkinan kalau sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan tegas seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, walaupun pengedar-pengedar dan penagih-penagih berkurangan, tetapi kita bimbang apa yang sedang berlaku di negara-negara barat kemungkinan akan menular atau menjalar pula ke negara kita Malaysia ini. Jadi ada kemungkinan pusat-pusat pemulihan dadah ini Kerajaan akan tambah, memandangkan perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku. Sebab itu usaha-usaha perlulah dibuat dan Kerajaan hendaklah menjadikan usaha menghapuskan pengedar dan penagih dadah ini satu perkara yang utama, yang serius, yang kita sedang hadapi sekarang.

Sekarang kita dapat tahu dan kita semua ketahui, bahawa bukan sahaja di kalangan-kalangan belia kita yang telah terlibat dengan penagih dadah, hasil daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pengedar-pengedar. Walaupun pengedar kecil, apatah lagi kepada pengedar-pengedar yang besar, kemungkinan mereka ini dapat meraih keuntungan yang banyak, sebab itu mereka terlalu galak untuk bergiat dalam penagihan dadah ini, selain daripada tujuan mereka ini untuk merosakkan pertahanan negara kita. Telahlah sampai ke tahapnya, iaitu telahpun melarat ke kalangan pelajar-pelajar kita terlibat dengan salahguna dadah, dan juga baru-baru ini telah juga menjalar ke pusat-pusat pengajian tinggi dan sedikit sebanyak akan juga terlibat dengan ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita. Inilah yang dibimbangkan, akan rosaklah generasi muda, generasi akan datang dan akan rosaklah pertahanan negara kita, kalau sekiranya ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita juga terlibat dengan pengedar dan penagih

dadah. Jadi, dengan demikian akan lumpuh negara kita dan akan sia-sialah perjuangan generasi yang terdahulu daripada kita untuk menuntut kemerdekaan, menyusun pembangunan, mengadakan pembangunan dan mengharapkan supaya rakyat Malaysia ini akan hidup makmur, akan mencapai matlamat dan susunan yang dirangka, maka hasrat itu tidak Tuan tercapai kalau sekiranya tahap untuk menghapuskan pengedar dan penagih dadah ini tidak dapat dibendung oleh Kerajaan. Dengan sebab itulah maka Yang Amat Berhormat. Perdana Menteri kita dengan tidak teragak-agak lagi, dengan kelulusan Kabinet telah mengemukakan pindaan-pindaan dengan hukuman-hukuman yang lebih berat dan tindakan-tindakan yang lebih munasabah supaya dengan demikian agar dapat mengurangkan, ataupun menghapuskan sama sekali pengedar-pengedar ataupun penagih-penagih dadah.

Sehubungan dengan ini juga, untuk tindakan-tindakan Kerajaan yang lebih tegas dan untuk mendapat sumbangan dan sambutan yang lebih daripada seluruh masyarakat dan rakyat negara ini seluruhnya, saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengeluarkan sedikit imbuhan ataupun imbuhan yang berpatutan kepada siapa-siapa yang dapat memberi maklumat sehingga tertangkap dibawa ke mahkamah dan dihukum, kepada penjenayah-penjenayah atau pengedar-pengedar dadah, heroin, morphine, candu, cocain, cannabis daun koka dan lain-lainnya yang telah dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Dengan mengadakan imbuhan ini, maka akan memberi galakan kepada orang ramai untuk tampil ke hadapan memberi maklumat kepada Kerajaan, kepada mana-mana pihak yang sedia ada di peringkat daerah, peringkat negeri dan seterusnya di peringkat pusat. Dengan itu juga akan melibatkan seluruh masyarakat kerana pengedar-pengedar dadah ini dan penagih-penagih dadah ini bukanlah seperti komunis yang ada

di dalam hutan, yang ada di sempadan-sempadan. Mereka ini ada bersama dengan kita, ada dalam masyarakat kita. Kalau sekiranya pihak Kerajaan menggunakan kemudahan galakan kepada orang ramai, kemungkinan orang ramai akan tampil ke hadapan dan mereka ini akan diberi jaminan supaya rahsia-rahsia mereka, maklumat-maklumat mereka itu akan dirahsiakan.

Jadi, setelah penerangan-penerangan dan penyampaian-penyampaian ini disampaikan pada rakyat seluruhnya, kemungkinan rakyat akan tampil ke hadapan dan kita masih ingat dan kita ada beberapa banyak pengalaman, selepas kita mencapai kemerdekaan, semasa seluruh negara kita sedang menghadapi ancaman komunis sampai kepada Julai, 1961 kalau tidak salah saya, setelah kita isytihar bahawa negara kita ini telah selamat, telah selesai daripada Undang-undang Darurat, pada ketika itu orang ramai telah tampil ke hadapan untuk membantu Kerajaan memberi maklumat dan pihak Kerajaan pada masa itu telah mewujudkan kawasan-kawasan yang tertentu, yang merekodkan bahawa kawasan ini kawasan hitam, kawasan ini kawasan merbahaya dan tumpuan-tumpuan ditujukan kepada kawasan-kawasan yang hitam, kawasan-kawasan yang merbahaya, diadakan sekatan-sekatan jalanraya, diadakan sekatan-sekatan maklumat, dan di kala-kala yang tertentu supaya komunis ini tidak dapat berhubung dengan orang ramai, tidak dapat sokongan daripada orang ramai. Dengan demikian putus hubungan, putus bekalan, putus perubatan dan sebagainya, maka usaha kita untuk menarik komunis ini balik ke pangkuan asal berjaya.

Begitu juga dengan kaedah ini, kalau kita menggunakan sedikit pengalaman kita semasa kita menghadapi pengganas-pengganas komunis beberapa tahun yang lalu, kemungkinan usaha ini akan berhasil. Contohnya seperti sekarang katakanlah di Pulau Pinang, satu kawasan



yang kegiatan mengedar, membawa masuk dan mengeluarkan dadah berlaku di kawasan sana dan penglibatan penagih-penagih pun kemungkinan banyak di sebelah Pulau Pinang. Sebab itu kalau mengikut perangkaan Jawatankuasa Pemulihan dadah adalah tinggi di kawasan sana. negeri Pulau Pinang yang kecil **itu**, Jawatankuasa Pemulihan Dadah ada sebanyak 8 buah, kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain, yang 6 buah negeri lagi belum menubuhkan Jawatankuasa.

Jadi, kalaulah kita katakan di Pulau Pinang itu pusat yang mengadakan kegiatan itu maka patutlah tumpuan diberi di Pulau Pinang, tetapkan bahawa Pulau Pinang ini kawasan merbahaya, kawasan hitam, segala tumpuan dan usaha ditujukan kepada Pulau Pinang dan di samping itu kawasan-kawasan lain yang mungkin tidak terlibat dan akan terlibat, maka pengawasan yang perlu juga diberi kepada kawasan-kawasan lain supaya kita menjaga, mengawasi sebelum terlibat adalah lebih baik daripada kita mengubatnya setelah terkena penyakit itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita menghadapi konfrantasi dengan Indonesia pun sama, kita telah mendapat sokongan daripada seluruh rakyat dan kita telah mengadakan kawasan-kawasan tertentu, kawasan-kawasan yang kita agak merbahaya, maka tumpuan diberi di kawasan **itu**. Jadi, saya ulang supaya usaha untuk menghapuskan pengedar dan penagih dadah ini dibuat, dikaji serta diambil panduan sedikit sebanyak kepada usaha kita yang telah berjaya pada masa yang lalu, disesuaikan dengan usaha kita untuk menyelesaikan masalah pengedar dan penagih dadah ini.

Begitu juga pintu-pintu masuk selain daripada tempat-tempat yang penting, pintu-pintu masuk negara kita ini patut juga diadakan kawalan yang rapi kerana kita tahu bahawa bahan-bahan candu, koka, dadah dan sebagainya ini tidak terdapat dalam negara kita, sudah

tentu bahan-bahan ini datangnye daripada luar negeri. Jadi, kalau datang daripada luar negeri tentu ada pintu yang pengedar ini bawa masuk, misalnya di sempadan di utara Malaysia kita di antara Perlis dengan Padang Besar misalnya. Sekarang terdapat terlalu bebas pengusaha-pengusaha dan ahli-ahli perniagaan pembawa masuk barang-barang daripada negara jiran masuk ke negara kita, kemungkinan barang-barang itu disorok ataupun disembunyi bersama-sama dengan bahan yang dibawa masuk daripada negara jiran kita masuk melalui Padang Besar masuk ke Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan seterusnya sampailah ke Johor. Jadi pada pintu masuk tempat ini patut kawalan rapi dibuat, walaupun agak akan menyusahkan orang ramai, tetapi dengan cara menyusahkan orang ramai ini kemungkinan orang ramai akan timbul kesedaran dan orang ramai akan memberi banyak lagi bantuan kepada kita.

Selain daripada pengedar dan penagih kepada orang ramai atau siapa sahaja yang memberi perlindungan, yang memberi kerjasama, yang memberi dorongan terhadap penagih-penagih, terhadap pengedar-pengedar ini, Kerajaan patut menimbangkan supaya hukuman juga diambil atau tindakan juga diambil.

Kalau sekiranya masih ada di kalangan rakyat kita yang memberi sokongan, yang memberi kerjasama kepada pengedar, maka sudah tentu mereka ini dapat mengadakan berbagai-bagai helah, berbagai-bagai cara untuk sampai ke matlamat yang dituju, kerana pengedar ini kita tahu bukan seorang boleh bawanya, bukan hanya seorang pengedar boleh membawa dadah daripada Padang Besar ke Pulau Pinang, dia tentu menggunakan beberapa orang, beberapa cara untuk mengedarkannya dari satu tempat ke satu tempat dan seterusnya. Jadi, kalau sekiranya kita adakan galakan seperti saya tegaskan tadi ataupun kita mengambil tindakan kepada orang yang ada mengetahui maklumat ini tetapi tidak menyampaikan kepada Kerajaan maka dengan sendiri orang ramai akan tampil ke hadapan memberi bantuan. Sepertimana yang saya tegaskan, pengedar-pengedar ini ada bersama kita, sekeling masyarakat kita. Jadi, penglibatan orang ramai, penglibatan masyarakat adalah perlu bersama-sama dengan Kerajaan untuk berusaha menghapuskan pengedar dan penagih dadah ini.

Selain daripada itu, kalau sudah Kerajaan mengatakan bahawa Kerajaan memandang serius terhadap pengedar dan penagih dadah ini - dan sebentar tadi pun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan memandang serius - kalau Kerajaan memandang ini serius, maka sudahlah sampai masanya tindakan-tindakan perlu diambil. Selain daripada apa yang saya sarankan tadi, saya suka juga menyarankan lagi supaya setelah memandang serius maka hal-hal yang berkaitan dengan penagih dan pengedar dadah ini patut juga diperbincangkan dan dimasukkan dalam agenda Majlis Tindakan Negara, Majlis Tindakan Negeri, Majlis Tindakan Daerah mengikut peringkat-peringkat supaya apabila agenda ini diperbincangkan dalam Majlis Tindakan Negara, Majlis Tindakan Negeri dan Majlis Tindakan Daerah dan kalau

mungkin sampai ke JKKK tindakan boleh diambil. Dari semasa ke semasa badan-badan yang saya sebutkan tadi menerusi pegawai-pegawai yang sedia ada di peringkat-peringkat yang tertentu akan bersama-sama membincang dengan pegawai-pegawai Kerajaan, dengan pegawai-pegawai tertentu dari peringkat bawah iaitu JKKK kepada Majlis Tindakan Daerah, Tindakan Negeri ataupun Pembangunan Daerah, Pembangunan Negeri hinggalah sampai ke peringkat Persekutuan. Sekurang-kurangnya tiap-tiap bulan di peringkat daerah ia akan mendapat laporan daripada pegawai di peringkat daerah ke atas perkembangan sejauh mana pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan mengenai dengan penagih dadah. Mereka boleh bincang laporan ini di peringkat daerah di sesuatu kawasan, misalnya, terdapat berapa orang penagih dadah, apa yang perlu diambil tindakan, sama ada perlu ditubuhkan jawatankuasa yang lebih banyak, sama ada perlu seperti saya tegaskan tadi, sesuatu kawasan ini menjadikan satu kawasan tumpuan.

Misalnya, kalau di kampung "A" ramai di antara anak muda kita terlibat dalam dadah, di peringkat daerah itu boleh dibincang supaya dengan kerjasama JKKK tempatan kawasan itu dijadikan sebagai kawasan hitam. Pegawai polis, pegawai narkotik dan sebagainya boleh buat tumpuan di tempat itu dan boleh bersama-sama bincang supaya tempat yang terdapat penagih itu tidak dapat dimasuki oleh pengedar-pengedar dadah. Jadi, dengan sendiri kalau benda ini berlaku dari peringkat bawah maka kemungkinan pengedar-pengedar tidak dapat menyampaikan bahan-bahan ini untuk penagih-penagih ke tempat itu. Itulah yang saya sarankan.

Begitu juga saya rasa tidak sepatutnya enam buah negeri dalam negara kita sampai setakat ini yang belum menubuhkan lagi Jawatankuasa Pemulihan Dadah, seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri baru-baru ini, iaitu negeri Pahang, Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Kalaulah kita memandang bahawa dadah ini merbahaya dan serius mengapa enam buah negeri yang masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah di peringkat negeri betapa pula di peringkat daerah. Jadi hal ini adalah perlu. Dari pengalaman saya di tempat saya sendiri, setelah saya diberi peluang untuk bersama-sama dengan pegawai-pegawai berkenaan di Pusat Pemulihan Dadah di Bukit Mertajam, saya tahu bahawa terdapat juga penagih dadah daripada negeri-negeri yang saya sebutkan iaitu Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perlis. Tetapi penagih-penagih dari Sabah dan Sarawak tidak dihantar ke Pusat Pemulihan Bukit Mertajam. Di Pusat Pemulihan Bukit Mertajam terdapat penagih dadah daripada negeri-negeri lain kecuali Sabah dan Sarawak yang ditempatkan di situ.

Jadi, peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Pemulihan Dadah di peringkat daerah ini adalah penting kerana di Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang saya maksudkan tadi, Kerajaan memberikan peruntukan yang terhad. Kalau sekiranya ada Jawatankuasa Pemulihan Dadah memainkan peranan iaitu Jawatankuasa itu mengadakan modal memberi peruntukan kepada jawatankuasa pelawat yang sedia ada sama-sama dengan jawatankuasa pelawat, sama-sama dengan Pengarah Pusat Pemulihan Dadah itu untuk mengadakan projek-projek yang memberi faedah, projek-projek sampingan selari daripada projek yang sedia ada di pusat-pusat itu.

Misalnya di tempat saya Jawatankuasa Pemulihan ini mengadakan peruntukan, mengadakan sumbangan dan minta kerjasama daripada orang ramai, misalnya kepada penternak-penternak ayam untuk memberi anak ayam kepada Pusat Pemulihan Dadah dengan percuma kepada peniaga-peniaga atau pembagi-pembagi makanan ayam memberi potongan kepada

harga barang-barang itu supaya penagih-penagih ini mengusahakan ternakan ayam. Pusat Pertanian, MARDI memberi kemudahan subsidi baja, memberi bantuan traktor dan sebagainya untuk mereka memulih tanah terbiar. Iepas itu FAMA memainkan peranan supaya mengedar bahan-bahan ini. Begitulah perlunya Jawatankuasa Pemulihan Dadah di peringkat daerah ini terutama sekali di tempat-tempat mana yang ada pusat-pusat pemulihan. Kalau tidak ada pun, Jawatankuasa Pemulihan Dadah boleh memainkan peranan bersama-sama dengan Pegawai Daerah, sama-sama dengan pegawai polis di daerah itu untuk mengambil tindakan terhadap penagih atau pengedar-pengedar di kawasan itu. Jadi, saya berharap sepertimana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas ini kita akan dapat berita bahawa Pahang, Kelantan, Terengganu, Perlis, Sabah dan Sarawak akan sama-sama menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah di peringkat daerah dan peringkat negeri yang saya sebutkan tadi,

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja oleh sebab saya akan beri peluang kepada rakan-rakan saya yang lain, Maka saya dengan ini dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

**4.48 ptg.**

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk memberikan pendapat berkenaan dengan Akta yang kita bahaskan pada hari ini iaitu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya. Saya telahpun membaca Rang Undang-undang ini dan selepas itu juga saya mendengar hujah daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Kedua-duanya jelas di sini, Akta ini bertujuan untuk membendung masalah dadah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengedaran dadah ini memang benar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam keadaan membimbangkan, kalau saya tidak silap tadi. Tidak payah kita bagi contoh betapa sebilangan rakyat di Malaysia ini sudah menjadi 'sampah' masyarakat kerana penglibatan mereka sebagai penagih dadah. Tetapi apa yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, di sini ialah kemungkinan masalah dadah ini jika tidak dapat diatasi akan menjejaskan ketahanan nasional kita.

Untuk tujuan itu saya ingin menceritakan sedikit beberapa episod dalam sejarah. Yang pertama kira-kira pada kurun yang ke 17 kita pernah mendengar di negara China, "the Opium Wars" atau Peperangan Candu, Semasa negara-negara Barat ingin membuka pintu negara China, mereka mendapati negara China pada masa itu dalam keadaan kuat, amat susah ditembusi, maka timbul pula satu pendapat mereka membanjiri negara China ini dengan dadah. Selepas beberapa abad tercapai cita-cita negara Barat untuk menakluki negara China.

Selepas itu pada kurun yang ke 20 ini di Vietnam, bagaimana askar-askar Amerika misalnya sudah kehilangan minat untuk berperang kerana kem-kem mereka dibanjiri oleh Vietcong dengan dadah. Maka pada tahun 1975 askar-askar Amerika yang terbilang kekuatannya itu terpaksa mengundur diri kerana tidak ada minat untuk berperang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berpendapat jika perkara ini tidak dibendung dan satu daripada caranya untuk mengatasi masalah ini adalah dengan cara mengadakan Akta yang begitu ketat ini, maka ketahanan nasional kita mungkin akan terjejas. Soal ketahanan ini satu soal yang kita tidak boleh ambil ringan kerana kalau sudah kena baru tahu, baru sedar, tidak ada gunanya.

Saya juga berharap di sini Akta ini akan terus dipanjangkan ke Sabah kerana di Negeri Sabah juga masalah dadah dan penagihan dadah ini sudah berleluasa. Kalau dahulu di tahun 60an dan 70an kita dengar masalah ini ada di Sabah, cuma terdapat di bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu, Sandakan atau Tawau, tetapi sekarang sejauh di interior sekali, di pedalaman, kesan-kesan masalah penyalahgunaan dadah ini sudah ada.



Ini menunjukkan betapa seriusnya masalah ini di Sabah. Dari mana datangnya dadah ke Sabah? Sekurang-kurangnya ada empat pendapat yang pertama melalui penyeludup-penyeludup dari Semenanjung. Ini sudah berlaku semenjak tahun 1963. Lepas itu kita tahu dadah juga datang melalui pendatang-pendatang haram kerana di Sabah pada hari ini tidak kurang daripada 200,000 pendatang haram dari luar negeri dan banyak penangkapan yang dibuat oleh Polis melibatkan orang-orang asing. Kira-kira 1 1/2 tahun dahulu berlakunya satu peristiwa di sebuah hotel bilamana satu penangkapan telah dibuat oleh Polis terhadap seorang budak kecil berumur 12 tahun yang diperalatkan oleh bapanya sendiri, seorang pendatang haram untuk menjual kanabis atau ganja. Lepas itu, banyak penangkapan dibuat di pasar-pasar Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu, bilamana didapati orang-orang pendatang haram ini menjual ganja dimasukkan ke dalam kotak-kotak mancis. Akhir sekali, tiga hari yang lalu sebelum saya mengangkat Sumpah di sini, saya berkesempatan untuk berbual dengan seorang Majistret, beliau mengatakan ada kes yang dihadapkan ke mahkamah melibatkan seorang siswazah dari Filipina. Menurutnya siswazah itu terlalu miskin dan terpaksa menjual ganja untuk mendapat wang agar dapat meneruskan pelajaran. Ini tidak menjadi apa, tetapi apa yang penting di sini iaitu ganja sudah masuk ke Sabah daripada negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada pendapat di sini, oleh sebab sekarang ini kemasukan dadah ke negara Barat daripada Golden Triangle ini sudah menjadi sulit sekali, sukar sekali, maka penyeludup-penyeludup ini telah menggunakan kepulauan daripada Kudat sampai ke Tawau sebagai tempat transit atau persinggahan pada dadah-dadah diedarkan ke Barat. Kalau cuma persinggahan, tidak apa tetapi kalau ada segelintir daripada dadah ini masuk ke Sabah, ini akan menjadi bahaya.

Sebab itu saya berpendapat dan saya bersetuju berkenaan dengan Akta ini dan juga saya mohon supaya Timbalan Menteri bagi pihak Kerajaan akan memanjangkan pindaan ini ke Sabah dengan serta merta.

Dalam Akta ini mengikut Timbalan Menteri beliau ada menyebut dua jenis dadah - kokain dan kanabis ataupun ganja. Tetapi di Sabah selain daripada ini, ramai belia dan beliawanis yang cuba membuat substitute penggantian terhadap dadah ini. Minuman ubat batuk boleh menghayalkan mereka. Tidak ada termasuk dalam Akta ini berkenaan dengan penyalahgunaan ubat batuk ini atau menghirup gam basikal - gam basikal tidak ada termasuk dalam ini.

Begitu juga saya pernah melihat belia-belia mabuk menghayalkan kerana menghirup petrol. Apakah tindakan Kerajaan terhadap masalah ini kerana penggunaan petrol dan gam ini masih berleluasa di sana sini kita dapat lihat. Stesen-stesen petrol di merata-rata tempat di Sabah sudah ada. Kedai-kedai menjual tayar basikal pun banyak. Apa tindakan Kerajaan untuk membendung masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan kerana ada dua Akta lagi yang hendak dibahaskan di sini, saya mengakhiri ucapan ini dengan menyokong pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah tadi ada berdiri, kerana kita hendak memberi peluang kepada orang baru. Tiada? Silakan, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

**4.59 ptg.**

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang sedikit masa untuk saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Terlebih dulu

dengan ringkasnya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri yang sentiasa memikirkan dan mencari jalan bagaimana untuk memperlahankan ataupun mencegah wabak yang sedang mendadak, melanda negara ini sebab sebagaimana yang difahamkan oleh kerajaan bahawa dadah merupakan ancaman pertama negara.

Dalam ucapan saya sewaktu membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari, saya ada menyentuh sedikit babawa dadah ini bukanlah merupakan satu keadaan yang boleh dipandang ringan, malahan ini sudah dianggap satu ancaman negara, satu ancaman pertama selepas kita menyelesaikan masalah ancaman Komunis.

Apa yang saya sarankan dalam pandangan mengenai Akta ini bahawa terlalu ghairah penagih itu meningkat bilangannya sehingga berjumlah 119,713 orang sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Maka masalah ini amatlah mendukacitakan dan amat menakutkan kita, sebab dari segi statistik atau peratusannya penagih yang paling ramai ialah dari golongan orang Melayu, sedangkan kita tahu bahawa orang Melayu ini ada pegangannya yang kuat iaitu kepercayaan kepada agama dan dia tahu tentang kerosakan yang boleh merosakkan rohani, yang boleh merosakkan jiwa dan diri mereka.

Satu perkara yang amat menyedihkan, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi benda ini menampakkan bahawa penagihan ini banyak berlaku di kalangan orang Melayu iaitu mengikut iklan-iklan anti dadah, sebagaimana yang saya katakan tempoh hari, ternampak muka-muka orang Melayu. Sebaliknya Akta ini tidak menekankan kepada penagih-penagih, tetapi menekankan kepada pengedar-pengedar dadah, sedangkan kebanyakan pengedar-pengedar pula yang kita tahu ialah bukan orang Melayu dan terlalu amat sedikit bilangan orang Melayu yang terlibat. Kebanyakan pengedar-pengedar ini datangnya daripada orang-orang asing, sama ada datang dari luar ataupun datangnya dari rakyat yang ada dalam negara ini.

Kalau sekarang kita membincangkan bahawa kita takut tentang pengaruh-pengaruh Yahudi atau Zionisme, tetapi ancaman dadah ini lebih kita takut. Sebabnya manakala pemikiran manusia ini telah diracuni dadah, gerak langkah anak-anak muda kita sudah perlahan, pemikirannya tidak boleh lagi dibentuk, maka kita takut negara ini akan punah ranah, negara ini akan tinggal sebagai satu negara yang bangsat.

Jadi, oleh kerana itu saya menyokong Akta ini iaitu kalau boleh biarlah penalti yang diberikan kepada pengedar-pengedar ini tidak kita hanya hadkan kepada sedikit dan banyaknya pemilikan dadah, malahan kalau dapat dikesan bahawa seseorang itu memang seorang pengedar, sama ada secara kecil-kecilan atau besar-besaran, maka orang itu diletakkan di dalam satu penalti yang boleh menakutkan, yang boleh menjadi pengajaran kepada mereka.

Sebab apa saya berani katakan demikian, dari segi maklumat yang didapati, pernah penagih-penagih yang tinggal di dalam penjara ataupun penagih-penagih yang telah dapat ditahan oleh Polis, masih boleh mendapat lagi benda ini, yakni bekalan itu disampaikan kepada penagih-penagih yang sedang ditahan itu melalui pengedaran makanan yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal makanan untuk orang-orang yang tinggal dalam tahanan Polis. Ini menampakkan bahawa kecuaiannya itu berlaku sehingga ia boleh dapat dikesan iaitu penagih-penagih ini dapat lagi bahan bekalan itu.

Bukti yang boleh saya katakan ini ialah kerana adanya berlaku bekalan makanan yang dicurahkan oleh penagih-penagih yang ditahan oleh Polis kerana bahan bekalan yang sepatutnya tak sampai, akhirnya benda itu boleh sampai. Keadaan ini amat mendukacitakan. Kalaupun pihak Kementerian besungguh-sungguh di dalam meminda Akta ini dan meletakkan penalti-penalti yang amat berat tetapi perkara ini tetap juga berjalan.

Jadi dengan sebab itu, saya suka mencadangkan supaya pengedar-pengedar ini kita letakkan sama seperti dalam Akta memiliki senjata-tapi tanpa lesen. Dengan tidak ada persoalan banyak, mereka ini harus diberikan satu penalti yang betul-betul boleh menakutkan mereka.

Perkara yang kedua yang saya tidak tertarik hati ialah tentang begitu banyak maklumat tangkapan pengedar dadah yang kita tengok dalam suratkhbar. Kalau boleh, tak usah kita keluarkan maklumat ini di akhbar, kerana bila kita keluarkannya, ia akan menunjukkan bahawa benda ini semakin lama semakin banyak. Jadi kalau kita tak keluarkannya dan hanya pihak yang bertanggungjawab sahaja yang mengetahui tentang kegiatan pengedar-pengedar ini, saya rasa itu adalah lebih baik. Sebabnya, manakala penagih-penagih ini mengetahui bahawa pengedar-pengedar masih ramai dan bertambah dari satu masa ke satu masa, ini menunjukkan bahawa ada ramai lagi orang-orang yang akan membekalkan kepada mereka. Jadi, saya suka mencadangkan supaya program-program, pendedahan tentang pengedar-pengedar ini diperlahankan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan ucapan saya kerana masa tidak mengizinkan dan dengan sukacitanya saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd."Noor.  
**5.05 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih oleh kerana kesempatan untuk saya bercakap sepatah dua berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun mendengar dan melihat dan telahpun kita menyaksikan dengan pancaindera kita bahawasanya dadah itu adalah satu perkara yang amat merbahaya kepada manusia. Oleh itu, sewajar dan sepatutnyalah kita ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang mana setahun demi setahun

mengubah dan meminda Undang-undang Dadah Merbahaya ini daripada ringan kepada berat. Ini adalah satu perkara yang amat penting sekali sebab kalaulah kita membiarkan pengedar ini dengan dibebaskan ataupun dengan tidak dikenakan denda yang sewajarnya, kemungkinan rakyat yang berada dalam negara kita ini akan menjadi rakyat yang tidak berguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan dadah ini. Apakah sebab perkara ini menjadi berleluasa yakni yang menjadi satu perkara yang paling digemari? Mengikut pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah manusia itu tidak ada pendidikan rohani, manusia itu dapat diatasi oleh hawa nafsu, ertinya hawa nafsu dapat mengatasi akal manusia. Di waktu itu manusia menjadi tidak lagi manusia sejati, ertinya sudah hilang akal fikiran yang dapat membezakan di antara perkara baik dan perkara buruk.

Kemudian akal fikiran ini tidak dapat, berjalan dengan betul kalaulah tidak ada dengan satu penyuluhan. Kepada orang-orang Islam iaitu yang nombor satu sekali iman. Ini adalah satu penyuluhan kepada akal manusia yang dapat membezakan dan menerima perkara yang baik atau tidak baik iaitu iman, satu nur, satu cahaya yang ada dalam jiwa manusia yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. Dengan cahaya itulah manusia dapat membezakan di antara perkara baik dan perkara buruk.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang amat mendukacitakan kepada kita semua, sebagaimana yang telah kita mendengar, siapakah yang paling ramai sekali terkena nasib penagihan dadah ini? Mengikut jawapan-jawapan Menteri dan kenyataannya ialah daripada golongan orang Melayu yang beragama Islam. Inilah golongan pemuda yang ramai sekali telahpun terjebak di dalam penghinaan penyakit dadah. Kenapa? Tidak lain kerana kekurangan didikan agama. Dengan sebab itu, saya menyeru kepada pihak Kerajaan, tambahkanlah didikan agama ini dan berikanlah penerangan agama ini dengan sebanyak-banyaknya kepada seluruh rakyat yang berada dalam negara ini, terutama sekali kepada orang-orang Islam, sebab kalau mereka sudah menerima ini, tidak ada masalah walau sebanyak mana pengedar, mereka tidak akan terima; mereka tidak akan sanggup meninggalkan apa yang difahami oleh agama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kedua, bagaimana caranya kita hendak menjaga mereka yang telahpun duduk di dalam tahanan. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri kita memberi jawapan kelmarin, kalau tidak silap saya, 30% sahaja daripada yang sudah keluar daripada tempat tahanan itu tidak kembali kepada penagihan lagi.

Alhamdulillah, kita pun bersyukur, ini pun banyak, tetapi mengikut pandangan saya, saya berasa nombor satu sekali supaya 100%, insya Allah, penagih-penagih yang telah dipulihkan ini tidak akan kembali menagih ialah kita mesti memberi pengetahuan agama dengan sebanyak-banyaknya kepada mereka, kita memberi masa yang sebanyak-banyaknya pengetahuan agama, disamping itu kita memaksa mereka sembahyang 5 waktu, jangan tinggal, sebagai wajib, kalau tidak kita denda mereka. Sebab ini tidak ada lain cara, mengikut pengajaran Islam yang diajar oleh Tuhan sendiri. "Sembahyanglah suatu perkara



yang dapat mencegah manusia daripada mengerjakan perkara yang keji dan perkara yang mungkar", sepertimana, dengan izin, Allah s.w.t. berfirman" Innassolata-tanhar-anilfahsyar-i walmungkar". "Bahawasanya sembahyang itu akan menegah seseorang itu daripada mengerjakan perkara yang keji dan perkara yang munkar". Sembahyang sendiri dapat mencegah, ertinya dapat mengubah jiwa seseorang manusia itu daripada mengerjakan kerja yang keji dan munkar. Inilah ubat yang paling mujarab sekali, kalau kita benar-benar sayang kepada rakyat jelata kita supaya tidak lagi kembali menagih dan ada yang belum lagi menagih dadahpun kalaulah kita menegakkan perkara ini supaya mereka semuanya menunaikan tanggungjawab agama Islam ini, insya Allah, rakyat jelata kita akan menjadi selamat dan tidak menjadi huru-hara sebagaimana yang kita saksi pada hari ini.

Oleh hal yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

### **5.13 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat faham bahawa ramai lagi rakan-rakan Yang Berhormat ingin memberikan pendapat masing-masing mengenai pindaan Akta yang sangat penting, yang sangat diambil berat kerana ianya merupakan masalah keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada badan-badan yang di bawahnya, termasuklah Penjara dan juga Pasukan Petugas Anti-Dadah. Kerana mereka ini telah menjalankan usaha yang gigih, tidak kenal penat lelah dan sentiasa mengambil perhatian, peka kepada keadaan-keadaan, perkembangan-perkembangan, bukan sahaja masalah-masalah penagihan, pengedaran negara kita, juga kaitannya dengan negara-

negara luar atau negara-negara yang banyak mendatangkan penyeludupan atau pengedaran ke negara kita. Hinggakan negara-negara di dunia, di Bangsa-bangsa Bersatu, Rantau Asean atau Rantau Pasifik kagum dengan taktik dan teknik kita membasmi dadah di negara kita ini, termasuklah dengan menguatkan Akta ataupun dengan hukuman-hukuman kita yang di satu ketika menjadi satu isu yang kontroversi kerana dikatakan zalim, di luar daripada peri kemanusiaan. Akhirnya, Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara lain menerima hakikat ini dan akan melaksanakan di negara mereka masing-masing setelah meneliti bahawa Akta yang deterrent begini banyak meninggalkan kesan yang banyak dari segi membasmi masalah penagihan dadah.

Kita faham bahawa Kerajaan telah berbuat segala-galanya dan telah menumpukan perhatian sepenuh-penuhnya kepada perkara-perkara berkenaan. Kawalan-kawalan sempadan, anjing pengesan, pegawai-pegawai yang dilatih khusus hinggakan sekarang ini bukan sahaja anjing boleh menghidu bau-bau jenis dadah, kakitangan yang bekerja dalam bahagian itupun sudah sangat faham dan boleh menengok dan melihat, boleh mengesyaki dengan senang pengedar ataupun penagih dadah, kerana sudah terlalu biasa dan terlalu masak, used to, dengan izin, kepada kerja-kerja yang mereka laksanakan.

Apa yang saya ingin sentuh dalam masa yang singkat ini ialah di dalam Akta ini tidak menyebutkan dadah dari nama 'crack' iaitu sejenis dadah yang Kerajaan kita, Kementerian telah maklum yang telah juga menular ke negara kita ini agak meluas yang sudah banyak meninggalkan kesannya ataupun mangsanya. Dadah crack ini diimport dari luar negeri dan saya percaya ini memang ada dalam pengetahuan Kementerian Dalam Negeri dan juga Pasukan Petugas Anti Dadah. Seperkara lagi ialah dengan dadah gantian atau bahan-bahan pil, bahan jenis ubatan yang mengkhayalkan atau dadah gantian atau

pil-pil psychotropic, satu daripadanya yang terkenal sekali ialah yang bernama Roche. Ada Roche 1,2,3 dan ada lagi nama-nama jenis dadah yang mengkhayalkan yang juga banyak diedarkan. Ini mudah saja kerana boleh dapat daripada klinik-klinik swasta dan juga di hospital-hospital sendiri yang mungkin secara tidak disedari telah dapat diedarkan oleh penagih-penagih dadah kepada rakan-rakannya juga penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pengedar, tidak ada penagih, Begitu juga sebaliknya, tidak ada penagih, tidak ada pengedar. Jadi, kedua-dua unsur **ini**, kedua faktor ini sangat penting kita berikan perhatian. Kita mengucapkan syabas di atas daya usaha yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri kerana bukan sahaja mereka melakukan usaha daripada mencegah pengedaran, iaitu menekankan dari segi penguatkuasaan, tetapi mereka juga telah banyak menjalankan usaha-usaha melalui Jabatan Perpaduan Negara, Rukun Tetangga mengenai usaha-usaha pemulihan lanjutan atau seliaan lanjutan dan juga usaha-usaha pencegahan di peringkat penerangan. Kalau pencegahan di peringkat pendidikan, tanggungjawab Kementerian Pelajaran dan kita tahu Kementerian Pelajaran juga beruaaha keras dalam perkara **ini**. Saya mengambil kesempatan sedikit kerana Kementerian Pelajaran juga dalam Kerajaan, tolonglah laksanakan skim lencana yang sebagai ko-kurikulum kepada Kementerian berkenaan dengan bersungguh-sungguhnya dan berilah peruntukan yang sewajarnya kerana skim ini sekarang ini tidak berjalan lancar hanya seperti ibarat hidup segan mati tidak mahu, seperti kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tidak mahu, kerana kurang peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan saya ingin kemukakan yang saya tahu telah mula dijalankan, hanya kita ingin memberikan sokongan yang kuat dan ingin memberikan pandangan-pandangan ikhlas supaya ianya daripada diberikan perhatian yang lebih berat, iaitu mengenai Jawatankuasa Pemulihan seperti yang disebutkan tadi yang telah ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah-daerah.

Jawatankuasa Pemulihan ini peranannya sangat penting dalam bidang seliaan lanjutan atau jagaan lanjutan. Mereka juga boleh mengambil peranan untuk mencegah pengedaran-pengedaran kecil di kawasan masing-masing, tetapi Jawatankuasa ini saya percaya perlu dibekalkan, perlu diberi kursus yang secukupnya mengenai tiga faktor terpenting. Yang pertama, asas kaunseling atau asas pengenalan kepada rundingcara ada dibuat tetapi belum lagi begitu mantap dan belum begitu meluas dan belum berkesan. Yang keduanya, bagaimana cara-cara mengesan seseorang pengedar ataupun kuasa-kuasa yang boleh diberikan mereka sebagai rakyat melalui 'citizen arrests', iaitu hak-hak seorang rakyat biasa yang boleh menahan dan boleh memberikan maklumat serta boleh mencegah pengedar-pengedar yang ada di kawasan mereka. Selain daripada itu mereka boleh juga mengambil peranan menerangkan, menjelaskan kepada kawasan masing-masing mengenai untuk mendapatkan maklumat-maklumat. Faktor ketiga, ialah mereka juga harus berjinak-jinak dengan persatuan-persatuan, badan-badan sukarela, PEMADAM umpamanya, di kawasan masing-masing untuk bekerjasama bagi membantu seliaan-seliaan lanjutan yang ada di rumah-rumah perantaraan dan juga di pusat-pusat harian yang dianjurkan dan dikendalikan oleh badan berkenaan, terutamanya PEMADAM. Bukan kata tak ada kerjasama, tetapi kurang lagi kekesanan itu atau boleh dikatakan hubungannya belum begitu erat dan belum begitu

rapat, Terdapat beberapa gap-gap tertentu yang saya rasa sudah dalam makluman Timbalan Menteri kita yang begitu gigih dan yang saya kenal memang seorang yang sangat kuat semangatnya dalam usahanya memerangi dadah ini.

Seperkara lagi yang ingin disarankan ialah pendekatan 'scare tactic', dengan izin, iaitu terus-terang atau pendekatan yang menakutkan perlulah diteruskan kerana kita dapati pendekatan yang terus-terang atau yang menakutkan ini banyak meninggalkan kesan di negara kita ini kerana ianya sesuai dengan 'culture', kebudayaan di negara kita sendiri. Negara-negara Barat tak suka membasmi dadahnya dengan taktik begini - taktik yang saya maksudkan ialah taktik yang menakutkan, berterus-terang kalau *ini*, ini dia hukumnya; kalau *ini*, ini jadinya dan lain-lainnya.

Dengan konteks ini, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penjara kerana mereka telah menyambat seruan daripada pihak PEMADAM yang meminta mereka menunjukkan hukuman sebat dan hukuman gantung atas kesalahan mengedar dadah, sama ada cocaine, morphine, heroine, ganja, cannabis dan juga 'crack', harap dimasukkan nanti, dan juga jenis-jenis dadah-dadah tiruan, di hadapan khalayak ramai terutamanya di hadapan beliawanis-beliawanis dan juga pelajar-pelajar di institusi-institusi tinggi kita. Nampak sekali perkara ini ada kesannya kerana mereka lihat sendiri betapa manusia yang bersalah ini disebat dan betapa mereka yang digantung menghadapi saat-saat penggantungannya dengan rasa ketakutan yang amat mengerikan.

Selain daripada itu, pihak Radio, TV dan juga suratkhbar-suratkhbar baik juga meneruskan usaha-usaha pendekatan yang menakutkan ataupun terus-terang ini. Buatlah kartun, buatlah

cerita-cerita, siarkanlah hukuman-hukuman yang telah dijalankan dan dianjurkan. Pihak Radio dan TV baik benar mengadakan lagi ruangan-ruangan ataupun masa-masa siaran bagi masalah dadah ini, bukan sahaja dalam masalah hukuman yang akan diputuskan atau dilaksanakan ini, juga dalam masalah-masalah pendidikan dan juga pencegahan bagi peringkat-peringkat penerangan. Kita tahu ianya memang ada dibuat, tetapi biasanya bila ada kempen dianjurkan pihak berkenaan mengambil peranan yang begitu penting dan berikan perhatian berat, tetapi selepas itu 'slow' balik. Kita harap iklan-iklan di TV yang menakutkan ini diteruskan, ditambah lagi. Minta para artis yang bijak-pandai kita membuat, membentuk iklan-iklan yang boleh menakutkan dan boleh memberikan kesan kepada mereka yang menontonnya.

Selain daripada itu, suratkhobar-suratkhobar eloklah juga memberikan pendidikan kepada ibu-bapa, pendidikan kepada belia-belie dan beliawanis-beliawanis, rakan-rakan sebaya mereka, pendidikan kepada tokoh-tokoh agama, tokoh-tokoh masyarakat - maksud saya iaitu yang pandai itu kita minta fikirannya dengan secara ringkas, dengan secara yang menarik perhatian, bukan dengan artikel yang menjelajela. Kita sangat berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada kerjasama pihak media kita ini, media cetak, media elektronik, semuanya mengambil peranan penting, Saya faham benar kerana saya terlibat di dalamnya, tetapi pendekatan itu yang kita patut ubah-suaikan supaya ia menarik minat, sebab kalau artikel yang menjelajela banyak orang malas baca, dia tengok sahaja dia malas baca, tetapi kalau ringkas-ringkas dan menarik-menarik, insya Allah ianya akan diberikan perhatian yang memuaskan.

Begitu juga mengenai guru-guru panduan di sekolah-sekolah patutlah mereka ini digesa supaya menjalankan tanggungjawabnya dengan baik kerana kita menghadapi dua masalah. Pertama, masalah pengedaran dan yang keduanya penagihan. Penagihan pula terbahagi dua: satu, penagih baru, satu lagi penagihan semula ataupun 'relapse cases', dengan izin.

Jadi inilah sahaja beberapa pandangan saya kerana masa tidak mengizinkan, walaupun saya ada banyak perkara-perkara lain yang hendak disarankan, Cuma saya mengharapkan pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Sabah tadi sama dengan pandangan saya, iaitu menghidu gam dan juga ubat-ubat yang banyak dadah, ubat batuk berwarna hijau inipun memang menjadi isu, hendaklah dimasukkan dalam Akta Dadah Berbahaya sebagai dadah-dadah merbahaya yang terkawal dan diharap dalam pindaan akan datang ianya dimasukkan, sebab bukan sahaja di Sabah perkara ini sudah berkembang, tetapi di Sarawak juga ianya telah mula berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dahulu, setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian berkenaan dan pegawai-pegawainya dan akhirnya diharapkan dengan pelaksanaan undang-undang ini nanti segala penyelewengan, segala masalah yang ditimbulkan, terutamanya dadah yang ada masuk dalam penjara melalui makanan, melalui wang, melalui dalam telinga dan dalam pakaian-pakaian sulit pelawat-pelawat atau keluarga kepada yang berkenaan, diambil perhatian berat.

Dengan ini, sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah dipersilakan..

**5.27 ptg.**

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 ini dengan satu sahaja cadangan untuk menjimatkan masa;

Seperti yang kita sedia maklum, hukuman yang telah dikenakan kepada penagih-penagih yang ada sudah boleh diterima. Cuma saya suka mencadangkan satu hukuman yang akhir supaya mereka ini dapat dielakkan dari pendedahan kepada berulangnya kegiatan menagih bila berada di tengah-tengah masyarakat, sebaik-baiknya Kerajaan dalam usaha untuk menyelamatkan kedua-dua pihak. Pihak pertama, pihak Kerajaan sendiri supaya tidak banyak mengeluarkan belanja dan penagih yang dipulihkan ini yang kadangkala sukar diterima oleh masyarakat biasa dapat hidup seperti kita hari ini dengan menghantarnya ke satu kawasan peralihan, satu rancangan tanah yang diwujudkan khusus untuk mereka ini bekerja dan seterusnya memiliki saham atau bahagian-bahagian tanah itu sendiri, mudah-mudahan selepas 3 atau 5 tahun hasilnya diperolehi bagi tanaman jangka pendek dan 5 ke 7 tahun bagi tanaman jangka panjang. Dengan peralihan yang memakan masa yang lama, ditambah pula dengan kerja-kerja yang diawasi, besar kemungkinan akan hilang perasaan ketagihan dalam semangat untuk pulih sudah mula terjamin kerana usaha yang dijalankan itu adalah hak dan milik mereka sendiri untuk mereka meneruskan hidup yang lebih bererti. Dalam kegiatan ini juga akan melibatkan pertumbuhan pengeluaran hasil dalam negara kita.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

**5.29 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Dadah Berbahaya ini dengan sepenuhnya. Dengan pindaan Akta ini hukuman itu bertambah berat kepada pengedar dan penagih dadah, tetapi apa yang saya ingin menyatakan iaitu wang \$20,000 kepada pengedar dadah tak rasa apalah, kita harap kalau boleh lebih besar lagi. \$20,000 denda itu sedikit. Pengedar dadah ini mendapat wang berjuta-juta ringgit hasil daripada jualan ini. Jadi, patut kita beri tambahan lagi kepada mereka itu.

Sebagaimana rakan saya telah berkata bahawasanya penagih dadah ini patut kita asingkan. Kalau tidak diasingkan, orang yang tidak kena itu mesti terkena jangkitan daripada yang penagih itu, sebab dia menghasut, jadi bertambah banyak. Yang ditangkap itu penagih, dikurung dengan yang tidak penagih, yang tidak penagih itu akan menjadi penagih. Kalau tidak sekurang-kurangnya dia akan menolong kawan dia dengan cara memberikan dadah kepada kawan yang penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya biasa terdengar pelawat-pelawat yang datang ke penjara untuk melawat anaknyakah, rakannyakah yang penagih ini, berbagai-bagai cara mereka hendak memberi dadah kepada yang ada di dalam penjara. Ada yang bubuh dalam pen. Pada satu ketika, bapa dia sendiri datang, orang tua, hendak menziarahi anaknya di dalam penjara. Kawannya beri dua batang pen, suruh orang tua ini bawa kepada anaknya itu, sebab dia kata anaknya hendak menulis surat, tiada pen. Yang bapa ini bawalah pen itu kepada anaknya ini. Bila diperiksa, di dalam pen itu ada dadah. Ayahnya terus jatuh dan sakit jantung dan dibawa ke hospital. Macam ini dia boleh buat. Kalau kita tidak asingkan, akibatnya sedemikian.

Akta ini dipinda sungguh baik. Apa yang saya rasa, perlaksanaannya itu, sebabnya banyak pengedar dadah yang kena tangkap yang dikurung lagi di dalam penjara. Kenapa sudah dijatuhkan hukuman tidak dilaksanakan? Ini jangan tunggu lama-lamalah. Kalau dalam nyanyian itu, "jangan tunggu lama-lama, dia diambil orang". Tetapi ini jangan tunggu lama-lama dia akan membahayakan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang di kampung pun sudah ada orang menanam ganja, baru sahaja ditangkap. Anaknya pengedar dadah, dia menanam ganja ini di rumah ayahnya. Bila polis dan siapa yang mengetahui bahawasanya itu pokok ganja, ditangkap orang tua tuan rumah **itu**, anak terlepas. Perkara-perkara semacam ini berlaku dan biasa juga, maafkan saya, pakai serban, pak haji yang dihormati oleh orang-orang kampung, pengedar dadah. Ada dalam tahanan sekarang. Ini berlaku bermacam-macam cara. Dia pun hendak mencari kesempatan wang dan orang menggunakan mereka dengan sedemikian rupa supaya orang percaya kepada dia. Tetapi di sebaliknya, dia adalah pengedar dadah. Bermacam-macam rupa jenayah dadah ini yang melanda negara kita.

Selain daripada terang-terang, yang sulit-sulit pun ada. Kita kalau memperhatikan betul-betul, ada orang yang mengambil untung daripada keadaan itu, daripada pengedar. Umpamanya dia tahu ada pengedar dadah di situ, tetapi dia tidak mahu beritahu kepada polis atau pihak berkuasa sebab dia ada mendapat bulanan. Perkara-perkara sebegini harus diselidiki dan kalau dapat, tangkap terus, jangan biarkan kerana telah banyak membunuh generasi muda kita yang sungguh merugikan di dalam negara kita ini.

Saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana telah banyak rakan-rakan saya memperkatakan dadah ini. Saya sekali lagi ingin menyatakan supaya penagih dadah dan pengedar dadah ini kita asingkan ke satu pulau. Biar dia hidup sama dia sahaja supaya kita hendak menjaga pun senang dan tidak akan merebak lagi kepada yang lain yang belum kena. Dengan itu saya dengan sukacitanya menyokong penuh Akta Dadah Berbahaya yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah.

**5.06 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin orang yang terakhir dan saya juga bangun turut menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Di sini saya suka menyentuh sedikit iaitu mengenai pindaan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah selaras dengan kehendak rakyat jelata memeringi penyalahgunaan dadah habis-habisan di negara kita.

Peruntukan undang-undang yang ada sekarang adalah hukuman gantung sampai mati mandatory ke atas penjenayah-penjenayah dadah melebihi 15 gram. Kali ini pula, pengedar dadah yang kurang daripada 15 gram dikehendaki hukuman mandatory disebat dengan rotan dan dipenjara. Saya suka menyentuh mengenai undang-undang, kerana undang-undang sahajalah yang boleh menyekat. Undang-undang di negara kita sekarang menunjukkan betapa tegasnya Kerajaan terhadap pengedar dadah sama ada yang besar atau yang kecil kerana salahgunaan dadah ini telah menjadi satu wabak yang sedang mengancam keselamatan rakyat khususnya belia-belia yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan khasnya Kementerian Dalam Negeri, iaitu Timbalan Menteri yang muda, sekali-sekali saya kena puji, kerana berjaya mengubal undang-undang yang begitu berkesan sekali walaupun negara-negara luar menganggap hukuman-hukuman terhadap pengedar dadah itu terlalu keras dan tidak berperikemanusiaan. Syabas sekali lagi Dato' Timbalan Menteri.

Akhirnya negara-negara luar akan mengikuti jejak langkah Malaysia yang berani mewujudkan peruntukan undang-undang yang begitu rupa untuk menyesuaikan dengan keadaan ancaman dadah di masa kini. Orang-orang yang ingin mencari keuntungan melalui proses ataupun pasaran gelap dadah ini akan mengetahui bahawa mereka tidak terlepas daripada undang-undang negara kita.

Penglibatan mereka dalam pengedaran dadah kecil-kecilan di bawah 15 gram ialah untuk melepaskan diri mereka dari tali gantung kalau tertangkap. Jika tidak, pengedar apa yang dikatakan kecil-kecilan ini akan dapat hidup bebas untuk memungut keuntungan dari-ada penagih-penagih. Perbuatan mereka ini juga sama seperti pembunuhan bentuk baru. Saya beri nama "pembunuh bentuk baru" iaitu menjual dadah dalam paket atau straw kepada penagih-penagih yang menerai maut mereka selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap hukuman-hukuman yang lebih tegas terhadap pengedar-pengedar dadah kecil-kecilan ini akan menakutkan orang-orang yang mempunyai keinginan menceburkan diri di dalam perniagaan ini. Saya yakin dan percaya pihak Kementerian akan mewujudkan peruntakan undang-undang seterusnya dalam konteks memerangi penyalahgunaan dadah seperti:

- (1) Penghulu-penghulu di setiap kampung dan desa hendaklah diberi kuasa polis sukarela untuk menerima maklumat menyiasat dan mengambil bahagian dalam operasi anti dadah bersama-sama pasukan polis dari masa ke semasa.

- (2) Ibubapa atau penjaga diwajibkan membuat laporan segera kepada pihak Polis atau Penghulu jika mengesyaki anak atau anak buahnya menjadi penagih atau pengedar dadah dan pihak yang berkuasa mestilah membuat siasatan atau susulan dan mengambil tindakan undang-undang seterusnya. Mereka hendaklah dikenakan hukuman denda jika enggan membuat laporan,
- (3) Unit-unit Anti-Dadah dengan kuasa Polis Sukarela hendaklah ditubuhkan di sekolah-sekolah sampai ke universiti supaya tindakan yang lebih tegas dan berkesan dapat diambil mengikut undang-undang yang akan diwujudkan di bawah Akta Dadah Berbahaya.
- (4) Mewujudkan undang-undang berkaitan dengan memilik alat suntikan - kadangkala dibuat alat suntikan sendiri, Tuan Yang di-Pertua mewujudkan undang-undang berkaitan dengan pemilikan alat-alat suntikan dan apa juga alat perkakas yang boleh digunakan dalam proses pengambilan dadah sama ada melalui suntikan atau menghidu sebagai satu kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Di dalam perkara ini kebanyakan penagih dadah memiliki alat-alat tersebut untuk menyalahguna dadah mereka dan dengan wujudnya undang-undang ini akan dapat menyekat, mencegah dan menghukum mereka-mereka yang didapati bersalah.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya yang ringkas dan pendek dan mungkin yang terakhir, dan sekali lagi saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

**5.42ptg**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Saya menyokong sepenuhnya Akta ini dipinda dan mungkin akan dipinda lagi di masa-masa yang akan datang untuk memperketatkan lagi demi untuk menghapuskan musuh-musuh negara, musuh rakyat kerana kita terpaksa berpegang kepada satu Hadis Rasulullah yang bermaksud "Setiap yang memabukkan itu haram" dan mesti dilawan habis-habisan. Tidak cukup dengan Pusat Serenti, tidak cukup dengan duit \$20,000, tidak cukup dengan hukum gantung, orang masih tidak takut. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan mengenai dengan hal-hal yang berhubung dengan dadah ini iaitu saya mohon penjelasan setelah kita meminda Akta Dadah beberapa bulan yang lepas kalau tidak salah saya, iaitu dikuatkuasakan kepada mereka-mereka yang disyaki untuk diperiksa air kencingnya. Berapa ramaikah mereka-mereka yang telah diperiksa air kencingnya dan disahkan mereka itu sebagai penagih. Ini saya ingin tahu kerana ada juga ibubapa yang merasa tidak senang hati dengan cara tangkapan untuk memeriksa air kencing **ini**. Jadi, kita perlu memberi penjelasan kepada orang ramai melalui media-massa seperti suratkhbar dan terangkan kepada orang ramai tujuan apa pemeriksaan air kencing itu dijalankan kepada mereka-mereka yang disyaki.

Yang kedua saya ingin mendapat penjelasan kalau tidak salah saya Kerajaan Selangor telah memperuntukkan sebidang tanah di daerah Sepang untuk didirikan Pusat Serenti tetapi mengapa rancangan itu sehingga sekarang ini tidak nampak buktinya. Selain daripada

masalah kemelesetan ekonomi, adakah rancangan untuk membuat satu Pusat Serenti di daerah Sepang yang tanahnya telah disediakan itu dibatalkan begitu sahaja.

Yang ketiga, saya ingin mendapat penjelasan di Pusat-pusat Serenti ini selain daripada perubahan secara moden adakah Kerajaan menggunakan ubat-ubat secara tradisi untuk digunakan kepada penagih-penagih supaya mereka ini boleh diberi rawatan secara tradisional. Kalau ubat-ubat secara tradisional ini boleh membenci di antara satu orang dengan orang lain, antara suami-isteri misalnya, *nauzubillah hal ini*, tetapi kalau digunakan kepada penagih dadah supaya mereka mempunyai perasaan benci kepada dadah, kepada beada yang dimakan, ini sepatutnya Kerajaan mengambil satu penggalakan dalam hal ini.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dengan ini saya menyokong 100% untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 ini. Insya Allah usaha-usaha Kerajaan ini akan mendatangkan keberkesanan yang nampak di dalam kita menentang musuh negara dan musuh rakyat. Saya menyokong Akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Mustapha bin Awang.

**5.46 ptg.**

**Tuan Mustapha bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu berterima kasih kerana berpeluang mengambil bahagian dalam Akta Dadah ini. Saya juga mengambil kesempatan berterima kasih kepada Kerajaan terutama sekali Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Pusat yang telah melantik saya ke Dewan ini.

Saya berkesempatan dari mula-mula lagi, rakan-rakan sejawat membahas Rang Undang-undang ini mengenai dengan dadah dan saya juga turut bersetuju kerana saya juga dapat melihat dengan mata sendiri betapa seksanya penagih-penagih dadah *ini*, apa lagi ibubapa dan saudara-mara mereka.



Wabak dadah ini boleh dianggap bukan sahaja satu penyakit masyarakat, malah ianya telah menjadi penyakit satu-satu negara dan ia sedang merebak menjadi penyakit di dunia ini sehinggakan masyarakat antarabangsa telah mula risau apabila negara kita Malaysia telah menunjukkan satu sikap sebagai 'hero' dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini agak pendek sahaja sebagai orang baru. Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya tiap-tiap buah kapal kargo yang masuk ke negara ini melalui mana-mana pelabuhan, selain daripada pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk memeriksa kapal itu harus dibawa anjing penghidu bersama-sama. Saya tidak pasti apakah setakat ini Kerajaan dan pegawainya telah bertindak yang anjing-anjing penghidu ini dibawa bersama-sama ke kapal yang berkenaan. Saya khuatir sebab dalam satu-satu buah kapal yang berat muatannya lebih daripada ratus ribu ton saya percaya penyiasatan yang dibuat oleh segelintir pegawai sahaja khususnya daripada Jabatan Kesihatan maka pemeriksaan ini boleh jadi tidak rapi dan peluang-peluang yang seperti inilah akan digunakan oleh buaya-buaya pengedar dadah dunia.

Jadi, dengan sebab itu saya berharap terutama sekali Kerajaan kita harus mengambil kira peranan seperti ini bagi masa depan negara kita dan generasi akan datang kita.

Dalam perkara yang kedua, saya menarik minat dengan cadangan rakan sejawat kita Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom oleh kerana akhir-akhir ini bukan sahaja perubatan moden ini telah masyhor di negara kita tetapi bomoh-bomoh tradisional ini juga, singse-singse juga pada satu-satu masa harus dikumpulkan dan diminta kerjasama dengan cara ikhlas dan kalau boleh tanpa sebarang bayaran untuk bersama-sama memberi kerjasama dan sumbangan mencegah dan mengubat mereka-mereka yang telah terkena penyakit atau wabak dadah ini.

Kerana barangkali seluruh negara sama ada di Semenanjung ini, Sabah dan Sarawak tidak kurang bomoh-bomoh yang handal yang mempunyai pengalaman, yang berkemampuan boleh memberi kerjasama dalam perkara ini.

Yang Berhormat saudara saya tadi berkata ubat membenci antara satu manusia dengan manusia yang lain mampu dibuat, mampu diusaha dan diikhtiar, maka ini juga harus dan begitu juga yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Guru baru sekejap tadi, satu persoalan sangat penting mengapa mereka ini mahu dan ketagih kepada dadah ini. Apakah yang ada dalam dadah ini, apakah zat yang ada dalam dadah ini. Ini satu persoalan. Kalau dadah ini tidak ada keistimewaannya, tidak dapat tidak manusia ini tidak akan mencari dadah. Ini menunjukkan satu bukti yang nyata dalam dadah itu ada satu zat yang sukar diatasi, barangkali sukar diatasi sekalipun dengan alat elektronik dan ini harus dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, sekali pun kalau ada ubat dan usaha untuk benci kepada dadah ini, maka peranan mereka yang mahu kepada keuntungan mudah. Di dalam dunia ini terutama sekali negara-negara yang tidak memikirkan terutama sekali negara-negara yang luar daripada Islam, mahu menggunakan dadah ini supaya manusia lain di negara-negara lain di dalam dunia ini menjadi bengang dan bingung maka mudahlah negara-negara yang menjadi gergasi di dalam dunia ini menggunakan kesempatan menipu dan sebagainya. Dan saya juga berpendapat peranan Zionis juga ada mengambil bahagian yang sangat besar masalah dadah ini. Kerana dadah pernah menakluki dunia dan sebahagian daripada dunia ini dan berlaku di mana-mana terutama sekali di negeri China. Jadi, dengan sebab itulah kita berharap semua peringkat, kadang-kadang ada mereka yang bercakap di mana-mana Dewan, di mana-

mana majlis, di mana-mana perjumpaan, di mana-mana syarahan, hampir mahu keluar api dari mulutnya tetapi apabila mereka ini ke kampung-kampung kalau ada badan-badan sukarela mahu khidmatnya maka kita kedapatan, kata orang, orang ini memandang secara sambil lewa sahaja. Pada fikiran saya perkara ini berlaku di mana-mana, kempendadah ini berlaku di mana-mana, Tetapi kekesanan daripada kempen ini sangat sedikit. Seperti yang disebutkan oleh Puan Wakil Rakyat Yang Berhormat di sebelah itu tadi bapanya sendiri sanggup memasukkan dadah ke dalam van untuk menyerah kepada anaknya, kononnya sebahagian daripada pakar-pakar dadah mengatakan kepada umum, dadah ini mesti diubat melalui dadah. Sebahagian daripadanya boleh diakui, kononnya tidak boleh diberi ubatan lain selain daripada dadah. Biar ianya pulih dengan secara beransur-ansur tetapi dadah juga yang menjadi ubat. Ini satu masalah.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, iklan yang kita dapati di dalam TV, gambaran dadah, alatnya sama ada alat itu secara suntikan ataupun hisap, pada fikiran saya tidak harus ditunjukkan kerana siaran-siaran TV ini meliputi bukan sahaja kepada orang-orang yang telah dewasa tetapi kanak-kanak lebih ramai menonton XV. Jadi, dengan sebab itu alat menggunakan dadah ini jangan disiarkan. Bagaimana kata orang tua-tua, tidak kenal maka tidak cinta. Ada orang tertanya-tanya bagaimana alat-alat untuk menghisap dadah. Tetapi kalau dia tidak kenal alat itu, dia tidak mahu menghisap dadah. Tetapi sesudah ia kenal alat itu maka minatnya untuk menghisap dadah akan ada, kerana manusia mempunyai naluri yang halus. Manusia mempunyai citarasa yang seni, manusia ingin mencuba sesuatu, sekalipun perkara yang mahu dicuba itu akan mendatangkan perkara tidak baik akibatnya sangat buruk, tetapi ia mahu. Kalau boleh

Menteri yang berkenaan supaya mengambil kira tentang alat-alat penghisap dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri dapati di negeri saya ada doktor-doktor yang bukan doktor Kerajaan telah menjual dengan beraninya secara sulit-sulitan pil yang dikenal sebagai rochi maka ini juga dadah tetapi masih ada. Kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang ada pada petang ini, saya suka mengingatkan kerana saya sudah tua dari beliau, kemasukan ikan-ikan dari luar negeri ke Malaysta ini terutama sekali melalui Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam barangkali ikan ini tidak tiap-tiap ekor diperiksa, disiasat, apakah ada di dalam perut ikan ini.

Saya tidak dapat pasti sejauh mana Kerajaan telah bertindak. Tetapi lazimnya berlaku apabila pemandu lori ataupun taukeh ikan ini bawa ikan daripada luar negeri, negeri jiran terutama sekali negeri Thailand, ditanya apakah jenisnya ikan itu, ikan ini? Selebih dari ini tidak dilihat dan saya sendiri pernah bertugas dan pernah melihat dengan mata kepala pegawai-pegawai yang berkenaan hanya bertanya ikan apa sahaja, selepas itu lori itu terus masuk ke negeri ini.

Kalau sebuah lori trailer yang muatannya 14 tan, saya rasa barangkali separuh ataupun sebahagian kecil, ada benda di dalam. Kalau boleh, bagi pihak Kementerian Dalam Negeri supaya adakan alat ataupun gunakan anjing-anjing ini menghidu ikan ini kerana ianya akan memberi mudarat. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil kira apa yang saya sebut ini jika difikirkan perlu, kalau tidak, tidak mengapa. Jadi, sekali lagilah saya berterima kasih kerana saya diberi peluang dan saya juga turut bersama menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 ini dengan kuatnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan, terlebih dahulu saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat satu Usul Penangguhan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) telah dibaca kali kedua dan ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee**

**Kiatl:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) telah dibaca kali kedua dan ketiga dan diluluskan, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) telah dibaca kali kedua dan ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG - UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)**

#### **Perbahasan disambung semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Dipersilakan Yang Berhormat.

#### **6.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing dalam perbahasan pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Oleh kerana terlalu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan menyokong tidaklah dapat saya menyentuh segala apa yang telah disebut dan diperkatakan dengan cara terperinci. Bagaimanapun semua rintihan, semua rayuan, semua pandangan saya

catitkan. Jika dalam jawapan saya tidak saya sentuh, perkara-perkara yang telah diutarakan, akan saya bawa ke Kementerian untuk dipertimbangkan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli ang Berhormat yang mana kesemuanya telah menyokong iaitu Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Alban, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Noor bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat, Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim, Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom dan yang terakhir sekali Yang Berhormat Tuan Haji Mustapha bin Awang.

Jelas sekali bahawa kesedaran kita wujud dan mengetahui benar bahawa dadah merupakan musuh yang paling utama negara ini dan kita juga menyedari bahawa negara yang ada hari ini diperjuangkan oleh anak-anak muda kita semasa mereka muda-muda dahulu iaitu diperjuangkan oleh datuk nenek kita semasa mereka muda-muda dahulu, hutan-belantara kita juga diterokai oleh datuk nenek kita dahulu, yang masa itu muda-muda belaka dan negara ini juga dibangun oleh datuk nenek kita semasa usia mereka muda. Tetapi apakah akan jadi kepada negara ini di masa hadapan, jikalau anak-anak muda kita sudah terjerumus ke dalam dadah? Mereka manusia lemah, lemah dari segi jasmani, lemah dari segi rohani.

Kita dilahirkan daripada baka yang cukup kuat, tetapi bagaimanakah generasi kita yang akan datang kalau bakanya sudah bergelumang dengan dadah?

Kepada Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman, yang ingin tahu tentang berapa beratkah penagih-penagih dadah menjalankan latihan di pusat-pusat latihan. Ingin saya nyatakan bahawa latihan yang dilakukan, yang dijalankan di pusat-pusat latihan ini sudah mencukupi untuk menampung keadaan penagih-penagih dadah kita.

Selain daripada latihan jasmani ala tentera, ceramah agama dimestikan setiap hari, ceramah ketatanegaraan juga dimestikan setiap hari, selepas itu mereka didedahkan dengan kerja-kerja harian seperti pertanian, penternakan dan sebagainya. Mungkin jawapan saya akan bercampur-aduk dengan beberapa pendapat sepertimana Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom berkata, adakah bomoh tertentu yang digunakan, tidak ada bomoh tradisional atau bomoh moden diadakan di pusat-pusat latihan ini. Apa yang dijalankan ialah latihan-latihan ala tentera dan ini sudah cukup menampung kehendak-kehendak penagih-penagih ini.

Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman juga ingin supaya pengedar-pengedar dadah atau penagih-penagih dadah yang ada di penjara diberi peluang untuk dihukum secara penjara terbuka, bukan hanya diletakkan di dalam penjara tidak menjalankan apa-apa aktiviti.

Pada hari ini satu bentuk penjara terbuka untuk banduan-banduan yang terlibat dengan dadah sedang dijalankan di Taiping, iaitu di mana 300 banduan-banduan yang bersangkutan-paut dengan dadah ditempatkan di satu kawasan di mana mereka dikehendaki menjalankan aktiviti-aktiviti seperti bercucuk tanam, berternak ayam, itik dan juga melakukan kerja-kerja lain.

Syukur alhamdulillah, sungguhpun keadaan kawasan itu tidaklah begitu ketat kawalan, tetapi seorang pua belum ingin untuk lari



daripada kawasan tersebut. Ini satu petanda yang baik kalau experiment, dengan izin, kita di Taiping ini berjaya mungkin kita kembangkan di kawasan-kawasan lain kerana kita tahu bahawa dengan cara ini dapat kita mengurangkan kesesakan di penjara-penjara kita pada hari ini.

Berkenaan dengan imbuhan yang dipohon oleh Datuk Ishak bin Abdul Rahman, Kementerian sedang mengkaji tentang hal ini bukan sahaja imbuhan yang akan kita beri, tetapi pihak-pihak yang memberi maklumat itu juga akan dirahsiakan dan kita juga akan mengkaji tindakan-tindakan yang akan diambil kepada pihak-pihak yang sengaja menyembunyikan pihak-pihak tertentu yang terlibat dengan dadah.

Masalah penyeludupan dadah daripada luar negeri yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacitasaya mengatakan bahawa hubungan erat dengan negara-negara jiran dipertingkatkan dari masa ke semasa, khususnya dengan negara Thailand, yang mana kita tahu sedikit daripada negara Thailand termasuk di dalam apa yang dikatakan "Golden Triangle".

Pihak Kerajaan juga sedang mengetatkan langkah-langkah pencegahan di sempadan seperti mendirikan tembok, pagar dan juga menambahkan lagi Polis Hutan di kawasan-kawasan tersebut. Polis Merindan dan Kastam diperhebatkan di kawasan-kawasan laut kerana sepertimana Yang Berhormat Tuan Haji Mustapha kata tadi, anjing mesti digunakan untuk mengesan dadah di kapal-kapal kargo, bukan sahaja anjing kita gunakan, kerana kita tahu bahawa ada daripada mereka ini yang telah menggantung dadah ini di perut kapal-kapal kargo di dalam laut dan pihak Polis sedang mencari alat yang sesuai untuk mengesan dadah-dadah yang telah digantung di bawah perut kapal-kapal kargo **ini**.

Pihak Kementerian juga sedang mengkaji selain daripada pindaan Akta ini tentang ura-ura untuk merampas harta pengedar-pengedar dadah yang telah ditangkap. Masalah Jawatankuasa Pemulihan Dadah yang masih belum lagi ditubuhkan di Perlis, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak ini dalam perhatian pihak Kementerian dan akan melaksanakan secepat yang mungkin, diharap negeri-negeri yang berkenaan dapat menekankan perkara ini agar dapat kita selaraskan aktiviti di seluruh negara.

Yang Berhormat Datuk Ishak bin Abdul Rahman juga telah mencadangkan tentang dadah ini diperbincangkan setiap masa dalam Majlis Keselamatan Negara, dalam JKKN dan juga di peringkat daerah, yang sebenarnya memang sudah wujud Jawatankuasa Anti-Dadah di peringkat-peringkat yang tersebut.

Tuan Hassan Alban telahpun menceritakan tentang sejarah dadah di negeri China dan Vietnam. Yang sebenarnya dengan sejarah inilah maka pindaan ini kita buat kerana kita tahu gejala-gejalanya. Dan masalah Kudat dan Tawau digunakan sebagai transit dadah dari Golden Triangle, perkara ini akan diambil perhatian dengan serius oleh pihak Kementerian dan pihak Kementerian akan menggunakan segala bentuk yang ada seperti Polis Hutan, Tentera Laut Diraja Malaysia, helikopter Polis untuk membanteras kemasukan dadah di Sabah. Dan Yang Berhormat itu juga meminta supaya Akta ini dipanjangkan ke Sabah, insya Allah, inilah idaman kita kerana kita tahu bahawa kita tidak rela se inci pun negara kita dibanjiri oleh dadah seperti yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah mengutarakan bahawa nampaknya pindaan Akta ini hanya

menekankan tentang pengedar. Kita memang sedar bahawa Akta ini memang menekankan pengedar kerana penageh dapat kita kawal dengan adanya Pusat-pusat Pemulihan, dengan adanya Pusat-pusat Pemulihan lanjutan, dengan wujudnya Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Daerah. Dengan sebab itu kita merasakan satu bentuk tekanan harus kita buat kepada pengedar kerana dengan terhapusnya pengedar, insya Allah penagih akan juga terhapus.

Masalah terdapatnya pengedar dadah di penjara seperti diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang, Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim tadi yang disimpan dalam pen dan sebagainya, kita akan mengambil ingatan dan siasatan akan dibuat dengan rapi jika ada bukti-bukti yang nyata bukan sahaja daripada orang ramai tetapi kepada pihak-pihak yang berkuasa, kalau sekiranya didapati menyalahi Undang-undang, satu tindakan yang serius dan beratakan kita ambil. Tentang publicity perkembangan dadah jangan dibesar-besarkan, ini akan diperbincangkan buruk-baiknya.

Saya sungguh tertarik dengan ucapan Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah yang mana menitiberatkan tentang ilmu rohani, keimanan, akal yang waras, menahan nafsu dalam melawan gejala dadah **ini**. Inilah perkara yang cukup penting, yang harus ditanam dalam tiap-tiap belia kita di mana ilmu rohani ini dapat menahan nafsu anak muda kita dari dapat mereka menggunakan akal yang waras melalui ilmu rohani yang dipelajari oleh mereka. Itulah sebabnya sering kali saya menyeru kerana di Malaysia ini wujud 27,000 pertubuhan yang berdaftar. Daripada 27,000 pertubuhan yang berdaftar ini hampir 10,000 merupakan pertubuhan-pertubuhan politik yang bercakap seringkali hendak membangunkan negara, hendak membangunkan rakyat,

ahlinya terdiri daripada ustaz-ustaz, guru-guru, jerutera-jurutera, doktor-doktor, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai dan sebagainya, tetapi berapa peratuskah orang-orang ini yang benar-benar mahu bersukarela pergi ke Pusat-pusat Pemulihan untuk memberi ceramah kesedaran, ceramah agama, ceramah ketatanegaraan agar penagih-penagih dadah ini dapat kita betulkan semula. Kerana sering kali kita melakukan seminar di sana sini, dialog di sana sini tetapi Pusat-pusat Pemulihan Dadah kita tinggalkan begitu sahaja. Jadi, saranan yang telah dibuat oleh Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah itu adalah satu saranan yang baik dan saya berharap semua Ahli—ahli Yang Berhormat dapat menggunakan kesempatan ini menabur bakti kepada anak-anak bangsa kita yang telahpun terceburlah ke dalam lembah yang hina ini.

Yang Berhormat Puan Aion Ariffin telah bertanya sedikit sahaja, yang lain itu agak-agak serupa ialah tentang "crack" ini. Saya ini bukan pakar, mengikut pegawai saya bahawa crack ini merupakan sejenis kokain. Jadi, sudah ada termasuk dalam pindaan itu oleh kerana ia merupakan satu jenis kokain. Tetapi setakat hari ini belum lagi masuk ke negara kita, dia baharu berlegar di dunia barat, itu sebabnya kita masukkan juga dalam pindaan Akta ini takut-takut ia menjalar ke tempat ini. Kita sediakan payung sebelum hujan.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim pula kata jangan tunggu-tunggu lama. Ya, pada hari ini ada 133 orang yang telahpun dihukum mati mengikut Akta yang ada dan yang telahpun menjalankan hukuman ialah sebanyak 41 orang. Jadi, lebihnya itu kita jalan perlahan-lahan, kerana kalau kita buat cepat-cepat pun sangat kadangkala mengejutkan masyarakat sepertimana baharu-baharu ini 4 orang telah digantung, heboh mengapa tidak dihebohkan, jadi

kita akan jalankan lepas satu persatu.

Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Maasom telah membangkitkan tentang polis telahpun meminta belia-belia kita ini diperiksa air kencingnya dan sebagainya. Ini perlu dijalankan kerana kita hendak tahu berapa ramai yang benar-benar menjadi penagih dadah bagi permulaan. Kalau kita lihat daripada statistik:

|      |   |        |
|------|---|--------|
| 1983 | - | 14,624 |
| 1984 | - | 11,915 |
| 1985 | - | 6,356  |
| 1986 | - | 5,897  |

Daripada pemeriksaan ini sudah menunjukkan bahawa wujud pengurangan daripada setahun ke setahun kerana adanya Akta-akta yang telah kita pinda. Dan kalau kita lihat pula penyeludupan antarabangsa:

|      |   |     |
|------|---|-----|
| 1983 | - | 127 |
| 1984 | - | 143 |
| 1985 | - | 89  |

setelah kita buat pindaan Akta baharu-baharu ini. Ini menunjukkan bahawa dengan adanya pindaan Akta ini wujud pengurangan dari segi penageh dan juga dari segi pengedar yang besar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telahpun berucap dan segala syor-syor, pendapat-pendapat, teguran-teguran yang tidak sempat saya sentuh, suka saya nyatakan perkara-perkara yang berkenaan akan dikaji dan diberi perhatian yang sewajarnya, Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG - UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk memperbaiki lagi iklim pelaburan negara ini dengan menawarkan beberapa galakan cukai tambahan. Galakan baru yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada proses ulang kajian yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan setelah mengambil kira syor-syor yang dibuat oleh Pelan Induk Perindustrian Malaysia. Buat pertama kalinya galakan-galakan ini telah diumumkan kepada pihak awam di dalam ucapan Belanjawan Negara bagi tahun 1987,

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama galakan-galakan tambahan yang dicadangkan:-

Pertama, tempoh galakan taraf perintis adalah diperlanjutkan untuk selama lima tahun lagi kepada syarikat-syarikat perkilangan perintis yang tertentu. Perlanjutan tempoh pengecualian cukai ini pada hemat Kerajaan adalah perlu bagi menggalakkan penubuhan projek-projek perkilangan yang dianggap penting dan yang dapat memesatkan lagi pembangunan ekonomi dan teknologi negara ini. Adalah juga diharapkan bahawa dengan galakan ini, negara kita akan dapat menandingi negara-negara Asia dan ASEAN yang lain di mana tempoh taraf perintis adalah diberi selama tempoh lima hingga sepuluh tahun.

Galakan baru ini yang diperuntukkan di bawah Fasal 14A bukanlah terbuka kepada semua projek. Menteri Perdagangan dan Perindustrian setelah mendapat persetujuan bersama dari Menteri Kewangan akan menetapkan di dalam suatu Perintah yang diwartakan, aktiviti atau keluaran yang digalakkan beserta dengan kriteria-kriteria yang telah ditentukan. Sesebuah syarikat perintis yang terlibat di dalam aktiviti atau mengeluarkan keluaran yang dimaksudkan itu, adalah layak mendapat perlanjutan tempoh taraf perintis dan dengan itu akan dapat menikmati pengecualian cukai selama 10 tahun kesemuanya.

Kedua, Fasal 36(2) Rang Undang-undang ini juga memperkenalkan galakan pengurangan ke atas pendapatan larasan (abatement of adjusted income), dengan izin, kepada semua pengilang yang meng-eksport berasaskan prestasi eksport masing-masing tertakluk kepada potongan sebanyak 50% ke atas pendapatan larasan. Galakan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan eksport dan diberi secara automatik, akan tetapi ia adalah mutually exclusive, dengan izin, dengan galakan-galakan lain. Galakan ini akan menggantikan galakan pengurangan pendapatan larasan bagi eksport yang berasaskan nilai ditambah dan penggunaan bahan-bahan tempatan oleh kerana pelaksanaannya didapati menyusahkan para pelabur. Seterusnya bagi menggalakkan pertumbuhan lebih banyak industri berasaskan sumber asli tempatan, pengurangan pendapatan larasan berasaskan sumber asli adalah dikekalkan. Untuk memastikan segala eksport yang telah diberi galakan pengurangan pendapatan larasan tidak didaratkan semula di negara ini, Rang Undang-undang ini telah memperkenalkan satu fasal baru di mana sekiranya pendaratan semula eksport berlaku, pengurangan pendapatan larasan yang telah diberi kepada sesuatu syarikat akan ditarik balik.



Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya pengurangan ke atas pendapatan larasan sebanyak 5% bagi pematuan dasar-dasar Kerajaan mengenai penyertaan ekuiti atau pengambilan gunatenaga, diperluaskan kepada semua syarikat-syarikat perkilangan. Sebelum dari ini, galakan ini hanya diberi kepada syarikat-syarikat perkilangan kecil-kecilan yang mematuhi dasar ini sahaja. Walau bagaimanapun, galakan ini masih lagi kekal diberi untuk selama 5 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan juga membuat beberapa pindaan teknikal untuk mengatasi beberapa masalah operasi yang telah timbul sejak Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dikuatkuasakan. Saya ingin menyentuh pindaan-pindaan yang dicadangkan itu satu persatu dengan ringkas.

Pada masa ini, sesebuah syarikat perintis yang diluluskan untuk mengeluarkan keluaran tambahan dengan taraf perintis, akan diberi hari pengeluaran yang sama seperti keluarannya yang pertama. Dengan pindaan yang dicadangkan, syarikat-syarikat perintis dibenarkan mempunyai hari pengeluaran yang berasingan bagi setiap keluaran yang telah diluluskan dengan taraf perintis.

Pindaan-pindaan bersesuaian yang lain telah juga dibuat untuk menjadikan semua galakan yang diluluskan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang telah dimansuhkan dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 sebagai mutually exclusive, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan yang ada sekarang ini, syarikat-syarikat yang diberi elaun cukai pelaburan tidak dibenarkan menikmati galakan pengurangan ke atas pendapatan larasan bagi eksport selagi tempoh 5 tahun kelulusan yang telah ditetapkan belum

berakhir, walaupun syarikat berkenaan telah membuat kesemua perbe-  
lanjaan modal yang dirancangnya sebelum tamat tempoh 5 tahun.  
Dengan pindaan yang dicadangkan syarikat-syarikat akan dapat memen-  
dekkan tempoh kelulusan bagi elaun cukai pelaburan dengan menyerah.  
balik kelulusan yang telah diberi dan selepas itu dapatlah mereka  
menikmati galakan-galakan yang lain.

Adalah juga dicadangkan supaya Seksyen 27 kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dipinda untuk membolehkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan dibelakangkan kepada satu tarikh tidak awal dari tarikh aktiviti atau keluaran ditetapkan sebagai aktiviti/keluaran yang digalakkan. Walau bagaimanapun, tempoh pembelakangan ini adalah tidak lebih daripada 5 tahun dari tarikh permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan seterusnya telah dibuat ke atas Seksyen 51, untuk membolehkan permohonan-permohonan yang masih belum diluluskan sebelum 1hb Januari, 1986 dipertimbangkan sama ada di bawah Akta ini, sekiranya ada peruntukan-peruntukan yang sama, dan jika tidak, permohonan-permohonan ini bolehlah dipertimbangkan di bawah Akta yang telah dimansuhkan; manakala pindaan kepada Seksyen 45 adalah didapati perlu untuk membolehkan syarikat-syarikat yang telah diluluskan di bawah Akta yang telah dimansuhkan menikmati kesemua faedah-faedah galakan bagi segala maksud,

Tuan Yang di-Pertua, takrif "perusahaan kecil" di bawah peruntukan yang ada sekarang ini adalah berasaskan kriteria 'wang pemegang saham' dan "aset tetap". Walau bagaimanapun, adalah didapati kriteria 'aset tetap' dirasakan tidak lagi perlu. Maka Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya takrif perusahaan kecil dipinda supaya takrif ini menggunakan kriteria 'wang pemegang saham' sahaja.

Akhir sekali, Rang Undang-undang ini telah juga memperkenalkan peruntukan 'anti-tax avoidance' dengan izin, yang baru bagi syarikat yang diberi galakan perintis. Di samping itu, Rang Undang-undang

ini juga mencadangkan pindaan-pindaan yang lain yang merupakan pindaan 'consequential' sahaja, dengan izin,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said.

**6.35 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan dalam peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini adalah sangat wajar di masa kini memandangkan kepada hasrat dan keinginan para pelabur dari luar negara Malaysia.

Pada pendapat saya, kalau boleh pihak Kementerian perlu membuat kajian lebih mendalam lagi kerana daya penarik kepada pelabur-pelabur luar negeri di negara-negara jiran kita adalah lebih luas dan agresif. Kita pernah mendengar bahawa ramai pelabur telah menanam modal yang besar di beberapa buah negara jiran dalam ladang-ladang kelapa sawit, perkilangan carpet dan sebagainya kerana negara itu menawarkan lebih banyak daya penarik atau insentif dan kemudahan-kemudahan kepada mereka, di samping itu pula tenaga buruh yang rendah bayarannya.

Kita juga pernah mendengar di Malaysia terlalu banyak peraturan-peraturan perlu dipatuhi dalam mana satu-satu permohonan itu terpaksa melalui beberapa bahagian pegawai. Ini semua memakan masa panjang dan akhirnya tergendala dan membosankan pihak pelabur dengan pendapat-pendapat atau syarat-syarat yang akan dikenakan oleh pihak, pegawai atau pelaksana undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta tersebut telah banyak juga memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur yang bertaraf perintis dan kita berharap para pegawai pelaksana undang-undang ini akan membuat taraf perintis mengenalpasti dalam konteks hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pelabur ke Malaysia.

Buat masa ini, kita faham bahawa semua pegawai yang berkaitan telah dan sedang memberi perkhidmatan yang amat cemerlang akan tetapi masih ada ruang-ruang untuk membaiki lagi jentera-jentera Kerajaan supaya harapan Kerajaan melalui pindaan Akta tersebut benar-benar akan dapat menarik para pelabur.

Mulai sekarang ini kita berharap pihak Kementerian yang berkenaan mestilah bekerja keras bersama-sama dengan para pegawainya ke arah menarik lebih ramai lagi pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pindaan Akta tersebut banyak menumpu kepada perkilangan barangan eksport dari Malaysia, kita berharap pihak Kementerian juga membuat kajian tentang rungutan dari para pelabur Korea Selatan yang telah maju dalam teknologi pengeluaran barangan elektrik, jentera dan lain-lain. Dalam hal ini pengusaha-pengusaha Korea itu sangat berminat membuka kilang di Malaysia seperti di negeri Melaka contohnya, malangnya cadangan mereka itu ingin menanam modal berjuta-juta ringgit itu dipercayai telah mendapat tentangan dari pihak-pihak tertentu.

Kadang-kala rakyat biasa berasa hairan dan terus mengungkit dan menurut bidalan mereka, bak kata orang - Cakap tak serupa bikin, cakap lain, buat lain. Kata hendak masukkan pelabur tetapi bila pelabur datang, ini helah, itu helah. Demikian kata orang Melaka.

Pihak Kerajaan telahpun mengisytiharkan atau menyebarkan habis-habisan untuk menarik para pelabur ke Malaysia secara umumnya asal-kan pelabur kita mestilah memberi galakan kepada mereka kerana mereka akan menanam modal di negara ini. Mereka akan membuka kilang-kilang dan mewujudkan pekerjaan kepada ramai penganggur, Kita sepatutnya jangan begitu memilih kerana terlalu memilih, mereka yang diharapkan akan melabur tidak mahu melabur kerana berbagai alasan tetapi mereka dari Korea yang ingin melabur pula ditolak.

Seperkara lagi ialah Kerajaan janganlah memberi peluang pelabur itu hanya kepada syarikat-syarikat besar sahaja kerana ada kalanya syarikat-syarikat yang kecil itu lama kelamaan menjadi besar. Saya berharap pihak Kementerian janganlah berat sebelah kepada mana-mana pihak dalam usaha negara menarik pelabur-pelabur.

Kadang kala kita harapkan syarikat itu untung, tiba-tiba, dengan izin, drop jatuh 'zero' terus.

Lebih-lebih lagi dalam masa kemelesetan ekonomi sekarang. Saya berharap Kerajaan mestilah mengambil perhatian berat terhadap hasrat pelabur-pelabur dari Korea ini dan perlu memberi apa jua galakan kepada mereka. Saya tidak fikir kedatangan para-para pelabur itu ke Malaysia akan menjejaskan kepentingan ekonomi negara, kalau barangan yang dicadangkan untuk diproses di negara ini terdiri dari barangan yang tidak ada di sini ataupun lebih murah harganya dari barangan tempatan yang lebih mahal di pasaran kita. Misalnya, motosikal ialah kenderaan yang termurah dan yang termampu dibeli oleh para pekerja atau rakyat berpendapatan rendah, terutama di kampung-kampung, di desa-desa dan di pekan-pekan kecil. Motosikal buatan Jepun sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, semakin mahal kerana mengikut kenaikan harga yen. Jadi adalah lojik jika pihak Kementerian membenarkan rakyat jelata menikmati motosikal yang rendah harganya, bukan itu sahaja malahan mutu dan buatannya pun lebih maju dan menarik, fesyen baru.

Pada masa kemelesetan ekonomi sekarang, terdapat beberapa orang pelabur ingin membuka kilang di negara ini, memasang motosikal jenis murah ini. Saya berharap pihak Kementerian mestilah memberi perhatian berat terhadap hasrat mereka yang secara langsung atau tidak langsung memberi banyak faedah kepada negara dan rakyat. Diantara daya penarik kepada pelabur-pelabur ialah lepasan cukai Kerajaan. Dalam hal ini saya berharap Kerajaan negeri juga perlu mengkaji semula kadar cukai tanah, cukai tanah dan sebagainya yang akan dikenakan ke atas sesebuah kilang taraf perintis khususnya dalam masa kemelesetan ekonomi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dikenakan potongan pembayaran cukai patut diberi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri sebagai galakan

dalam masa jangka pendek dan pada hemat saya pihak Kementerian mestilah mewujudkan satu pasukan penggalak pelaburan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun Negeri-negeri yang terdiri dari semua Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan pelaburan itu dan mestilah memberi tempoh yang tertentu misalnya, kelulusan diberi dalam tempoh 3 bulan, 6 bulan, setahun dan sebagainya kepada setiap permohonan yang datang melabur di Malaysia. Saya yakin, dan percaya berdasarkan kepada falsafah Bersih, Cekap dan Amanah, ramai pelabur akan datang menanam modal di Malaysia, khususnya dari Korea Selatan pula, insya Allah.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Akta Penggalakan Pelabuan 1986 ini. Terim kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria, dipersilakan.

**6.44 ptg.**

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta membahaskan satu usul untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang sebentar tadi dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam keadaan semasa yang kita hadapi ketika ini, iaitu masalah meruncingnya keadaan ekonomi kita dan kelembapan dari segi pertumbuhan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada ketika ini, maka amat wajarlah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini dipinda untuk memungkinkan beberapa kelonggaran dibuat sebagai insentif ataupun sebagai galakan yang boleh mempertingkatkan pelaburan diadakan di negara ini.

Sehubungan dengan ini, kita sering mendengar kenyataan-kenyataan yang diberikan, terutamanya oleh para-para Menteri kita tentang keperluan diberikan galakan dan tentang niat Kerajaan



sendiri untuk memberi galakan-galakan demi kepentingan menggalakan pelaburan di negara ini, tetapi malangnya apa yang menjadi satu kenyataan pada ketika ini ialah walaupun pindaan-pindaan dibuat, walaupun kenyataan-kenyataan telah diberikan dari segi memberikan galakan **ini**, tetapi malangnya dari segi pelaksanaannya kita dapati banyak perkara-perkara yang masih belum dilakukan. Jadi di dalam perbahasan ini saya tidak akan menyentuh secara langsung tentang pindaan-pindaan yang akan dibuat kepada Akta ini, sekadarkan saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan, terutama sekali dari segi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tentang pelaksanaan segala galakan pelaburan ini sebagai mana yang cuba dilakukan oleh pindaan Akta ini sendiri.

Mengenai pelaksanaan **ini**, apa yang dapat kita kesan ketika ini ialah soal mengapa, walaupun setelah diberi kenyataan, walaupun setelah diberi segala janji yang memberangsangkan dan yang memberikan keyakinan kepada mereka yang mahu berusaha, tetapi dari segi pelaksanaannya kelihatan kelewatan dan kelambatan sesuatu tindakan yang dibuat. Mengapa dengan izin, why we are dragging our feet, dalam soal pelaksanaan mengenai galakan pelaburan ini,

Sehubungan dengan ini iaitu dari segi pelaksanaan ini masalah yang sering dibangkitkan mengapa kita lambat melakukannya ialah masalah karenah-karenah atau dengan izin, red tape, yang harus diatasi oleh pihak-pihak pelabur sebelum ianya dapat melakukan sesuatu tindakan yang memberi kesan sebagaimana yang dijangkakan ataupun sebagaimana yang dikehendaki. Malahan soal karenah dari segi pelaksanaan ini telah mula wujud dari zaman hidupnya Allahyarham Tun Abdul Razak lagi. Kalau saya tidak silap, Allahyarham itu sering membangkitkan soal keperluan kita atau pihak Kerajaan mengurangkan karenah dari segi red tape ini supaya dapat dilaksanakan ataupun

dilancarkan sesuatu itu dengan lebih cepat dan lebih berkesan untuk mendapatkan pulangan yang lebih cepat juga, Tetapi malangnya, walau 10 tahun setelah berlalu, soal karenah ini masih lagi merupakan masalah utama dari segi keberkesanannya ataupun dari segi kelancaran sesuatu insentif ataupun suatu galakan yang mahu dilakukan sama ada dalam soal ekonomi ataupun dalam soal-soal lain lagi.

Saya difahamkan, mungkin Jabatan Kerajaan tidak lagi menggunakan pita merah ini, pitanya sudah berubah putih, tetapi pita itu masih tetap ada lagi dan masih belum dikurangkan, Jadi oleh kerana itu dari segi pelaksanaan, kelambatan dan masalah-masalah yang dihadapi ini yang terutamanya mungkin disebabkan oleh karenah-karenah ini tadi, saya juga ingin bertanya adakah kelambatan dan segi pelaksanaan ini disebabkan keadaan 'we are dragging our feet' ini timbul oleh kerana kita masih belum bersedia lagi melaksanakan janji-janji dan melaksanakan apa juga kenyataan-kenyataan yang telah kita kemukakan dari segi penggalakan pelaburan ini. Atau adakah kerana kurang fahamnya pihak-pihak yang melaksanakan perkara-perkara yang mahu diambil sebagai tindakan susulan setelah kenyataan-kenyataan dari segi menggalakkan pelaburan dan sebagainya ini berlaku, ataupun sengaja kurang faham dan kurang bekerjasama di antara dua pihak yang terlibat iaitu pelabur dan pihak Kerajaan yang mahu menggalakkan pihak pelabur untuk melabur ini, yang menyebabkan pelaksanaan sesuatu perkara yang dikaitkan dengan pelaburan dan sebagainya ini mengambil masa yang begitu panjang sekali untuk dilakukan dan begitu banyak sekali masalah-masalah yang masih timbul.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh yang ada kaitannya dengan Akta ini mungkin dengan secara tidak langsung ialah apakah gamaknya kaitan ataupun kesan daripada Akta ini kepada syarikat-syarikat swasta tempatan yang ada. Kita daripada setahun ke setahun apabila pembentangan Belanjawan Negara dilakukan di Dewan ini sering mendengar saranan daripada Menteri-menteri yang berkenaan, terutama sekali Menteri Kewangan tentang peranan swasta, peranan penting yang harus dimainkan oleh pihak swasta di dalam mempertingkatkan usaha-usaha pelaburan dan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di negara **ini**. Namun begitu, kita masih lagi belum melihat kesan peranan yang dimainkan oleh pihak swasta ini dari segi pertumbuhan ataupun mempercepatkan proses pemulihan ekonomi yang ada di negara ini. Oleh kerana itu, walaupun saranan-saranan dan seruan-seruan sering dilakukan, sering dibuat untuk menggalakkan pihak-pihak swasta tempatan untuk turut serta dalam bidang pertumbuhan ekonomi ini, apa yang dapat kita lihat kesannya pada ketika ini ialah syarikat-syarikat swasta **ini**, terutama sekali syarikat-syarikat swasta tempatan masih lagi memainkan peranan pinggiran ataupun, dengan izin, 'marginal' di dalam pertumbuhan ekonomi yang kita lalui semasa **ini**.

Jadi, saya ingin bertanya adakah peranan marginal yang masih dimainkan oleh pihak-pihak swasta tempatan ini disebabkan oleh masih kurang lagi galakan-galakan pelaburan yang dibuat bagi kumpulan ini yang diberikan oleh Kerajaan ataupun adakah soal kerendah itu masih lagi merupakan persoalannya, masalahnya ataupun adakah ini disebabkan masih kurang keyakinan pihak-pihak swasta tempatan di negeri ini tentang usaha-usaha yang cuba dilakukan oleh Kerajaan mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh syarikat-syarikat swasta ini di dalam pertumbuhan ekonomi di negara ini sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya kita Akta yang mahu dipinda di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini memang bertujuan untuk memberikan galakan untuk pelaburan syarikat-syarikat besar, terutamanya bagi pelabur-pelabur asing. Harapan kita bersama ialah biarlah besar pula pulangan yang akan kita perolehi dan pulangan yang akan kita perolehi itu hendaklah sejajar dan dengan tujuan pindaan Akta ini dibuat. Namun begitu, kita harus berhati-hati supaya tidak timbul masalah dikemudian nanti di mana yang lebih meraih keuntungan daripada penggalakan, daripada kelonggaran yang cuba dipinda di dalam Akta ini, yang lebih meraih keuntungan ialah pelabur-pelabur itu sendiri dan kita masih tinggal di tahap yang lama juga.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyarankan supaya soal menguatkuasakan dan pengawasan Fasal yang mengenai 'anti-tax avoidance', dengan izin, yang dimasukkan di dalam Akta ini mendapat perhatian yang benar-benar serius dan mendapat perhatian yang berat daripada pihak Kementerian,

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid untuk berucap.

**6.55 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebelum menyentuh sedikit-sebanyak Rang Undang-undang ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenannya Pemangku Raja Negeri Johor mengizinkan saya dilantik sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara pada hari ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor di atas persetujuan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada 4hb Disember yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah terdengar daripada pandangan Yang Berhormat Puan Mazidah dan saya amat bersetuju bahawa kerenah daripada Jabatan berkenaan hendaklah dikurangkan supaya galakan pelaburan ini dapat dijalankan dengan lebih baik lagi dan sesuaiilah dengan pindaan **ini**, iaitu untuk menggalak pelaburan ini di mana Kerajaan kita telah menghantar beberapa rombongan penggalak pelaburan ke luar-luar negeri, termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri begitu kerap dan gigih sekali untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara **ini**, tetapi malangnya kerenah-kerenah ini masih lagi diamalkan dan membuatkan para pelabur asing tidak begitu minat untuk melabur di negara ini.

Sebagai contoh, Johor adalah merupakan negeri yang hampir dengan Singapura. Kebanyakan pelabur-pelabur asing boleh dikatakan menumpukan perhatian ke Singapura kerana kita difahamkan bahawa Singapura tidak begitu banyak kerenah untuk membenarkan pelabur-pelabur asing datang ke negeri mereka dan hingga ini juga saya difahamkan ada kalangan-kalangan tertentu menghantar kaki-kaki mereka berlegar di ruang-ruang Lapanganterbang Senai menunggu sahaja pelabur-pelabur asing daripada luar datang untuk melabur ke negeri ini dan mereka menarik supaya datang ke Singapura, kerana di Singapura khabarnya hari ini mohon, lebih-lebih seminggu mereka dapat kelulusan, tetapi di negara kita nampaknya begitu lambat dan menyebabkan pelabur-pelabur tidak berminat langsung.

Contohnya, di negeri Johor sendiri banyak kawasan-kawasan perkilangan, tapak-tapak perindustrian disediakan tetapi hingga hari ini nampaknya tinggal begitu sahaja. Umpamanya, Projek KEJORA menyediakan banyak tanah-tanah untuk kilang-kilang, tetapi tak ada seorang pun pelabur-pelabur yang berminat untuk mendirikan kilangnya di tapak yang disediakan oleh KEJORA pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh juga masalah dalam Fasal 7 mencadangkan, masukkan satu peruntukan baru yang bertujuan untuk melanjutkan tempoh pelepasan cukai sesuatu syarikat perintis selama 5 tahun lagi berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tertentu yang ditetapkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan persetujuan Menteri Kewangan. Dalam hal ini juga, saya kira Kementerian berkenaan harus berhati-hati .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan selepas penempohan masa sebentar lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan yang mulia ini selama 20 minit. Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 7.20 malam.

**Persidangan ditempokkan pada pukul 7.00 malam.**

Persidangan disambung semula pada pukul 7.20 malam.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**7.21 mlm.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah untuk menyambungkan perbahasan. Dipersilakan Yang Berhormat.

**7.22 mlm.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyambung ucapan saya di atas Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1986 yang ditangguhkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 mencadangkan memasukkan satu peruntukan baru yang bertujuan untuk melanjutkan tempoh pelepasan cukai ke sesuatu syarikat perintis selama 5 tahun lagi berhubung dengan satu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakan tertentu yang ditetapkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan persetujuan Menteri Kewangan,

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin menarik perhatian Kementerian berkenaan supaya berhati-hati dalam melaksanakan di mana syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur yang bertaraf perintis ini nanti apabila telah menjalankan aktivitinya dan dalam keadaan yang dilindungi oleh taraf perintis ini nanti akan memohon lagi sekali dalam jangka 5 tahun untuk taraf perintis lagi. Kalau ini berlaku dari semasa ke semasa - saya kira undang-undang yang dipinda ini adalah bertujuan untuk memberi galakan pelaburan dan keuntungan dan pulangan kepada Kerajaan kita sendiri - tetapi kalau ini dilakukan oleh pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat ini yang sentiasa mengatakan bahawa taraf perintis itu perlu dilanjutkan lagi dan seterusnya saya kira tidak mendapatkan pulangan yang baik kepada Kerajaan sendiri dan Kementerian yang berkaitan hendaklah berhati-hati di dalam memberi kemudahan taraf perintis kepada pelabur-pelabur ataupun syarikat-syarikat yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta atau Rang Undang-undang Pindaan ini, kita berharap akan banyak lagi pelabur-pelabur asing atau pelabur-pelabur datang ke negara ini untuk melabur, sesuai dengan negara kita sebuah negara pertanian yang banyak mempunyai bahan-bahan mentah yang perlu diusahakan dalam negara ini seperti kelapa sawit, getah dan lain-lain.

Kelapa sawit adalah merupakan satu tanaman yang begitu subur di negara ini dan banyak mengeluarkan hasil-hasil yang boleh menjadi tarikan atau galakan pelabur-pelabur asing kemari. Seperti yang telah kita dapat ikuti di Johor, di Pasir Gudang di mana industri yang dibangunkan banyak berasaskan kepada pertanian yang datang daripada kelapa sawit. Kita bukan sahaja mendapati peluang ini untuk menaikkan ekonomi negara, tetapi peluang untuk mendapatkan teknologi-teknologi moden daripada pelabur-pelabur ini dibawa ke negara ini adalah satu keuntungan yang besar. Kalau kemudahan-kemudahan pelabur-pelabur ini tidak diberi dan sebagaimana dikatakan pelabur-pelabur ini tidak berminat langsung hendak melabur di negeri ini dan mereka akan keluar negeri, bukan sahaja kita rugi dari segi ekonomi, tetapi kita akan rugi dari segi teknologi moden dalam menjalankan sesebuah kilang yang memerlukan pakar-pakar daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga berharap dengan adanya Akta ini bukan sahaja menarik pelabur-pelabur luar, tetapi pemodal-pemodal banyak di tanahair kita sendiri seharusnya juga diberi peluang yang luas dan mereka harus tidak sewenang-wenang membawa modal mereka keluar negeri. Kemudian telah diketahui pada maaa ini banyak pemodal-pemodal kita membawa modal mereka keluar negeri dan melabur di luar negeri semata-mata untuk tujuan faedah



mereka sendiri, tetapi tidak memikirkan kepentingan negara di mana modal atau wang ringgit mereka dapat adalah daripada hasil di tanah-air atau di negara mereka ini dan mereka melabur keluar dan akhirnya kadangkala pelaburan mereka itu boleh juga merosakkan nama baik negara kita apabila berlaku sekarang ini banyak pelabur-pelabur Tanahair kita melabur di negara-negara luar dan melibatkan nama baik negara kita dengan sebab beberapa perkara yang tidak diingini dan sekarang telah kita ketahui.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk membahaskan dengan lebih panjang kerana keadaan masa dan dengan pertama kalinya setakat ini sahaja yang dapat saya katakan dan sekali lagi saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pelaburan 1986 pada petang ini. Terima kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama menyokong dan membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang dibentangkan tadi.

Dari apa yang saya dapat faham sewaktu Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan Akta ini ialah untuk menyambung semula syarikat-syarikat atau kilang-kilang bertaraf perintis 5 tahun lagi dalam Fasal 5 dan Fasal 7. Mereka yang diberi bertaraf perintis ini untuk diberi pelepasan cukai selama 5 tahun lagi, untuk menolong menyegerakan pemulihan kelembapan ekonomi negara kita. Saya mengalu-alukan Akta ini untuk diluluskan supaya sedikit sebanyak kelembapan ekonomi dan dari beberapa masalah yang timbul seperti pembuangan buruh-buruh kilang-kilang yang bertaraf perintis dapat diatasi apabila mereka yang dibertaraf perintis ini dapat meneruskan operasinya di dalam negara kita.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, sewaktu kita bersoal jawab di dalam Dewan ini, kita melihat bahawa wang Malaysia yang dilaburkan di luar Malaysia lebih banyak daripada pelabur luar yang masuk ke dalam negara kita. Jadi ada baiknya kalau Kerajaan kita meminta kepada pelabur-pelabur kita melaburkan keseluruhan pelaburannya di dalam negara kita untuk bersama-sama dengan kilang-kilang atau kompeni-kompeni yang diberi taraf perintis dan diberi lanjutan taraf perintis ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan taraf perintis ini beberapa tahun yang lalu di dalam Dewan ini pernah kita nyatakan, pernah kita bersoal-jawab, minta Kerajaan menerangkan kalau sebuah kilang diberi taraf perintis selama 5 tahun, tetapi mereka beroperasi 24 jam ada 3 shift kerja, seolah-olah mereka telah berjalan atau nama taraf perintis selama 15 tahun, sebab selama 5 tahun bekerja 3 shift 24 jam penuh. Sekarang kita hendak beri lagi kepada mereka 5 tahun lagi taraf perintis dengan diberi pelepasan cukai, untuk perkembangan ekonomi negara, untuk faedah rakyat, faedah buruh kita dan cukai yang kita boleh dapat, saya sokong Akta ini - tidak jadi masalah, Kerana kita sedar bahawa kita memerlukan duit untuk pengurusan dan pembangunan hanya sebahagian daripada sumber-sumber itulah yang kita boleh dapat menambah lagi pendapatan ekonomi negara kita.

Berkenaan dengan kilang-kilang taraf perintis ini Tuan Yang di-Pertua, pernah kita dengar, apa yang berlaku di Mat Mandin, apa yang pernah berlaku di Taiping, apa yang pernah berlaku di mana-mana bandar-bandar besar yang ada kilang-kilang bertaraf perintis ini, iaitu berlakunya kejadian-kejadian ataupun perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab sehingga boleh menjejaskan moral dan maruah pekerja-pekerja kilang. Ini saya berharap supaya Kerajaan dapat memastikan bahawa mereka yang diberi tanggungjawab di dalam mengoperasikan kilang-kilang ini tadi tidak menggunakan masa-masa cuti, hari-hari cuti am, hari-hari cuti minggu untuk mengadakan majlis-majlis jamuan, tari-menari, berfoya-foya membawa buruh-buruh wanita kita pergi makan angin ke Port Dickson, Pulau Pangkor atau ke mana-mana kerana ini heboh sudah dalam negara kita, sehingga timbul

ungkapkan 'Minah Kilang', 'Mat Spanner' - ini tidak mahu lagi. Kalau Akta ini besok keluar dalam suratkhobar, kelulusan ini keluar dalam suratkhobar, dalam media-massa, babawa kilang taraf perintis diberi pelepasan, diberi sambungan akan memberi peluang kepada pekerja-pekerja menyambung balik kerjanya mana yang sudah kena buang.

Kita tahu bahawa setiap kilang bertaraf perintis ini ada seorang pegawai yang ditugaskan, digaji sebagai orang perhubungan di antara tuanpunya modal kilang tadi dengan para bekerja, tetapi kedudukan itu disalahgunakan, dia menggunakan peluang itu untuk perkara-perkara yang pernah dihebohkan di dalam masyarakat kita menjolok mata, sehingga Kementerian Kebajikan Masyarakat satu masa dahulu terpaksa menyewa bangunan di Cheras beberapa blok rumah untuk menempatkan anak-anak gadis kita yang bekerja di kilang-kilang, di Kuala Lumpur ini supaya dapat dikawal. Terpaksa Kerajaan buat begitu melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat kita pada masa itu, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, takkanlah Kerajaan boleh mengawal begitu banyak pekerja-pekerja kilang kita.

Kalau tadi kita bahas mengenai Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang begitu hebat melanda dan menikam, hendak membunuh anak-anak muda kita, kemudian daripada ekoran ini majlis-majlis jamuan tari-menari, pergi picnic yang dianjurkan oleh segelintir pegawai-pegawai yang bekerja di kilang-kilang taraf perintis ini, dapat kita elakkan daripada terus-menerus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya tinggal di kawasan Zon Perdagangan Bebas, Telok Panglima Garang juga terlibat dengan hal yang semacam itu. Di Telok Panglima Garang sana ada 4-5 buah kilang yang diberi taraf perintis sama ada sudah habis atau belum taraf perintis kerana sudah lebih 10 tahun, tetapi keadaan yang semacam

itu berlaku. Satu lagi kilang atau syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis ini berlaku diskriminasi di dalam menaikkan pangkat pekerja-pekerja, diskriminasi kaum. Ini juga saya minta Kementerian, Kerajaan, pihak yang berkuasa supaya menyelesaikan masalah

Saya berani bercakap dalam Dewan ini janganlah setakat sebagai buruh sahaja, semua budak Melayu sahaja dan apabila naik sedikit kepada mekanik, kepada penyelia bukan Melayu. Ini kita tidak mahu, takkanlah sudah 10 tahun bekerja di kilang itupun dia layak sebagai buruh sahaja, patut dia sudah boleh naik ke tingkat yang lebih baik dan begitu juga dengan gaji pekerja-pekerja. Gaji pekerja-pekerja di kilang-kilang yang diberi taraf perintis ini, biarlah Kerajaan melalui Jabatan Buruh atau melalui penguatkuasa Kementerian ini sendiri mengawasi supaya jangan ada berlaku pembuangan buruh yang telah sampai kepada tahap gaji maksima kemudian dibuang kerana pihak kilang tadi, pihak majikan boleh mengambil pekerja baru dengan gaji yang paling minima. Ini tidak adil kerana ini berlaku pembuangan buruh yang sudah bergaji tinggi untuk diganti dengan orang baru yang bergaji rendah, menjadi keuntungan kepada mereka dan ini kita pernah bahaskan dalam Dewan ini berapa puluh ribu mereka yang teraniaya dengan satu penindasan yang tidak ketara, yang dilakukan oleh kompeni-kompeni, syarikat-syarikat, kilang-kilang yang kita beri taraf perintis ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Dasar Kerajaan pada keseluruhannya mengenai dengan barangan eksport, pindaan dalam Fasal 23(b) bertujuan untuk meluaskan galakan elaun eksport sebanyak 5% itu kepada syarikat-syarikat perdagangan yang mengeksportkan keluaran-keluaran perkilangan mereka. Ini kita setuju luluskan buat

sementara kemelesetan ekonomi, potongan yang 5% atau pengecualian 5% ini. Apabila ekonomi sudah pulih Fasal 23(b) mahu dipinda balik, ikut seperti yang ada sekarang, tidak ada pengecualian. Ini harapan saya, sebab selagi saya ada di Dewan ini, saya akan ingat, kalau Akta ini kita luluskan hari ini, satu masa apabila ekonomi pulih, saya harap Fasal 23(b) ini kita pinda balik semula untuk melupuskan pula, tidak ada pengecualian 5%.

Fasal 31 mencadangkan meminda seksyen 51 dengan membolehkan Menteri menimbang satu permohonan yang menunggu keputusan yang diterima sebelum 1.1.1986 untuk diberi galakan di bawah Akta di mana peruntukan-peruntukan yan bersamaan di dalam Akta mengenai galakan ini dipohon, maknanya dibolehkan mengikut fahaman saya. Pemohon yang sebelum 1.1.1986 pun dibolehkan memohon untuk diberi taraf perintis.

Saya menyokong pindaan ini kerana memberi peluang kepada mereka yang sudah menunggu, sekarang Kerajaan buka peluang - ada peluang menyambung taraf perintis ataupun memohon baru sebagai projek yang diberi taraf perintis. Ini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada baiknya dan akhirnya Akta ini apabila lulus akan melibatkan wang Kerajaan di dalam tambahan, melalui tambahan kakitangan di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jadi, saya minta berhati-hati sekarang kita berhenti (stop) tidak ambil orang baru, kerana ekonomi meleset, kerana peruntukan begitu-begini, kemudian Akta ini apabila lulus memerlukan tambahan terutama sekali mengenai penambahan kakitangan.

Jadi, saya percaya Kerajaan hari ini, Kementerian ini khasnya dan Jabatan Hasil Dalam Negeri khususnya cukup pegawai-pegawai, kalau setakat hendak memproses permohonan orang baharu, hendak melanjutkan taraf perintis lima tahun lagi, tidak perlulah Kerajaan menambahkan pegawai-pegawai yang begitu banyak, memadai dengan adanya kakitangan yang berpengalaman yang memahami selok-belok hal ini selama ini, saya percaya Kerajaan, kakitangan Kerajaan mampu untuk melaksanakan apabila Rang Undang-undang ini kita luluskan dan diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

**7.41 mlm.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi turut bersama mengambil bahagian dan menyatakan sokongan Rang Undang-undang ini.

Tetapi ada satu dua perkara yang pada saya dukacita di mana semenjak beberapa lama dahulu apabila pelabur-pelabur asing dari luar negeri datang ke Malaysia ini, segala kilang-kilang yang besar yang diberi taraf perintis telah ditempatkan di kawasan-kawasan bandar yang besar sahaja. Maka kami di negeri-negeri yang kurang maju, malah tidak maju, terutama sekali di kawasan Pantai Timur, tidak diberi pandangan secara serius. Maka pada kali ini dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, peraturannya longgar dan peluang yang begitu luas telah diberi sama ada pelabur ini dari dalam ataupun dari luar negeri maka saya berharap Kerajaan Pusat, juga

sebahagian kecil daripada Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian kepada negeri-negeri yang kurang maju di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di mana bapak-bapak Menteri dan Kerajaan sendiri, terutama Kerajaan Pusat beria-ia benar apabila hampir hari-hari pilihanraya berjanji kepada rakyat sekiranya tuan-tuan memilih kami, kami akan bawa kilang-kilang ini ke kawasan-kawasan luar bandar.

Malah ada yang menyebut mahu dibawa ke kawasan pendalaman, kononnya kawasan pendalaman ini telah dibangunkan dan saya yakin bahawa kawasan pendalaman telahpun dibangunkan, Tetapi kawasan pendalaman yang dibangunkan ini tidak sepadan kalau hendak dibawa kilang-kilang besar, yang memerlukan teknologi yang tinggi, tetapi hendaklah kilang-kilang yang kecil, yang sekarang ini kita beria-ria benar cotage industry dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar, yang berhampiran dengan kawasan pendalaman. Jangan janji sahaja, cakap sahaja sama ada di Dewan Negara ini ataupun di Dewan Rakyat, kerana ini amat terasa kepada kita, kepada kami dan kepada negeri-negeri penduduknya bilangan kaum bumiputera lebih ramai.

Pada saya sebab musabab salah satu daripadanya pelabur-pelabur asing ini tidak mahu datang ke Malaysia ini, kononnya harga upah tinggi. Apa tidak tinggi, kalau upah di Kuala Lumpur ini \$30 satu hari barangkali upah di Pantai Timur tidak sampai \$20. Maka saya harap, terutama sekali Menteri-menteri yang berkenaan dan Kerajaan mengambil kira dan mengambil tindakan segera kalau mahu menyelamatkan kaum bumiputera kerana kita sedang dalam pelayaran ke Dasar Ekonomi Baru. Sekalipun ianya tidak kita tamatkan perjalanannya, pelayarannya tetapi kita akan berhenti buat sementara di sini, apabila tiba saat 1990 sama ada dikaji semula, dirundingkan semula terpulang kepada Kerajaan.



Jadi, dengan sebab itu, saya berharap, terutama sekali negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, negeri-negeri ini tanahnya masih luas terbuka, tanah-tanah di negeri ini boleh dianggap sebagai desa pingitan, masih anak dara, memerlu kepada teruna untuk memetungannya. Jadi, dengan sebab itu, jaya sungguh-sungguh meminta supaya Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang berat.

Walau bagaimanapun, penyakit ini kalau boleh dianggap penyakit, Kerajaan-kerajaan Negeri juga ada penyakit, kadang-kadang apabila pelabur-pelabur ini datang sama ada dari luar ataupun dari dalam kerana kilang ini mahu diletak di atas tanah, barangkali satu dua sahaja kilang diletak dalam laut kerana minyak sahaja, kilang lain, saya fikir tidak ada. Untuk minyak, korek minyak, tarik ke darat ada dalam laut. Tanah ini kadang-kadang juga membawa kareneh seperti yang disebutkan oleh saudara saya sebelah sini, sehingga ada negeri apabila minta buat permohonan terpaksa daki 144 tangga, ini-pun belum tentu tapak tanah ini selesai, dan kalau boleh Menteri Tanah, yang menjaga hal-ehwal tanah ini menasihati Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan kelonggaran yang dibuat melalui Rang Undang-undang ini, saya yakin para pelabur akan datang ke mari. Apabila mereka ini datang, boleh jadi dengan cara berduyun-duyun maka pembahagian hendaklah secara adil, jangan hanya memandangkan misal kata berhampiran dengan Telok Panglima Garang sahaja. Mungkin di tempat lain ada juga orang garang tidak hilang barang, orang tidak curi barang kilang itu. Jadi, biarlah kita bagi, Kerajaan bagikan sendiri secara adil.

Kalau keadaan ini masih berlarutan, tidak kita lebarkan caranya, saya percaya jurang ekonomi rakyat dalam negeri-negeri di Semenanjung ini, termasuk Sabah dan Sarawak akan berbeza sentiasa, sekalipun sesama bumiputera.

Jauh sama sekali kalau kita hendak tarafkan bumiputera Melayu dengan yang bukan Melayu. Ini masalah kita - masalah yang ada di depan kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya juga pernah dengar ada benar-benar pilih kasih. Pilih kasih ini bukan kepada batang tubuh, pilih kasih kepada kedaerahan itu, kenegerian itu. Itu satu masalah. Misalannya, kalau orang negeri 'A' yang menjadi Menteri yang bertanggungjawab, maka negeri Menteri yang berkenaan akan terserlah, cerah masa depan. Tetapi kalau negeri yang berkenaan tidak ada seorang Menteri penuh ataupun Timbalan Menteri yang aktif, maka gelap, negeri itu gelap, kadang-kadang tidak disebut, Kalau adalah sebahagian daripada rakyat negeri-negeri yang tidak ada Menteri ini, saya tidaklah mahu menghukum seolah-olah rakyat yang mati dahulu sebelum mati, ini pada anggapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada niat bercakap secara *sentimen* kerana secara kebetulan di Negeri Terengganu tidak ada Menteri penuh, saya bercakap bukan untuk Negeri Terengganu, malah Sabah, Sarawak dan negeri-negeri lain juga saya sebut, kerana saya di sini bukan untuk Negeri Terengganu, tetapi cara pembahagian ini berlaku, bermula daripada sebelum merdeka hampir merdeka. Sebagai contoh, pernah hospital yang ada di Seremban itu hendak didirikan di Terengganu, ini contoh, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, tetapi oleh kerana Menteri yang berkenaan bukan orang Terengganu berlaku dalam tahun 1963, hospital itu dibawa ke Seremban, sedangkan Negeri Terengganu, Kelantan, Pahang ini banyak penyakit, patutnya diutamakan tetapi dibawa ke Seremban, tepi kolam. Setiap kali saya lalu, saya perhatikan hospital itu, di dalam hati kecil saya berkata

sepatutnya hospital ini ada di tempat aku. Tetapi, Alhamdulillah, kerana Kerajaan negara Malaysia ini masih dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional maka wujudlah, terdirilah hospital baru di Negeri Terengganu. Lepas itu masing-masing barangkali ada di antaranya hospital ini tidak layak ada di Negeri Terengganu, patut ada di tempat lain tetapi sudah ditakdirkan begitu. Jadi kami rakyat ini berterima kasih. Ini contoh.

Jadi, saya takut dengan peraturan dan aturan yang dibuat ini, dengan Rang Undang-undang ini kita pelonggar dia dengan syarat-syarat yang mudah, keistimewaan kita beri, Kalau kira jenis kahwin, ini kahwin tidak berbelanja, kahwin free, tidak ada maskahwin, belanja hangus tidak ada - \$22.50 adalah. Kita takut mereka datang secara beramai-ramai minat yang tinggi, dengan usaha gigih. Kerajaan kita memanggil, menjemput pelabur-pelabur asing ke negeri kita, ke negara kita berlaku lagi penempatan kilang-kilang cara tidak adil.

Saya sungguh menarik perhatian saudara sebelah saya ini Yang Berhormat dari Johor ini, KEJORA indah namanya, romantik namanya, seni namanya, terbuka luas, tidak ada siapa datang, kecuali kawasan-kawasan yang sedia ada kerana ianya dekat dengan Singapura.

Kalau dahulu kita kata hendak datang ke negeri-negeri yang kurang maju, pantai timur dan sebagainya, kemudahan asas tidak ada, elektrik tidak ada, jalanraya kurang baik kerana ada feri, air pun agak keruh, tidak jernih macam Kuala Lumpur, maka hari ini kami sediakan itu. Elektrik yang ada di negeri kami bukan sahaja boleh dipakai di negara ini malah boleh dijual hampir separuh di Asia Tenggara. Apa lagi yang mahu! Jalan sudah baik, feri sudah tidak ada. Air pun sudah ada, tapak sudah ada, apa lagi, pelabuhan juga

kami sediakan. Tidak silap saya, pelabuhan Tanjong Berhala itu salah satu pelabuhan yang terbaik di sebelah kawasan sini, apa lagi, semua syarat sudah ada, hendak guna elektrik dengan minyak pun boleh, dengan gas pun boleh, dengan air pun boleh, kerana Kenyir sedang berkhidmat, sudah tidak ada lagi alasan, kalau kilang-kilang hendak dibawa ke kawasan Pantai Timur tidak cukup syarat. Tidak ada alasan lagi, cuma terpulanglah kepada bapa-bapa Menteri yang bertanggungjawab, yang sentiasa bercakap, terutama sekali hampir pilihanraya dan Kerajaan-kerajaan Negeri serta Kerajaan Pusat menentukan keadaan ini sehingga ianya disebut satu perkataan yang sangat mahal iaitu adil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap? Jika tidak ada, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Dipersilakan Yang Berhormat.

**7.58 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil kesempatan ini menyenutuh dan menjawab dengan serba ringkas perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said telah mencadangkan supaya Kerajaan membuat kajian yang mendalam untuk membuat iklim pelaburan negara menarik setanding dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan saya membentangkan Rang Undang-undang ini, saya telah memaklumkan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan telah dibuat setelah Kerajaan membuat kajian perbandingan iklim pelaburan di negara-negara ASEAN dan di Asia Pacific. Hasilnya ialah pindaan yang telah dicadangkan daripada hemat Kerajaan, galakan-galakan ini adalah setanding, compairable to, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang ditawarkan oleh negara-negara jiran.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah juga telah berhujah dengan panjang lebar bagaimana untuk menambahkan daya penarik negara ini sebagai negara pelaburan. Ini termasuklah mengurangkan prosedur-prosedur untuk menubuhkan projek agar tidak menyusahkan para pelabur dan juga mengadakan misi-misi pelaburan khas untuk menggalakkan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan ini sedang diambil untuk mengurangkan red-tape, dengan izin, dan juga dari masa ke semasa telah menghantar misi-misi pelaburan anjuran daripada MIDA di Kementerian saya.

Yang Berhormat Puan Mazidah juga telah mengulas tentang peranan pelaburan swasta yang tidak begitu berkesan sebagaimana yang diharap-harapkan.

Sukalah saya menjelaskan atau memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dari perangkaan yang ada di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui MIDA, jumlah permohonan yang diterima sehingga ini untuk menubuhkan projek perindustrian di bawah Akta penyelarasan Perindustrian 1975 (ICA) adalah menggalakkan, berbanding dengan jumlah permohonan yang diterima di masa yang lalu bagi tempoh yang sama.

Namunpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlulah meneruskan usaha-usaha gigih untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan tempatan dan asing memandangkan keadaan ekonomi negara semasa.

Saya percaya, Yang Berhormat Puan Mazidah sedia maklum bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah kebelakangan ini bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan. Ini termasuklah melonggarkan syarat-syarat perlesenan syarikat, penyertaan ekuiti asing dan pengambilan pegawai expatriate.

Langkah-langkah juga diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan karenah pentadbiran, dengan izin, red tape yang menyusahkan para pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal bagi kita meramalkan apakah hasil daripada usaha-usaha ini. Walau bagaimanapun, dari pertanyaan-pertanyaan yang diterima daripada rombongan perindustrian asing yang melawat negara ini dan maklum balas yang diterima, usaha-usaha ini nampaknya diberikan sambutan yang baik oleh pihak swasta dan pelabur-pelabur asing.

Yang Berhormat Puan Mazidah juga telah menyuarakan tentang kelambatan bagi pihak Kerajaan melaksanakan sesuatu dasar dan langkah yang telah dibuat.

Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kadangkala pada pandangan awam bahawa Kerajaan sedang *dragging its feet*, dengan izin, akan tetapi pada hakikat yang sebenarnya, Kerajaan ada dan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sekiranya Yang Berhormat Puan Mazidah ada mempunyai kes yang spesifik yang memerlukan perhatian Kementerian saya, saya sendiri akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu juga, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini pihak Kerajaan, melalui Jawatan-kuasa Kabinet Mengenai Pelaburan telah memutuskan supaya semua permohonan untuk menubuhkan projek perindustrian diluluskan dalam tempoh dua bulan. Ini merupakan langkah Kerajaan untuk mempercepatkan proses kelulusan projek.

Tuan, Yang di-Pertua, satu daripada ciri menarik Akta Galakan Pelaburan 1986 berbanding dengan Akta Galakan Pelaburan 1968 yang telah dimansuhkan ialah ianya tidak mendiskriminasikan di antara kedudukan industri besar dengan yang kecil.

Di bawah Akta yang dimansuhkan, hanya syarikat yang mempunyai pelaburan tetap lebih \$1 juta layak mendapat taraf perintts untuk selama 5 tahun, akan tetapi di bawah Akta (Pindaan) 1986 ini, tidak kira jumlah pelaburan besar atau kecil, adalah layak



dipertimbangkan untuk mendapat galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, asalkan syarikat-syarikat berkenaan mengeluarkan keluaran-keluaran yang digalakkan atau terlibat di dalam aktiviti yang digalakkan. Oleh yang demikian, sukalah saya menjawab kepada ulasan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said bahawa bukan sahaja industri-industri kecil dan sederhana adalah layak menikmati galakan-galakan yang ditawarkan di bawah Akta ini, malahan untuk industri kecil, Akta ini memperuntukkan satu galakan khas dalam bentuk pengurangan ke atas pendapatan larasan sebanyak 5% untuk perusahaan kecil. Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan perusahaan kecil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mazidah telah menyenituh tentang penguatkuasaan dan penyeliaan, dengan lain, monitoring peruntukan-peruntukan anti-avoidance.

Sukalah saya meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa Akta Penggalakan Pelaburan ada menyediakan peruntukan-peruntukan anti-avoidance seperti peruntukan akaun berasingan, dengan izin, separate accounts bagi syarikat-syarikat yang diberi galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan dimana mereka perlu mengasingkan aktiviti yang tidak diberi galakan dengan aktiviti-aktiviti yang diluluskan dengan galakan.

Kerajaan telah juga memperkenalkan dua peruntukan baru dalam pindaan Akta yang sedang dipertimbangkan dalam Dewan yang mulia ini yang bertujuan mengelakkan penyelewengan dan manipulasi oleh syarikat-syarikat yang diluluskan dengan galakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Abdullah juga telah menyentuh tentang red tape sebagai halangan kepada menarik lebih banyak pelaburan.

Kerajaan memang sedar tentang kelemahan ini dan seperti yang dijelaskan tadi, Kerajaan sedang berusaha untuk memperkemaskan prosedur-prosedur yang ada agar ia bukan sahaja dapat menindihkan kuasa yang diambil tetapi juga untuk memudahkan para pelabur.

Berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid, bahawa perlanjutan tempoh cukai pelaburan bagi taraf perintis akan hanya merugikan Kerajaan, sukalah saya menerangkan kedudukan sebenarnya.

Di bawah peruntukan Akta **ini**, taraf perintis hanya diberi selama 5 tahun. Pindaan yang dicadangkan untuk melanjutkan tempoh 5 tahun lagi adalah bertujuan untuk menambahkan daya penarik skim galakan yang ada setanding dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Filipina yang memberikan taraf perintis di antara 5 hingga 10 tahun.

Kalau kita ingin bersaing untuk mendapatkan pelaburan asing, kalau kita tidak mahu kalah, maka langkah-langkah yang dicadangkan melalui pindaan Rang Undang-undang ini perlulah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom telah menyarankan tentang pengaliran keluar wang rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengesahkan kebenaran adanya pengaliran keluar pelaburan tempatan yang banyak, akan tetapi sekiranya ada pengaliran ini berlaku, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menghalang perkara ini daripada terus berlaku di mana pelabur-pelabur tempatan yang ada adalah digalakkan untuk melaburkan semula di dalam negara ini melalui pembesaran kapasiti projek ataupun mempelbagaikan keluaran-keluaran yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah menyarankan bahawa galakan elaun eksport sebanyak 5% yang diberi kepada syarikat-syarikat perdagangan hendaklah untuk sementara sahaja, semasa kemelesetan ekonomi ini dan hendaklah dimansuhkan apabila ekonomi telah pulih kembali. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa mengulang kaji semula galakan yang ada dan jika didapati sesuatu galakan itu tidak lagi perlu maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menarik balik skim berkenaan. Buat ketika ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan eksport, langkah memberi elaun eksport ini adalah perlu pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustata Awang telah mencadangkan supaya industri-industri dibawa ke kawasan luar bandar-memandangkan kos buruh adalah jauh lebih rendah dari kawasan-kawasan yang lebih maju. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai dasar menyelerakkan industri ke kawasan kurang maju, bertujuan bukan sahaja untuk memperseimbangkan pertumbuhan ekonomi di antara kawasan-kawasan, akan tetapi juga memberi peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia di kawasan tersebut dan sebagai galakan supaya industri-industri ditempatkan di kawasan yang kurang maju, setelah kemudahan-kemudahan yang mencukupi diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Akta Penggalakan Pelaburan memperuntukkan galakan dalam bentuk pengurangan ke atas pendapatan larasan kepada industri-industri yang ditempatkan di kawasan yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahajalah sebahagian dari jawapan-jawapan yang dapat saya buat secara menyeluruh dan ringkas kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Segala pandangan

dan cadangan yang telah dikemukakan yang tidak sempat saya sentuh akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan sewaktu melaksanakan Rang Undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 32** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 18hb Disember, 1986.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.**

**[Jawapan bagi Pertanyaaa No.13 hingga 24 adalah diberi di bawah ini]**

**PEMBASMIAN KEMISKINAN DI SARAWAK**

33. **Tuan Wong Kie Yik** minta Perdana Menteri menyatakan pembasmian kemiskinan di Sarawak dibaiki daripada 56.5 peratus dalam 1976 kepada 31.9 peratus dalam tahun 1984 adalah tepat kerana bagi pandangan orang awam adalah lebih ramai yang dalam hidupan hanya tertakluk kepada penghidupan harian sahaja.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr.Siti Zahara binti Haji Sulaiman]:** Perangkaan mengenai kadar kemiskinan di Sarawak seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar. Kadar kemiskinan di Sarawak didapati telah berkurang daripada 56.5 peratus pada tahun 1976 kepada 31.9 peratus pada tahun 1984, dan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang ada, Kerajaan berpendapat bahawa pengurangan kadar kemiskinan di Sarawak ini adalah munasabah dan boleh diterima. Perlu juga saya nyatakan di sini, bukan sahaja Sarawak, malah negeri-negeri lain juga turut mengalami pengurangan kadar kemiskinan dalam tempoh yang sama.

Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa konsep kemiskinan yang digunakan di Malaysia ialah kemiskinan mutlak iaitu kemiskinan berasaskan konsep secukup hidup yang selaras dengan taraf hidup di negara ini. Dengan itu konsep kemiskinan di Malaysia adalah berbeza daripada corak kemiskinan yang terdapat di negara-negara sedang membangun yang lain di mana kemiskinan biasanya dikaitkan dengan keadaan kelaparan, kebuluran, tempat tinggal yang usang, mudah dijangkiti penyakit dan kadar kematian kanak-kanak yang tinggi. Bentuk kemiskinan yang begini tidak wujud di negara ini.

Kemiskinan mutlak di Malaysia dikira berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan yang mengambilkira keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain yang minimum bagi mengekalkan sesebuah isi rumah dalam keadaan yang sihat dari segi fizikalnya. Konsep pendapatan yang digunakan dalam menentukan kemiskinan ini merangkumi kedua-dua pendapatan tunai dan juga bukan tunai. Selain dari itu, konsep kemiskinan yang kita gunakan juga mengambilkira nilai kemudahan awam seperti pelajaran, kesihatan dan infrastruktur asas serta berbagai bentuk subsidi yang dinikmati oleh golongan miskin hasil dari pelaburan Kerajaan.

Semua perkara ini perlu diambil ingatan apabila kita membuat sesuatu kesimpulan mengenai keadaan dan tingkat kemiskinan yang wujud di negara ini.

**HARGA MINYAK PETROL**

14. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang mengurangkan harga minyak petrol lagi dengan mengurangkan cukai Kerajaan ke atas bahan itu yang terlalu tinggi iaitu 43 sen se liter.

**Tuan M.G.Pandithan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum diulangkaji tiap-tiap bulan mengikut formula Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum di mana perubahan-perubahan kepada kos barang-barang petroleum telah dilaksanakan sama ada melalui perubahan harga runcit atau duti. Harga dan duti petrol semasa adalah seperti berikut:-

| <b>Di Kuala Lumpur</b> | <b>Harga<br/>(sen/liter)</b> | <b>Duti</b> |
|------------------------|------------------------------|-------------|
| Petrol premium         | 93                           | 38.65       |
| Petrol regular         | 84                           | 38.65       |

**HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA**

15. **Tuan Haji Hussein bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan menyedari hubungan keluarga di dalam Asia tidak melibatkan campurtangan di antara satu negara dan negara-negara lain utama ikatan mengapa harmonian atau satu-satu yang penting negara kita Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik bahkan anti Kerajaan jenis Israel. Khabarnya Presiden Israel akan melawat Singapura tidaklah ini mengikut menyingung Kerajaan mengikut perasaan di Malaysia.

**Dato' Rais Yatim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 4hb, Disember, 1986 bersamaan dengan soalan No.2 oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelantan.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada soalan ini.

**LPN - BERAS YANG DIIMPORT**

16. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) jumlah dan nilai beras yang diimport oleh LPN tiap-tiap tahun sejak lima (5) tahun kebelakangan;
- (b) adakah pihak LPN akan terus mengawal kemasukan beras ke dalam negara ini; dan
- (c) adakah LPN bercadang mengswastakan kilang-kilang padi dan pusat pengeringannya,

**Datin Paduka Rafidah Aziz:**

- (a) Di antara tahun 1981 hingga 1985 LPN telah mengimport sebanyak 1,876,730 tan metrik beras bernilai \$1,255.51 juta. Dalam tahun 1981 LPN telah mengimport sebanyak 267,281 tan metrik beras bernilai \$256.29 juta, 391,008 tan metrik bernilai \$281.83 juta dalam tahun 1982, 373,731 tan metrik bernilai \$233.97 juta dalam tahun 1983, 423,933 tan metrik bernilai \$245.31 juta dalam tahun 1984 dan 420,777 tan metrik bernilai \$238.11 juta dalam tahun 1985.
- (b) LPN akan terus mengawal kemasukan beras ke negara ini selaku pengimport tunggal beras dan bagi kemasukan beras secara haram, melalui kawalan oleh Unit Pencegah Penyeludupan di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan negara jiran,
- (c) Buat masa ini LPN belum lagi bercadang untuk menswastakan kompleks-kompleksnya. Walau bagaimanapun beberapa dari aktivitinya seperti operasinya harian dan pengendalian padi dan beras telahpun diswastakan.



**UNIVERSITI TEMPATAN - PERMOHONAN MASUK**

17. **Tuan Tay Chee King** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) bilangan permohonan masuk ke dalam Universiti-universiti tempatan yang telah diterima tahun ini;
- (b) peratusnya yang berjaya dapat memasuki ke dalam Universiti tahun ini; dan
- (b) sistem yang digunakan dalam pemilihan pelajar-pelajar yang memohon.

**Menteri Pelajaran [Tuan Anwar bin Ibrahim]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun akademik 1986/87 pihak Kementerian telah memproses sebanyak 30,973 permohonan. Daripada jumlah ini kira-kira 28% telah berjaya memasuki universiti-universiti tempatan.

Pemilihan pelajar-pelajar adalah berdasarkan kepada merit pencapaian calon-calon di dalam peperiksaan STPM.

### CASINO DI PULAU LANGKAWI

18. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan satu lesen Casino di Pulau Langkawi untuk menarik para pelancung datang ke mari dan seterusnya mengembangkan industri pelancungan di sana.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kerajaan tidak bercadang hendak mengeluarkan lesen kasino di Pulau Langkawi untuk menarik para pelancung.

### SUBSIDI PEMBELIAN PADI

19. **Tuan R.M.Jasni** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada ia sedar pemohon-pemohon subsidi pembelian padi oleh para pengilang padi di Sabah mengambil masa begitu lama untuk mendapatkan kelulusan. Berhubung dengan itu minta diterangkan jumlah bilangan para pengilang padi Bumiputera dan bukan Bumiputera yang telah mendapat subsidi pembelian padi.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Subsidi Harga Padi hanya dikeluarkan kepada petani-petani yang menjualkan padi sama ada terus kepada LPN atau melalui pusat-pusat belian yang terdiri dari kilang-kilang swasta. Kerani-kerani subsidi LPN ditempatkan di setiap pusat belian untuk mengeluarkan kupon subsidi kepada petani-petani. Nilai kupon yang dikeluarkan adalah bergantung kepada berat bersih padi yang dijual oleh petani-petani.

LPN tidak mengeluarkan subsidi kepada pengilang-pengilang Bumiputera atau bukan Bumiputera dan dengan yang demikian soal kelewatan untuk mendapatkan kelulusan adalah tidak timbul.

**GURU KONTRAK SEBERANG LAUT**

20. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) keperluan menggaji guru-guru kontrak dari seberang laut untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah padahal terdapat ramai guru-guru yang berkelayakan dalam negara kita;
- (b) bilangan guru-guru kontrak yang berkenaan; dan
- (c) keperluan penyediaan penuntut sekolah-sekolah menengah berasrama untuk "English A Level Examination".

**Tuan Anwar bin Ibrahim:**

- (a) Guru-guru kontrak dari seberang laut di perlukan kerana mereka mempunyai latihan dan kemahiran yang dikehendaki untuk menyediakan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan GCE 'A' level.

Guru-guru yang berkenaan boleh mengajar bahasa Inggeris dan kemahiran belajar secara bersepadu. Cara ini dapat membantu pelajar-pelajar dari aliran Bahasa Malaysia menguasai bahasa Inggeris dengan lebih berkesan dan seterusnya lulus peperiksaan GCE "A" level dalam jangka masa yang dirancangkan.

- (b) Bilangan guru-guru kontrak yang ada setakat ini ialah 77 orang.
- (c) Sebilangan pelajar tertentu perlu disediakan untuk mengambil peperiksaan GCE 'A' Level dengan tujuan memberi pengetahuan, kemahiran dan orientasi tertentu bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke luar negeri dalam berbagai bidang sesuai dengan keperluan tenaga manusia bagi pembangunan negara.

**GURU SANDARAN**

21. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan guru-guru sandaran tanpa latihan yang berkelayakan Darjah Tujuh (Tamil) yang berkhidmat di sekolah-sekolah Tamil secara sandaran telah berkhidmat lebih dari 15 tahun kini berusia lebih 40 tahun. Nyatakan sama ada Kerajaan akan melonggarkan syarat kelayakan akademik supaya menyerapkan semua guru ini dalam jawatan tetap dengan memberi latihan perguruan, memandangkan usia dan tempoh perkhidmatan mereka, serta jumlah mereka yang begitu kecil lebih kurang 60 orang sahaja di seluruh negara ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Kementerian Pelajaran memang menyedari terdapat guru-guru sandaran tanpa latihan yang berkelayakan Darjah Tujuh (Tamil) berkhidmat di sekolah-sekolah Tamil. Memang benar ada di antara mereka telah berkhidmat lebih dari 15 tahun dan berusia lebih dari 40 tahun.

Walau bagaimanapun semua calon yang ingin memohon mengikuti Kursus Perguruan Asas atau Kursus Dalam Cuti hendaklah memiliki kelulusan SPM dengan sekurang-kurangnya 4 kepujian termasuk mata-pelajaran Bahasa Malaysia.

Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat kelayakan akademik guru-guru tersebut untuk diserapkan ke dalam jawatan tetap dan memberi latihan perguruan. Perlantikan mereka sebagai guru-guru-sandaran tanpa latihan boleh dibuat selagi perkhidmatan mereka diperlukan.

**GURU SAINS PERPUSTAKAAN**

22. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang untuk mengujudkan guru Sains Perpustakaan Khas bagi tiap-tiap sekolah untuk tugas-tugas perpustakaan sahaja, tidak seperti sekarang guru Sains Perpustakaan juga mengajar mata pelajaran lain, jika ya, bila.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mengujudkan jawatan guru sains perpustakaan di tiap-tiap sekolah, khas untuk tugas-tugas perpustakaan sahaja. Pada masa ini sudahpun ada guru-guru yang telah diberi kursus pengurusan perpustakaan menjalankan tugas-tugas tersebut di samping menjalankan tugas-tugas mengajar. Keadaan ini adalah lebih sesuai kerana guru-guru tersebut dapat memahami dengan lebih dekat keperluan-keperluan perpustakaan berdasarkan pembelajaran murid-murid dan kehendak kurikulum sekolah.

**RUMAH KOS RENDAH - CARUMAN KWSP**

23. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang meningkat had pengeluaran sumbangan KWSP bagi kumpulan berpendapatan rendah untuk membeli rumah-rumah kos rendah bagi menjimatkan kos pinjaman mereka.

**Tuan Lok Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, had pengeluaran yang ditetapkan bagi skim pengeluaran caruman KWSP untuk pembelian rumah kos rendah telah diubahsuaikan pada awal tahun ini. Mengikut had yang ditetapkan, seseorang ahli KWSP boleh mengeluarkan 40% dari harga rumah kos rendah atau kesemua kreditnya, yang mana kurang, bagi tujuan pembelian rumah kos rendah.

Oleh kerana had yang ditetapkan itu adalah memadai untuk membantu seseorang ahli KWSP memiliki rumah sendiri, maka Kementerian saya buat masa ini tidak bercadang untuk meningkat had pengeluaran tersebut.

**KERJA SEMENTARA BAGI SISWAZAH**

24. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga sekarang ini berapa ramai jumlah siswazah yang dapat ditolong mendapatkan kerja-kerja sementara dan sehingga bila rancangan ini akan diteruskan sedangkan peruntukan untuk itu terhad. Apakah rancangan selanjutnya untuk memberi peluang pekerjaan kepada mereka setelah mereka lulus pengajian tinggi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]**: Sehingga 30 November 1986, seramai 4,000 orang siswazah telah dilantik secara sementara di bawah program kerja Skim Khidmat Sambilan. Program ini dilaksanakan bagi tempoh enam bulan iaitu mulai 1 Julai 1986 hingga 31 Disember 1986. Kerajaan sedang meneliti kesesuaian program-program kerja yang lain untuk membantu mengatasi masalah pengangguran di kalangan siawazah-siswazah di negara ini.